

Bil. 8

**Isnin
6 Julai 2009**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH	(Halaman 1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:	
Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru	(Halaman 1)
Mengangkat Sumpah di Luar Dewan	(Halaman 2)
Memperkenankan Akta-akta	(Halaman 2)
Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman 3)
URUSAN MESYUARAT	(Halaman 3)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 4)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008	(Halaman 25)
Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008	(Halaman 38)
Rang Undang-undang Makanan Haiwan 2008	(Halaman 59)
Rang Undang-undang Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2008	(Halaman 68)
USUL:	
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
Mengehadkan Subjek SPM	
- <i>YB Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī</i>	(Halaman 70)
Gejala Sosial Belia dan Remaja	
- <i>YB Tuan Mohd Khalid bin Ahmad</i>	(Halaman 74)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. “ Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahaim (Kelantan)
8. “ Datuk Akbar bin Ali (Melaka)
9. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – Senator – Timbalan Menteri Luar Negeri I
10. “ Tan Sri Amirsham bin A. Aziz (Dilantik)
11. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
12. “ Dato' Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – Senator – Timbalan Menteri Kewangan II
13. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
14. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
15. “ Datuk Chandrasekar Suppiah (Dilantik)
16. “ Datin Paduka Chew Mei Fun (Dilantik) – Senator – Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
17. “ Dato' Daljit Singh Dalliwal (Dilantik)
18. “ Tuan Eg Fook Heng @ Ng Fook Heng (Pahang)
19. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
20. “ Puan Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
21. “ Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah (Dilantik)
22. “ Tuan Puan Heng Seai Kie (Perak) – Senator – Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi, Kesenian dan Kebudayaan II
23. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
24. “ Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak (Selangor)
25. “ Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh (Dilantik)
26. “ Dato' Jamil Khir bin Baharom (Dilantik) – Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri
27. “ Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin (Dilantik)
28. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
29. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
30. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri

31. Yang Berhormat Puan GK Loga Chitra (Dilantik)
32. “ Tuan Datuk Majjol bin Mahap (Sabah)
33. “ Dr. M. Malasingam (Dilantik)
34. “ Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – Senator
– Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri
35. “ Dato’ Maznah Mazlan (Dilantik) – Senator
– Timbalan Menteri Sumber Manusia
36. “ Dato’ Sri Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
37. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
38. “ Tan Sri Dato’ Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)
39. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
40. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
41. “ Datuk T. Murugiah (Dilantik) – Senator
– Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri
42. “ Dato’ Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
43. “ Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
44. “ Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
45. “ Datuk Osman bin Bungsu, (Dilantik)
46. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
47. “ Dato’ Raja Nong Chik bin Dato’ Raja Zainal Abidin (Dilantik) – Senator
– Menteri Wilayah Persekutuan
48. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
49. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W.P. Kuala Lumpur)
50. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
51. “ Dato’ Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
52. “ Dato’ Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
53. “ Dato Sri Shahrizat Abdul Jalil (W.P. Putrajaya) – Senator
– Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
54. “ Tuan Haji Shamsudin bin Mehat (Dilantik)
55. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato’ Syed Zain (Dilantik)
56. “ Datuk Sim Kheng Hui (Dilantik)
57. “ Puan Tan Sri Datuk Tee Hock Seng (Dilantik)
58. “ Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
59. “ Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram (Dilantik)
60. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
61. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
62. “ Dato’ Wong Siong Hwee (Dilantik)
63. “ Dato’ Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)

64. Yang Berhormat Dato' Yip Kum Fook (Selangor)
65. " Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)
66. " Puan Zaitun binti Mat (Pahang)
67. " Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

DEWAN NEGARA**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Negara

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Ikmalrudin bin Ishak

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Sarimah binti Haji Amran

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Nurul Fariahah binti Mohd. Isa

Nordiyana binti Kamal Ariff

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Zaidi bin Mahmood

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Hazrul bin Sharif

Adelynn Cheah Ee Kim

Nurul Aishah binti Sha'arin

Nor Kamsiah binti Asmad

Noor Salini binti Mohamed Salim

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

MALAYSIA**DEWAN NEGARA**

Isnin, 6 Julai 2009

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- (i) Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi;
- (ii) Yang Berhormat Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim; dan
- (iii) Yang Berhormat Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff.

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan tahniah sambil mengalu-alukan pelantikan semula Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md. Nawi. Saya juga mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan Yang Berhormat Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim dan Yang Berhormat Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff sebagai Ahli-ahli Dewan Negara yang baru.

Saya percaya Yang Berhormat-Yang Berhormat sedia ingat sejak kemunculan negara sebagai negara bangsa berdaulat di kalangan masyarakat antarabangsa lebih 50 tahun dahulu, kita tidak pernah kenal mana-mana sistem pemerintahan melainkan sistem Demokrasi Berparlimen yang mana Parlimen merupakan wadahnya.

■1010

Pada tahun ini pula Parlimen merayakan Jubli Emasnya. Ini bermakna Yang Berhormat-Yang Berhormat menganggotai Dewan Negara, lantas mula berkhidmat sebagai Ahli-ahli Parlimen pada detik-detik bersejarah dalam perkembangan demokrasi di tanah air. Sudah tentu ia amat memberangsangkan. Selain dari itu saya sedar bahawa prosiding, gerak langkah, perjalanan, sifat sesebuah Parlimen pada akhirnya dicorakkan oleh hempas pulas, riu rendah suasana politik dan perangai manusia dalam sesebuah masyarakat dan negara.

Biarpun begitu, saya masih berharap sambil mendoakan Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator akan senantiasa akur terhadap prinsip-prinsip asasi, *Rule of Law*, *separation of powers*, *check and balance* dan peruntukan-peruntukan perlembagaan sambil menyedari bahawa peraturan dan *decorum* adalah prasyarat untuk melahirkan perbahasan yang koheren. Yang Berhormat-Yang Berhormat telah bersumpah untuk memikul amanah memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaan dan Perlembagaan selama ini telah menentukan negara Malaysia mempunyai struktur negara bersekutu dengan warganya yang majmuk lantas mempunyai *centres of power and influence* yang banyak dan pelbagai. Saya berdoa semoga Yang Berhormat-Yang Berhormat berjaya mendukung tugas. Ahi-ahli Yang Berhormat, kini selesailah Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini.

MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah di luar waktu persidangan Dewan mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

Pada 9 April 2009:

1. Yang Berhormat Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon;
2. Yang Berhormat Dato' Dr. Awang Adek Hussin;
3. Yang Berhormat Datin Paduka Chew Mei Fun;
4. Yang Berhormat Mejar Jeneral Dato' Jamil Khir bin Baharom;
5. Yang Berhormat Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin; dan
6. Yang Berhormat Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil.

Pada 6 Mei 2009:

1. Yang Berhormat Dato' Dr. Yeow Chai Thiam;
2. Yang Berhormat Tuan Eg Fook Heng @ Ng Fook Heng;
3. Yang Berhormat Puan Zaitun binti Mat;
4. Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin;
5. Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad; dan
6. Yang Berhormat Puan Hajah Zainun binti A. Bakar.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (2009) 2009;
2. Akta Perbekalan Tambahan (2008) 2009;
3. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2009;
4. Akta Perlindungan Saksi 2008;
5. Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2008;
6. Akta Pelantar Benua (Pindaan) 2009;
7. Akta Fi (Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan) (Pengesahan) 2009;
8. Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Pindaan) 2009; dan
9. Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2009.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"2 Julai 2009

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008;
2. Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008;
3. Rang Undang-undang Makanan Haiwan 2008;
4. Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2008;
5. Rang Undang-undang Identifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2008;
6. Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009;
7. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia 2009;
8. Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) (Pindaan) 2009; dan
9. Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Pindaan) 2009.

Yang Ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT"

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan, baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta Perdana Menteri menyatakan dengan tepat dan jelas, definisi konsep *1Malaysia*, dan apakah usaha-usaha yang telah dibuat untuk memantapkan konsep ini.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Selamat pagi dan salam hormat Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang baru dilantik pada pagi ini.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' di atas soalan yang begitu baik dan relevan. Saya sebelum itu memohon izin untuk menjawab secara serentak pertanyaan-pertanyaan berkaitan maksud dan definisi gagasan *1Malaysia* yang diutarakan melalui soalan-soalan nombor 1, 71, 75 dan 101 pada hari ini, soalan 33 pada 7 Julai dan soalan nombor 80 pada 14 Julai. Izinkan saya menjawab pertanyaan-pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bagi memperjelaskan erti dan maksud gagasan *1Malaysia*.

Seperti yang telah diperincikan kepada Dewan Rakyat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 15 Jun yang lalu. *1Malaysia* bukanlah konsep atau formula baru sebaliknya matlamat akhir. *1Malaysia* iaitu perpaduan nasional juga merupakan wawasan utama pemimpin-pemimpin negara yang terdahulu, yang telah diterjemahkan dalam pelbagai rupa bentuk dan jelmaan sepanjang lebih lima dasawarsa kita merdeka.

Jika diamati, apa yang berubah adalah pendekatan dan gerak kerja menurut kesesuaian zaman dan generasi yang silih berganti. Dalam erti kata lain, *1Malaysia* yang ditulis dalam bentuk angka "1" digabungkan dengan ejaan "Malaysia" sebagai satu perkataan adalah satu gagasan bagi memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Berteraskan kepada lain-lain nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia.

■1020

Ia bukan satu pendekatan yang terpisah dari dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini sebaliknya ia merupakan pelengkap kepada pendekatan-pendekatan yang sedia ada untuk mengukuhkan lagi perpaduan bagi menjamin kestabilan ke arah mencapai kemajuan dan pembangunan yang lebih tinggi bagi rakyat dan negara Malaysia.

Makanya, *1Malaysia* digagaskan sebagai satu formula yang menjadi pra-syarat bagi memastikan aspirasi negara mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 tercapai jika ia diterapkan ke dalam sanubari rakyat dan diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat. Jika bangsa Malaysia yang diilhamkan melalui Wawasan 2020 adalah matlamat akhir perjalanan ini, maka *1Malaysia* adalah penunjuk haluan ke arah pencapaian matlamat itu. Pengertian ini adalah bertunjangan hujah bahawa untuk mencapai status negara maju dalam jangka masa yang telah ditetapkan, syarat yang paling utama ialah sebuah negara yang kukuh dan stabil.

Ini akan hanya dapat dicapai apabila rakyatnya bersatu padu. Tuan Yang di-Pertua, *1Malaysia* menekankan sikap penerimaan di kalangan rakyat berbilang kaum di mana satu kaum menerima keunikan kaum yang lain seadanya agar dapat kita hidup bersama dalam keadaan saling hormat-menghormati sebagai rakyat dalam satu negara. Ia adalah peningkatan ketara dari sikap toleransi semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, *1Malaysia* adalah penerusan agenda membina negara untuk mencapai kemajuan bagi negara. Rakyat perlu dimajukan terlebih dahulu dan ini dimulakan dengan membentuk sikap penerimaan antara kaum yang membawa kepada perpaduan yang utuh.

Apabila perpaduan dicapai, maka urusan pembangunan negara akan berjalan dengan lebih lancar. Formula 1Malaysia yang digagaskan akan terlaksana dalam dua aspek utama:

- (i) penerapan teras-teras perpaduan, dan
- (ii) penerapan nilai-nilai aspirasi.

Teras-teras perpaduan ada tiga perkara iaitu:

- (i) sikap penerimaan;
- (ii) prinsip-prinsip kenegaraan berasaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara; dan
- (iii) keadilan sosial.

Formula 1Malaysia pula menekankan elemen-elemen yang perlu menjadi amalan mana-mana masyarakat yang ingin berdaya maju dan berjaya. Elemen-elemen tersebut merangkumi budaya prestasi tinggi dalam melaksanakan semua tugas dan tanggungjawab. Budaya ketepatan dari segi menghormati waktu dan meninggalkan ketetapan, keberanian untuk berinovasi dan meneroka peluang-peluang baru, meritokrasi dalam pemberian tugas kepada yang paling layak melaksanakannya berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Dasar Negara.

Kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada tanah air tercinta, ketabahan dalam mengharungi sebarang cabaran yang mendatang dan integriti dalam segala urusan dan transaksi. Pembudayaan nilai-nilai aspirasi ini akan menyerlahkan masyarakat Malaysia yang berwibawa, dihormati dan disegani bersesuaian dengan identiti sebuah negara bangsa yang maju dan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan komitmennya terhadap rakyat, kerajaan telah mengutarakan tema "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". sebagai sebahagian dari konsep 1Malaysia. Tema ini membawa maksud bahawa di samping menekankan peri pentingnya perpaduan rakyat Malaysia, kerajaan juga akan memberikan keutamaan negara, isu-isu yang dianggap penting oleh rakyat. Kerajaan juga menekankan prestasi dan pencapaian oleh semua kakitangannya apabila berurusan dengan rakyat. Dalam kata lain, kerajaan amat memahami betapa pentingnya kecekapan dan kualiti perkhidmatan awam dalam meningkatkan mutu hidup rakyat.

Justeru itu, pendekatan mesra rakyat akan diberi keutamaan oleh semua agensi-agensi kerajaan. Segala inisiatif ini Tuan Yang di-Pertua, diharapkan akan membawa perubahan yang nyata bukan hanya kepada urusan pentadbiran negara tetapi yang lebih penting ia akan membawa penambahbaikan kepada kualiti hidup rakyat Malaysia. Konsep *1Malaysia "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"* diyakini akan menjana satu transformasi ke arah sebuah negara Malaysia yang maju, didukung oleh rakyat yang utuh perpaduannya dan tinggi martabatnya di mata dunia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah dan saya juga bercadang untuk memberi peluang kepada dua lagi yang mengemukakan soalan untuk dijawab sekali gus oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu kalau ada lah, soalan nombor 71, 75, dan 101. Silakan Yang Berhormat Dato' Abdul Rashid bin Ngah dan selepas itu saya menjemput Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali untuk mengemukakan soalan tambahan.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan tadi.

Sepanjang pendengaran saya daripada apa jawapan yang agak panjang tadi, saya rasa Yang Berhormat mungkin tidak sempat ataupun terlupa untuk menjawab bahagian akhir soalan itu yang bermaksud apakah usaha-usaha yang telah dibuat untuk memantapkan konsep ini. Pengertian konsep telah diterangkan dengan jelas tadi akan tetapi apakah langkah untuk memantapkan konsep ini?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Seperti Senator sedia maklum, sehubungan dengan isu yang dibangkitkan tadi, satu langkah iaitu *key performance index* atau indeks penunjuk prestasi telah pun diguna pakai dalam urusan kerajaan bermula dengan pemantau KPI bagi semua Menteri. Seorang Menteri di Jabatan Perdana Menteri ditugaskan khas untuk memastikan kelancaran pelaksanaan KPI ini. Yang Berhormat Menteri berkenaan akan memberikan penerangan selanjutnya tentang KPI dan perancangan spesifik yang akan dilaksanakan bagi menterjemahkan hasrat kerajaan ini.

Ini akan diambil untuk mengkaji langkah-langkah yang diambil oleh Menteri-menteri berkenaan untuk memastikan bahawa konsep 1Malaysia ini dijalankan dengan lancar. Selain daripada itu, Yang Berhormat Senator sedia maklum bahawa baru-baru ini kerajaan telah pun meliberalisasikan 27 subsektor perkhidmatan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini merupakan satu tindakan liberalisasi beliau yang berani yang menunjukkan bahawa beliau mengutamakan konsep 1Malaysia ini. Kini sektor perkhidmatan mula dikongsi secara bersama dengan semua kumpulan etnik selaras dengan konsep 1Malaysia ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Datuk Akbar.

Datuk Akbar bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kemungkinan terlepas pandang bahawa saya juga ada bertanya soalan yang sama di nombor soalan 59.

Timbalan Yang di-Pertua: Kemukakan soalan tambahan.

Datuk Akbar bin Ali: Soalan tambahan saya, selaras dengan apa yang diterangkan tadi iaitu salah satu usaha ialah untuk menekankan perpaduan. Maka soalan saya, *vehicle* atau alat yang paling berkesan untuk mencapai perpaduan ini ialah melalui sistem pendidikan khususnya sistem pendidikan satu sekolah. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang usaha melaksanakan sistem pendidikan yang saya nyatakan tadi untuk mencapai 1Malaysia?

Soalan saya yang kedua...

Timbalan Yang di-Pertua: Satu cukup Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Akbar. Kita tidak boleh nafikan bahawa rakyat semestinya berharap agar konsep 1Malaysia ini dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan konsisten dalam semua aspek kehidupan rakyat tanpa membezakan warna kulit, perbezaan agama serta budaya etnik.

■1030

Kita sebagai Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang mulia ini juga memainkan peranan yang amat penting untuk membentuk konsep ini khususnya menjelmakan janji iaitu mendahulukan rakyat dan mengutamakan pencapaian. Daripada segi itu kita tidak dapat nafikan bahawa segala hak rakyat yang telah pun diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan ini terjamin dan termasuk juga pendidikan dan juga pendidikan kepada semua rakyat dan sekiranya kerajaan rasa ini akan diselaraskan dengan perjuangan konsep 1Malaysia ini kerajaan memang akan meneruskan untuk menetapkan hak-hak yang termaktub dalam Perkara-perkara 34 dan 152 Perlembagaan Persekutuan.

Oleh yang demikian janganlah Yang Berhormat kkuatir atau menaruh syak serta bimbang bahawa konsep ini akan terpesong dari apa yang telah pun dipersetujui sebelum ini pada masa awal lagi iaitu pada masa kita merdeka. Jadi mengenai isu pendidikan itu, saya rasa kerajaan akan mengambil satu pendekatan yang sesuai. Terima kasih.

2. Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, adakah benar dakwaan orang ramai bahawa beras jenis Super Tempatan 15% hancur tiada di pasaran sekarang dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan ini, izinkan saya juga untuk mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ahli-ahli Senator yang baru dan juga Ahli-ahli Senator yang dilantik semula dan setinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Tan Sri Abdul Hamid Pawanteh di atas perkhidmatan yang cemerlang serta tegas selama beliau menjadi Tuan Yang di-Pertua di Dewan Negara yang mulia ini. Tahniah... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar dakwaan orang ramai bahawa beras Super Tempatan 15% tiada di pasaran. Pada masa ini bekalan beras ST 15% adalah terkawal. Beras Super Tempatan 15% adalah beras tempatan yang dikawal harga sejak tahun 1958 dan harga kawalan beras ini adalah mengikut zon seperti berikut;

- (i) Zon I iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang iaitu RM16.50 bagi 10 kilogram atau RM1.65 sekilo;
- (ii) Zon II bagi Perak, Terengganu RM1.70 sekilo;
- (iii) Zon III Selangor, Negeri Sembilan, Melaka RM1.75 sekilo;
- (iv) Zon IV Wilayah Persekutuan, Putrajaya, Kuala Lumpur RM1.75 sekilo; dan
- (v) Zon V iaitu di Johor, Pahang, Kelantan, dan Sarawak termasuk Sabah RM1.80 sekilo.

Pada tahun 2008 semasa krisis beras, bekalan beras ini berkurangan kerana pengilang-pengilang tidak dapat mengeluarkan beras ini kerana mengalami kerugian dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah merancang strategi untuk mengatasi masalah ini melalui fasa I iaitu untuk menambahkan pengeluaran beras di peringkat tempatan ST 15% di mana sasaran adalah 40,000 metrik tan sebulan.

Pada 1 September 2008 hingga 31 Mac 2009, kerajaan telah bersetuju memberi subsidi kepada pengilang-pengilang berjumlah RM800 setiap metrik tan beras ST 15% yang dikeluarkan. Bagi fasa II bagi tempoh 1 April 2009 hingga 20 September tahun ini, beberapa perubahan juga telah dibuat untuk mengurangkan ketirisan pemberian subsidi untuk ST 15%.

Pada peringkat awal pelaksanaan Fasa II, bekalan beras ST 15% tidak dapat disalurkan dengan berkesan berikutan dengan keupayaan Bernas dan pengilang-pengilang bumiputera untuk mengeluarkan beras mengikut sasaran yang ditetapkan iaitu 40,000 metrik tan sebulan. Sementara itu pemborong-pemborong yang dilantik masih belum dapat mengedarkan beras secara menyeluruh terutamanya di kawasan pedalaman.

Dengan adanya penyelarasan tindakan dengan semua pihak iaitu Bernas, pengilang, pemborong dan peruncit maka saya ingin memaklumkan di sini bahawa pada masa ini kedudukan bekalan beras ST 15% telah dapat dipulihkan sehingga di peringkat runcit dan untuk makluman Dewan yang mulia ini sehingga kini jumlah beras ST 15% yang diedarkan iaitu dari April hingga Jun tahun ini berjumlah 56,777.48 metrik tan. Bagi membolehkan orang ramai mendapatkan bekalan beras ST 15% di pasaran, beberapa langkah atau tindakan telah diambil:

- (i) semua Pejabat Kawal Selia Padi dan Beras di peringkat negeri telah diarah untuk menjalankan pemeriksaan di peringkat kilang, pemborong dan peruncit;
- (ii) untuk mendapatkan kerjasama orang ramai bagi memberi maklumat mengenai mana-mana pihak yang cuba mendapat untuk dengan menyalahgunakan bekalan beras ST 15%; dan
- (iii) memberi ganjaran kepada orang ramai yang memberi maklumat penyalahgunaan bekalan beras ST 15%.

Terima kasih.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Perkara ini telah menjadi isu pada beberapa bulan yang lalu di mana Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menjawab tidak ada masalah. Itu jawapan yang sama yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Dua, tiga hari yang lepas Persatuan Pengilang Beras Melayu yang turut dihadiri oleh Persatuan Pengilang Beras Cina di Kedah dan Perlis telah membangkitkan perkara yang sama dan pada hari Jumaat yang lepas saya sendiri pergi ke beberapa pasar raya di sekitar Alor Setar dan Sungai Petai termasuk hari Sabtu yang lepas. ST 15% ini memang tidak ada di rak-rak dan yang ada hanya 5% dan 10%.

Ini yang menjadi masalah kepada golongan pertengahan terutamanya, di mana persatuan kalau dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri lihat dalam laporan daripada Sinar keluaran pada 28 Jun yang lalu iaitu beberapa hari yang lalu menyentuh di mana ada pemborong yang menyalah gunakan ST 15% di mana mereka campurkan dengan ST 5% dan ST10% di mana mereka mendapat keuntungan yang lebih kerana campuran ini dan adakah ini merupakan faktor beras ST 15% tiada di pasaran kerana telah dimasukkan ke dalam kampil-kampil ST 5% dan ST 10%.

Soalan dan pertanyaan saya sekarang setakat mana dan sejauh mana pemantauan yang dibuat oleh kerajaan supaya perkara ini tidak harus berlaku kerana akan memberi kesan kepada rakyat seperti golongan miskin dan pertengahan. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Fakta yang saya sebutkan tadi memang yang sebenar. Bermakna dengan beberapa langkah yang kita ambil tadi iaitu dengan pengeluaran 40,000 metrik tan sebulan dan kita mendapat jumlah 40,000 metrik tan sebulan ini atas kajian yang kita ambil atas penggunaan golongan-golongan sasar menggunakan ST 15%. Bermakna kalau ikut yang sebenar-benarnya 40,000 ini lebih daripada cukup tetapi betul Yang Berhormat apa Yang Berhormat cakap itu memang betul juga. Itulah tadi ke penghujung jawapan saya kami meminta juga kerjasama semua pihak untuk membantu kami di dalam aspek pengawal seliaan dan betul Yang Berhormat ST 15% ini ada tetapi telah ditukar baju, kita panggil tukar baju dan dimasukkan pula ke ST 5% dan ST 10% sebab harganya lain.

Tadi saya kata harga itu dikawal, ada beberapa tadi harganya kalau dia jadi ST 5% dan ST 10% harganya lain iaitu RM2.60 dan RM2.80. Jadi jauh dia punya beza. Jadi sebab itu Yang Berhormat, sebenar-benarnya mencukupi dan sebenar-benarnya kalau golongan sasar yang sebenar-benarnya yang biasa makan ST 15% itu, 40,000 metrik tan lebih daripada mencukupi.

■1040

Akan tetapi, selepas krisis beras baru-baru ini, kita dapati bukan golongan berpendapatan rendah sahaja yang membeli ST15 ini. Boleh katakan rata-rata, sehingga semua peringkat. Oleh yang demikian tidak mencukupi, tetapi lima dan sepuluh ada tetapi ditukar baju. Sebab itu Yang Berhormat tadi, pada penghujung jawapan saya, kita juga memerlukan kerjasama. Memang Pejabat Kawal Selia Padi dan Beras di peringkat negeri menjalankan tugas mereka dengan sebaik yang mungkin, mereka pergi ke kilang, pergi ke peringkat pemborong dan peruncitan, tetapi Yang Berhormat orang ramai lain itu, lebih ramai.

Jadi, itu yang kami mohon, kalau boleh mendapat kerjasama orang ramai untuk memberikan maklumat-maklumat, supaya tindakan yang tegas dapat diambil. Bagi memastikan supaya golongan-golongan yang tertentu, khasnya yang berpendapatan rendah dapat *supply* atau bekalan beras ini. Memang di pasar-pasar raya..., sebab itulah Yang Berhormat Menteri ada membuat satu pengumuman. Dia berkata kalau boleh dia mencadangkan, hendak mengagihkan beras ini ke pendalaman, sebab di pasar-pasar raya dan sebagainya, pilihan itu banyak. Beras-beras lain boleh dibeli oleh beberapa golongan-golongan sasaran yang mempunyai pendapatan yang berlainan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Ahmad bin Hussin.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan saya untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah, beras yang diimport diwajibkan melalui proses dengan izin fumigation, iaitu bertujuan untuk membunuh serangga di dalam beras. Beras akan kelihatan bersih, cantik dan putih melepak. Apakah bahan kimia yang telah digunakan dan adakah bahan kimia yang digunakan, selamat untuk kita makan kerana dasar slogan kerajaan ialah "Gaya Hidup Sihat"? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, itulah Yang Berhormat, kadang-kadang yang bersih, cantik dan putih melepak itu ada *side effect...*[Ketawa] Kadang-kadang kita makan dan sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat, kami pun ada ini..., tetapi saya mohon maafah Yang Berhormat. Saya tak dapat tahu apakah nama bahan kimia tersebut. Boleh atau tidak kalau saya memberi secara bertulis kepada Yang Berhormat, sebab itu ada teknikal sedikit dan dia terkeluar sedikit daripada ini. Akan tetapi Yang Berhormat, saya boleh memberi jawapan secara bertulis, terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah.

3. Prof. Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, bilangan kes-kes penderaan oleh majikan Malaysia ke atas pembantu-pembantu rumah warga asing. Berapakah kes yang telah dikenal pasti, yang telah dan sedang dibicarakan, bilangan-bilangan pesalah yang telah dihukum, bentuk hukuman yang paling berat dan kes-kes yang menunggu perbicaraan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah yang telah mengemukakan pertanyaan. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kes warga asing yang didera oleh majikan bagi tempoh 2006 sehingga 2011, mulai Januari hingga Mei, butirannya adalah seperti berikut.

Bagi tahun 2006, jumlah kes yang dilaporkan adalah 45 kes, jumlah kes dalam siasatan 43, kes dalam bicara tiada, kes selesai bicara dan hukuman tiada, kes tunggu perbicaraan, dua kes. Kesalahan di bawah seksyen 376, kedua-duanya. Bagi tahun 2007, jumlah kes yang dilaporkan 39 kes, jumlah kes dalam siasatan 38, kes dalam bicara tiada, kes selesai dan bicara tiada, kes tunggu perbicaraan, satu kes. Begitu juga, seksyen 376.

Bagi tahun 2008, jumlah kes yang dilaporkan 42 kes, jumlah kes dalam siasatan 41 kes, kes dalam perbicaraan tiada, kes selesai bicara, dua kes, iaitu kes pertama di bawah seksyen 326 Kanun Keseksaan, di mana dijatuhkan hukum penjara 18 tahun, dan kes ini masih lagi dalam rayuan di Mahkamah Tinggi, kes kedua adalah kes di bawah Seksyen 341 Kanun Keseksaan, di mana didenda RM700 dan kes dalam bicara tiada tahun ini.

Manakala bagi tahun 2009, terdapat tujuh kes yang dilaporkan, jumlah kes siasatan sebanyak lima kes, kes dalam perbicaraan, tiada. Kes selesai bicara, tiada. Kes tunggu perbicaraan ada dua kes, iaitu kes di bawah seksyen 326, Kanun Keseksaan dan satu lagi kes di bawah Seksyen 325, Kanun Keseksaan.

Kes Penderaan Warga Asing Oleh Majikan	Tahun			
	2006	2007	2008	2009
Kes yang dilaporkan	45	39	42	7
Kes dalam siasatan	43	38	41	5
Kes dalam perbicaraan	-	-	-	-
Kes selesai perbicaraan dan tiada hukuman	-	-	2	-
Kes tunggu perbicaraan	2	1	-	2
Seksyen	376	376	326 & 341	326 & 325

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan bentuk hukuman yang paling berat yang pernah dikenakan ke atas majikan yang mendera pembantu rumah ialah, di mana majikan dikenakan hukuman penjara selama 18 tahun di atas tiga pertuduhan. Kesemuanya di bawah pertuduhan seksyen 326 kanun keseksaan, iaitu dengan sengaja menyebabkan cedera parah dengan senjata. Sebagaimana yang saya telah nyatakan tadi, proses ini masih dalam proses rayuan yang dibuat oleh tertuduh. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus dan selepas itu Yang Berhormat Hajah Saripah Aminah.

Prof. Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Barangkali tersilap, Yang Berhormat sebut tadi antara tahun 2006 dengan tahun 2011, sekarang baru tahun 2009. Sama ada Yang Berhormat tersilap cakap atau saya tersilap pendengaran, tersilap cakap barangkali.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Prof. Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tak apalah. Tuan Yang di-Pertua, satu kemusykilan saya ialah, tadi disebutkan sepanjang tahun 2007, 2008 ada beberapa laporan dan kemudian dalam tahun 2007 ada 38 siasatan, tetapi tidak ada perbicaraan disebut. Tahun 2008, dia sebut 41 siasatan tetapi tidak ada perbicaraan, begitu juga tahun 2007, ada tujuh laporan, lima siasatan tetapi tidak ada perbicaraan.

Kemusykilan saya ialah adakah ini bermakna bahawa setelah laporan itu disiasat, tidak ada kes yang layak untuk dibicarakan, itu soalan yang pertama dan kalau umpamanya memang tidak ada kes yang layak dibicarakan. Saya ingin tahu Tuan Yang di-Pertua, boleh tidak agaknya kementerian membekalkan kepada kita hasil laporan, hasil siasatan daripada pelbagai laporan itu. Ini penting untuk diketahui oleh ahli-ahli legislative negara ini untuk menangkis serangan-serangan pihak luar. Sama ada orang luar yang datang ke sini atau pelajar-pelajar dari negeri-negeri yang berkenaan yang datang ke sini. Itu yang saya harap, permintaan pertama. Kedua saya..

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Prof. Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ini satu lagi yang ada kaitan dengan tadi...

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup...

Prof. Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: ...Yang mengenai hukuman itu, bilakah agaknya kes rayuan yang 18 tahun ini dibicarakan, sebab kalau ditangguhkan terlalu lama, ini akan menimbulkan kemudaratan. Jadi saya merayu supaya kementerian memastikan supaya kes rayuan itu ditangani secepat mungkin. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan proses, tiap-tiap satu kes yang dilaporkan ianya memakan masa. Dari setahun ke setahun, tidak semua kes dapat diselesaikan pada tahun itu juga, kerana ada bukti-bukti yang perlu diperolehi.

■1050

Mungkin ada daripada segi bukti-bukti. Ini melibatkan daripada negara luar dan ada bukti-bukti yang diperlukan. Jadi, *it is a continuing process* dan kalau kita lihat ada beberapa kes apabila kita dapati bahawa ada bukti untuk mereka dituduh. Itu yang saya nyatakan tadi. Kes tunggu perbicaraan. Makna kes itu telah dituduh di mahkamah tetapi mahkamah menetapkan tarikh perbicaraan itu. Ini adalah di luar bidang *jurisdiction* kita yang mana ditetapkan oleh pihak mahkamah sendiri dan berkaitan dengan proses rayuan, begitu juga yang menetapkan tarikh rayuan ini adalah pihak mahkamah sendiri yang menetapkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Hajah Saripah Aminah.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengikut statistik yang dijawab oleh pihak Timbalan Menteri tadi saya rasa ianya terlalu kecil yang majikan mendera pembantu rumah. Saya ingin tahu daripada kementerian, adakah ada statistik daripada kementerian yang menyatakan ada pembantu rumah pula yang mendera anak-anak majikan... [*Tepuk*] ibu-ibu majikan yang ditinggal di rumah semasa kedua anak-anak ataupun ibu-bapa pada kanak-kanak tersebut pergi bekerja dan berapakah yang telah dilaporkan kepada pihak PDRM yang dibawa kepada meja pengadilan dan disiasat dan dihukum oleh pihak yang berwajib? Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Aminah tadi bahawa kalau daripada segi peratusan kes pembantu rumah yang kena dera ini kalau berbanding dengan jumlah pembantu rumah yang berada di negara kita, hanya sebanyak 0.05% sahaja yang mana pembantu rumah didera oleh majikan. Sehubungan dengan penderaan yang dibuat oleh pembantu rumah terhadap majikan ataupun anak-anak majikan, memang ada tetapi ini merupakan soalan yang spesifik daripada segi angka. Jadi saya mohon untuk menjawab secara bertulislah kerana perlu mendapatkan maklumat-maklumat di seluruh negara. Jadi, saya mohon masa sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya. Pembantu-pembantu rumah warga asing yang didera dan juga pembantu-pembantu rumah warga asing yang mendera. Kedua-dua ini diambil perhatian oleh seluruh rakyat dalam negara kita pada masa sekarang. Terima kasih Yang Berhormat.

4. Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid minta Menteri Pelajaran menyatakan, adakah kerajaan bersedia untuk menerima pandangan rakyat yang bersetuju supaya bahasa Inggeris dijadikan syarat kelulusan SPM dengan mengambil kira gred kelulusan Bahasa Melayu lebih tinggi dan penghapusan penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajian Sains dan Matematik.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat pada hari ini, terdapat 10 pertanyaan lain pada persidangan kali ini memberi fokus kepada isu yang hampir sama iaitu berkaitan dengan bahasa Inggeris sebagai syarat lulus dalam peperiksaan SPM dan juga hala tuju pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI).

Pertanyaan-pertanyaan tersebut daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan pada hari ini, Yang Berhormat Senator Datuk Armani binti Haji Mahiruddin pada hari esok, Yang Berhormat Senator Hajah Samsiah Samsudin pada hari esok, Yang Berhormat Senator Hajah Wan Ramlah binti Ahmad pada 8 Julai, Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusof pada 8 Julai, Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang pada 9 Julai, Yang Berhormat Senator Datuk Sim Kheng Hui pada 9 Julai, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin pada 13 Julai, Yang Berhormat Senator Hj. Ahamat bin Yusop pada 13 Julai dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad pada 14 Julai. Oleh yang demikian, saya mohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab kesemua pertanyaan tersebut secara serentak.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, disetujui Yang Berhormat.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan cadangan mewajibkan lulus bahasa Inggeris sebagai syarat lulus di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, perkara tersebut masih di peringkat cadangan dan pandangan sahaja. Pada masa ini, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedang menerima dan mempertimbangkan pelbagai reaksi dan maklum balas berhubung cadangan tersebut. Pandangan, maklum balas dan cadangan yang diterima daripada pelbagai pihak termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri amat berguna kepada KPM untuk diteliti dengan sewajarnya sebelum sesuatu keputusan dasar dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan hala tuju pelaksanaan PPSMI, keputusan kerajaan mengenai PPSMI mestilah berasaskan penelitian secara terperinci tentang pelbagai aspek pelaksanaan dasar ini terutama sekali kesediaan guru untuk mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, keupayaan murid untuk mempelajari Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dan kesan jangka panjang dasar ini terhadap pencapaian murid dalam mata pelajaran Sains dan Matematik.

Penguasaan bahasa Inggeris yang baik dalam kalangan murid dan guru merupakan prasyarat utama kepada kejayaan dasar seperti PPSMI. Justeru, perkara pokok yang perlu diperhalusi dalam membuat sebarang keputusan mengenai dasar PPSMI ialah tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan guru dan murid. Beberapa kajian yang dilakukan oleh KPM dan pasukan penyelidik bebas dari institusi pengajian tinggi awam tempatan menunjukkan bahawa tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan guru dan murid secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana.

Sementara itu, tahap penguasaan bahasa Inggeris murid luar bandar yang lebih rendah berbanding murid bandar telah menyebabkan berlakunya jurang pencapaian antara murid bandar dan luar bandar dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Sehubungan itu, fokus KPM ialah untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid dan guru dengan menambah baik latihan guru serta meningkatkan mutu pelajaran dan pembelajaran mata pelajaran bahasa Inggeris di sekolah.

KPM akan mengambil beberapa langkah untuk mencapai matlamat ini. Masa pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah akan ditambah untuk membolehkan kandungan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris ditambah. Kerajaan juga telah memikirkan implikasi terhadap kohort murid yang terlibat dalam pelaksanaan PPSMI sejak dari tahun 2003 hingga sekarang iaitu kelompok murid yang telah mengikuti pelaksanaan dasar ini dengan baik dan kelompok murid sebaliknya. Sebarang keputusan mengenai PPSMI akan mengambil kira implikasi terhadap kedua-dua kelompok murid ini. Oleh sebab itu, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, KPM mengambil sedikit masa untuk menilai implikasi dasar ini daripada pelbagai sudut dan memikirkan cara-cara untuk menambah baik sistem pendidikan negara kita secara komprehensif.

Tuan Yang di-Pertua, KPM memberi jaminan bahawa keputusan yang akan diambil oleh kerajaan berhubung dengan dasar PPSMI akan memberi kebaikan kepada murid, guru dan masa depan negara. Analisis menyeluruh dan kertas mengenai hala tuju PPSMI sudah pun siap dan dalam tempoh terdekat, kertas ini akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk mendapatkan keputusan muktamad mengenainya. Apa sahaja keputusan yang dibuat, biarlah ianya untuk kebaikan rakyat selari dengan gagasan "Rakyat didahulukan...", seperti mana yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Datuk Haji Rizuan, selepas itu Tuan Haji Zamri ya.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah PPSMI ini perlu dirombak atau dihentikan kerana pelaksanaannya tidak mencapai matlamat yang disasarkan. Benarkah pencapaian para pelajar luar bandar terus keciciran dalam subjek Matematik dan Sains dan mereka sebenarnya menjadi mangsa pelaksanaan PPSMI ini dan apakah kerajaan akan menampilkan pakej atau modul baru yang lebih baik daripada yang ada sekarang? Terima kasih.

■1100

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang telah kita jawab, sama ada kita akan teruskan PPSMI akan kita buat rombakan. Dalam tempoh terdekat Jemaah Menteri akan membuat keputusan. Bagi pihak Kementerian Pelajaran, seperti mana yang telah saya jawab, soal pokoknya ialah penguasaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran itu sendiri. Saya rasa itu adalah soal pokok dan kita mempunyai cadangan-cadangan yang akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri.

Jadi biarlah apabila dibincangkan dan diperhalusi dalam Jemaah Menteri, barulah keputusan muktamad diumumkan kepada masyarakat umum. Seperti mana yang Yang Berhormat ketahui, sebenarnya kita juga melihat jurang perbezaan antara pelajar atau murid di luar bandar dan bandar. Didapati peningkatan dari segi mata pelajaran Sains dan Matematik bagi murid-murid luar bandar tidak seperti mana yang kita lihat dan malahan ia masih lemah. Maka, saya ingin memaklumkan kepada Dewan Negara ini bahawa sebenarnya model baru perlu dicari dan ia akan berlandaskan kepada kajian yang telah dibuat oleh pihak kementerian dan berserta kepada input yang kami terima semasa persidangan meja bulat yang diadakan pada tahun lalu sebanyak lima kali.

Maka, sebarang maklum balas yang telah kami terima sebelum ini akan dijadikan sebagai panduan dan seperti mana yang saya katakan, apa yang kita hendak lakukan kita akan dahulukan masa depan pelajar-pelajar dan juga kita tidak melupakan kohort yang telah melalui PPSMI ini. Maka kita kena lihat dari dua sudut. Apa yang kita akan lakukan terhadap kohort yang mengikuti PPSMI selama enam atau tujuh tahun ini.

Jadi saya rasa sama-sama kita menunggu keputusan tersebut dan apa juga pandangan yang telah diberikan telah diserap dan saya yakin ini adalah satu keputusan yang akan dicapai yang mana demi manfaat dan masa depan negara. Terima kasih.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan penjelasan tadi. Jadi kita akui tahap kepentingan penguasaan bahasa Inggeris dalam pasaran pekerjaan dan perkhidmatan. Begitu jugalah dengan kefasihan bahasa Malaysia seperti yang ditunjukkan contoh oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kita sendiri dengan penggunaan bahasa yang cukup kemas.

Saya tambahkan saya ialah apa yang kita kuarir ialah apakah Kementerian Pelajaran juga mengkaji dengan lebih teliti pada kali ini tentang implikasinya ataupun kesan kepada sijil SPM selepas dikuatkuasakan wajibnya kelulusan bahasa Inggeris ini kepada pelajar-pelajar luar bandar dan kesan sijil SPM mereka yang mana selepas sijil SPM inilah mereka akan bersaing dengan pelajar-pelajar daripada bandar dan juga kawasan yang lebih menguasai bahasa Inggeris untuk memasuki pasaran IPTA dan IPTS. Sekian.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya soalan Yang Berhormat menjurus kepada tentang menjadikan mata pelajaran Bahasa Inggeris lulus sebagai satu syarat wajib. Sebenarnya, itu cuma satu lontaran idea daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran baru-baru ini. Kita telah membuat satu *survey* dan telah menerima maklum balas daripada masyarakat umum yang mana kita telah melalui *email*, SMS dan juga faks sejak 9 Jun hingga 15 Jun yang lalu, kita telah menerima sebanyak 2,400 respons daripada masyarakat dan daripada jumlah ini, 85% bersetuju dengan menjadikan bahasa Inggeris sebagai satu syarat untuk lulus SPM.

Akan tetapi, untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya kita tidak melakukan sesuatu dasar ataupun satu syarat mewajibkan lulus bahasa Inggeris sewenang-wenangnya. Kita akan melakukan pelbagai usaha termasuk bagaimana kita hendak menambah mutu kualiti P&P, pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris itu sendiri. Yang kedua dari segi kualiti guru yang akan kita bekalkan.

Maka itu sebagai satu pakej yang perlu kita lakukan. Tidak semata-mata jadikan dia sebagai satu syarat wajib dan selepas itu kita tidak melakukan apa-apa. Itu memang adalah satu pakej bagaimana kita hendak mempertingkatkan seperti mana yang telah termaktub dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006/2010, kita hendak merapatkan jurang perbezaan, dalam konteks ini penguasaan bahasa Inggeris juga sebagai satu perkara pokok yang perlu kita utamakan. Itu sahaja. Terima kasih.

5. Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah peranan pegawai-pegawai belia di peringkat daerah mahupun negeri di dalam melaksanakan serta menjayakan program-program yang melibatkan belia-belie serta apakah badan yang memantau pelaksanaan serta keberkesanan program-program yang akan dilaksanakan tersebut.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Tuan Wee Jeck Seng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Peranan pegawai belia dan sukan di peringkat daerah mahupun negeri ialah:

- (i) menyelaras dan melaksanakan aktiviti atau program yang dirancang oleh pihak kementerian;
- (ii) membina jaringan hubungan dengan golongan belia atau pertubuhan belia;
- (iii) mewakili pihak kerajaan untuk mengenal pasti masalah di peringkat akar umbi agar dapat menambah baik program sedia ada serta merancang dan melaksanakan program yang memenuhi kehendak belia;
- (iv) bertindak sebagai penyampai maklumat agenda KBS dalam pembangunan belia; dan
- (v) merancang dan melaksanakan program yang dirancang di peringkat daerah atau negeri.

Manakala pemantauan pelaksanaan program di peringkat daerah dilaksanakan oleh:

- (i) pegawai di Jabatan Belia dan Sukan Negeri;
- (ii) Majlis Perundingan Belia Daerah;
- (iii) Institut Penyelidikan Belia Malaysia bagi tujuan penyelidikan; dan
- (iv) pegawai di peringkat ibu pejabat Jabatan Belia dan Sukan Negara.

Sekian.

Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya, adakah perbezaan antara program-program yang dikendalikan di bandar dan di desa memandangkan mengikut minat dan memandangkan juga kemudahan-kemudahan yang sedia ada. Terima kasih.

Tuan Wee Jeck Seng: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya, kementerian mempunyai program yang telah ditentukan dan tidak juga dikatakan keseluruhannya akan sama. Maknanya kadangkala kalau pegawai kita ataupun kementerian kita telah menentukan program yang diwajibkan. Mungkin sebahagian. Namun begitu sebahagian daripada mereka mungkin boleh ditentukan di peringkat pegawai di mana mengikut keperluan atau cita rasa kawasan masing-masing.

Baru-baru ini, kementerian telah menggalakkan terutama boleh menubuhkan persatuan-persatuan belia supaya mereka boleh merancang dan membuat program sendiri di mana bagi pihak kementerian, kita akan bantu dari segi dana supaya mereka dapat merancang merancang program khususnya untuk keperluan mereka masing-masing. Sekian.

Dato' Azian bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, besar peranan pegawai-pegawai belia di daerah dan negeri. Satu daripada pemerhatian saya, kebanyakan pegawai-pegawai belia di daerah dan negeri ini berumur lebih daripada 40 tahun malah ada yang 50 tahun lebih dan yang hendak bersara pun ramai. Saya juga yakin mereka tidak dapat menjalankan peranan untuk berinteraksi dengan belia-belia golongan sasaran mereka. Jadi apakah tindakan kementerian untuk mengatasi masalah ini? Terima kasih.

Tuan Wee Jeck Seng: Tidak boleh dinafikan ada pegawai yang memang umurnya lebih daripada 40 tahun. Namun begitu dalam keseluruhannya, contohnya baru-baru ini, kementerian telah buat satu keputusan di mana kami akan mendapatkan ataupun melantik penggerak belia di seluruh kawasan Parlimen.

Maknanya 222 kawasan dengan satu harapan hasrat kita ialah untuk membantu dan membolehkan mereka lebih mendekati belia kita dan boleh merancang, membantu mereka menjalankan program supaya hubungan rapat antara jabatan belia di peringkat daerah ataupun negeri lebih rapat lagi. Sekian, terima kasih.

6. Dato' Dr. Yeow Chai Thiam minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, setakat manakah hasil pencapaian Program Cari yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk membantu mereka yang kurang upaya (OKU), sakit kronik, keluarga termiskin dan ibu tunggal.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah melancarkan Program Cari pada 17 Julai 2008 bagi mengesan kumpulan sasaran KPWKM yang berkeperluan tetapi belum menerima bantuan kebajikan yang disediakan oleh JKM termasuklah orang kurang upaya, sakit kronik, keluarga termiskin dan juga ibu tunggal.

■1110

Semenjak projek tersebut dilancarkan sehingga 19 Jun 2009 sebanyak 207,160 kes telah berjaya dikesan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 90,285 kes telah diberi bantuan kewangan, manakala 67,133 kes masih dalam siasatan dan 49,743 kes tidak diluluskan. Daripada 90,285 kes yang telah diluluskan bantuan kebajikan seramai 7,423 merupakan OKU yang diberikan bantuan di bawah elaun pekerja cacat, 6,639 kes pesakit kronik dan 18,732 kes yang diberikan bantuan kanak-kanak termasuklah kepada ibu-ibu tunggal.

Melalui Projek Cari kementerian berjaya memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan bantuan kebajikan mendapat pembelaan sewajarnya termasuklah orang kurang upaya, sakit kronik, keluarga termiskin dan ibu tunggal. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Yeow Chai Thiam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah bentuk bantuan yang kerajaan berikan kepada warga OKU? Berapakah bantuan kewangan setiap bulan kerajaan beri kepada warga OKU dan adakah warga OKU dari keluarga yang berada dapat bantuan daripada kerajaan, kalau tidak ada mengapa?

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti apa yang saya telah beritahu tadi elaun atau bantuan wang yang disalurkan atau diberi kepada OKU, pertama termasuklah elaun pekerja cacat. Elaun pekerja cacat akan diberikan kepada OKU yang bekerja dan pendapatan bulanan mereka di bawah RM1,200.

Untuk pesakit OKU kita juga ada bantuan OKU, penjagaan OKU terlantar iaitu pesakit kronik terlantar, yang mana kementerian beri bantuan sejumlah RM300 sebulan kepada keluarga yang jaga OKU yang terlantar ini dan pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000 sebulan. Untuk OKU yang tidak bekerja yang mana sumber pendapatan mereka sebulan termasuk SOCSO atau insurans adalah di bawah RM720, kementerian akan beri sejumlah RM150 bantuan wang sebulan. Sekian, terima kasih.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, adakah kementerian bercadang untuk meneruskan Projek CARI ini sehingga bila-bila dan bagaimanakah cara untuk penambahbaikan program ini agar lebih berkesan dan ada antaranya baru menerima empat bulan sudah diberhentikan tanpa alasan, tanpa diberitahu terlebih dahulu yang mana akhirnya program ini menampakkan lebih memberi keburukan dari kebaikannya. Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat untuk menjayakan Projek Cari, 911 pembantu kebajikan masyarakat secara sambilan telah dilantik bagi tempoh selama enam bulan dan oleh kerana Projek Cari ini adalah amat berkesan, oleh itu kementerian telah pun buat satu keputusan bahawa projek ini akan dilanjutkan sehingga Disember 2009 dan juga adakah program ini akan dilanjutkan selama-lamanya, kerajaan atau kementerian akan kaji dan juga kalau ada keperluannya kementerian akan ambil tindakan supaya kita dapat melanjutkan.

Mengenai mengapa bila bantuan diberi selepas empat bulan diputuskan atau dihentikan, ini adalah kerana untuk mempercepatkan permohonan di bawah Projek Cari ini kami telah pun ambil satu pendekatan, iaitu yang mana senarai-senarai permohonan yang diserahkan oleh pemimpin-pemimpin setempat atau komuniti kita akan isi dan kita akan hantar PKS Projek Cari untuk menjalankan siasatan dengan isi satu borang Cari untuk sementara iaitu tidak begitu teliti, tetapi dengan apa yang kita dapat, kita akan meluluskan permohonan itu untuk enam bulan dan dalam tempoh enam bulan ini kementerian atau pegawai tetap Jabatan Kebajikan Masyarakat mereka akan menjalankan siasatan supaya kita dapat lagi maklumat yang teliti. Jikalau didapati mereka tidak lagi perlu bantuan wang kita akan memberhentikan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga di bawah bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat kita ada dua jenis. Satu bantuan iaitu *productive welfare* atau *non-productive welfare*. Untuk *productive welfare* yang mana mungkin kita dapat mengeluarkan mereka dari golongan miskin, kita akan cuba bantu mereka supaya beri latihan atau beri geran pelancaran supaya mereka dapat berdikari secepat mungkin. Oleh itu, untuk golongan sebegini bantuan wang ini adalah untuk sementara sahaja. Terima kasih.

6. Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, bilangan kerjasama perdagangan dua hala (*bilateral*) dan serantau (*regional*) yang telah dipersetujui oleh Malaysia serta kesannya kepada rundingan WTO yang melibatkan kepentingan Malaysia.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II [Dato' Jacob Dungau Sagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Malaysia telah memuktamadkan dan menandatangani dua perjanjian perdagangan bebas dua hala dan empat perjanjian perdagangan bebas serantau. Perjanjian-perjanjian perdagangan bebas dua hala adalah dengan negara Jepun dan Pakistan. Manakala perjanjian-perjanjian perdagangan bebas di peringkat serantau bersama ASEAN adalah dengan negara China, Korea, Jepun, Australia dan New Zealand. Malaysia juga telah menandatangani perjanjian sistem keutamaan perdagangan dengan negara-negara Ahli Pertubuhan Persidangan Islam atau *Trade Preferential System OIC*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan perjanjian perdagangan keutamaan dengan Negara-negara Kumpulan D8, atau *Developing Eight Preferential Trade Agreement*, dengan izin.

Perjanjian-perjanjian ini juga bertujuan menggalakkan perdagangan antara ahli-ahlinya melalui layanan keutamaan atau *preferential treatment*, dengan izin. Walau bagaimanapun, perjanjian-perjanjian ini belum lagi berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perjanjian perdagangan bebas perjanjian kerjasama lain yang telah ditandatangani oleh Malaysia termasuk perjanjian perdagangan dua hala dan perjanjian jaminan pelaburan atau *investment guarantee agreement*, dengan izin. Setakat ini Malaysia mempunyai perjanjian perdagangan dua hala dengan 66 negara dan perjanjian jaminan pelaburan dengan 73 negara. Perjanjian-perjanjian ini melengkapkan usaha-usaha Malaysia untuk membuka pasaran baru di dalam rundingan WTO.

Melalui perjanjian-perjanjian ini Malaysia telah berunding untuk mendapatkan penurunan tarif yang lebih baik daripada apa yang lazimnya didapati dalam rundingan WTO. Perjanjian-perjanjian ini juga memudahkan perdagangan dengan menangani halangan-halangan bukan tarif. Dalam proses rundingan perjanjian-perjanjian ini, Malaysia memastikan semua komitmen adalah selaras dengan perjanjian WTO. Sekian, terima kasih.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada jawapan daripada kementerian tadi. Jadi meneliti kepada corak perjanjian yang dilaksanakan didapati Malaysia memang berjaya dalam rundingan dua hala sampai 66 negara dan juga rundingan jaminan pelaburan hingga 73 negara.

Jadi, soalan tambahan saya ialah melihat kepada corak perdagangan akhir-akhir ini yang lebih kepada sistem terbuka, khususnya yang dipelopori melalui WTO ini, saya ingin tahu apakah sikap dan strategi, juga keberkesediaan Kementerian ataupun Malaysia dalam menghadapi pasaran terbuka ini kerana rundingan *multilateral trade negotiation*, dengan izin, adalah jauh lebih sukar walaupun kesannya akan jadi lebih baik kerana perdagangan lebih terbuka berbanding dengan *regional* dan juga *unilateral*.

Jadi, saya hendak pastikan apakah strategi yang diguna pakai oleh Malaysia untuk memastikan kekuatan dan juga *advantages* yang ada kepada Malaysia dan dimiliki oleh Malaysia ini dipertahankan dan juga dimanfaatkan dalam rundingan yang melibatkan *multilateral* melalui WTO ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Ir. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, keadaan ekonomi dunia pada masa ini mengalami sedikit kemerosotan dan persaingan semakin meningkat. Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa *Free Trade Agreement* ini telah pun digunakan, salah satu *instrument* yang boleh memperkuatkan syarikat-syarikat tempatan untuk meningkatkan lagi daya saing mereka berbanding dengan syarikat-syarikat lain daripada negara persaingan yang tidak mempunyai FTA.

Selain daripada persaingan yang diberikan kepada syarikat tempatan ini, terdapat juga banyak manfaat yang diperolehi daripada rundingan FTA ini dengan beberapa negara yang telah pun disebutkan tadi. Syarikat-syarikat tempatan pula juga dapat mengambil kesempatan untuk memainkan peranan yang amat baik dalam keadaan ini. Selain daripada itu, soalan yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tadi, sekiranya saya tidak dapat memberikan jawapan yang sempurna, Kementerian akan memberikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat nanti. Terima kasih.

8. Datuk Maijol Mahap minta Menteri Luar Negeri menyatakan, sama ada kerajaan berhasrat untuk merujuk pertikaian perairan Ambalat dengan Indonesia kepada Mahkamah Kehakiman Antarabangsa (ICJ) dan kalau ya, apakah alasan-alasan yang kukuh untuk memastikan kemenangan akan menyebelahi kepada negara kita.

Timbalan Menteri Luar Negeri I [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan oleh Yang Berhormat Datuk Maijol bin Mahap bersekali dengan soalan-soalan dari Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahima dan Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin yang juga merupakan soalan untuk hari ini dan soalan-soalan dari Yang Berhormat Dato Seri Empiang Jabu dan Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abdul Hamid pada 9 Julai 2009 serta soalan Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf pada 13 Julai kerana ini adalah berkaitan dan merupakan isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua: Dibenarkan Yang Berhormat.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Untuk makluman Ahli-ahli Dewan sekalian, ingin saya maklumkan, bahawa Malaysia tidak menggunakan istilah Ambalat. Bagi merujuk kepada isu di kawasan yang berkenaan, istilah yang digunakan oleh Malaysia adalah Laut Sulawesi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu Laut Sulawesi ianya merupakan isu yang membabitkan soal mengehendkan sempadan kawasan maritim di kawasan Malaysia dan Indonesia ekoran daripada keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) di dalam tahun 2002 bahawa Malaysia mempunyai kedaulatan ke atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan.

Ini kerana, ICJ hanya memutuskan isu kedaulatan kedua-dua pulau sahaja dan bukannya menentukan sempadan maritim. Sempadan maritim masih perlu ditentukan melalui rundingan di antara kedua-dua negara. Sebagai negara ahli kepada Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut 1982, *United Nations Convention on Law of Sea 1982* dengan izin, UNCLOS 1982, Malaysia dan Indonesia mempunyai obligasi untuk memastikan bahawa pembatasan sempadan maritim dibuat berdasarkan peruntukan undang-undang antarabangsa termasuklah peruntukan-peruntukan UNCLOS 1982 bagi mencapai penyelesaian yang saksama dan muktamad.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sentiasa mewujudkan rundingan dua hala dengan negara jirannya bagi membataskan sempadan maritim di kawasan di mana belum ada perjanjian sempadan maritim. Malaysia berpendirian bahawa tuntutan bertindih wajar diselesaikan melalui meja rundingan. Walau bagaimanapun, sekiranya tuntutan bertindih tidak dapat diselesaikan melalui rundingan, penyelesaian melalui adjudikasi atau timbang tara oleh pihak ketiga seperti Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) atau Tribunal Timbang Tara boleh dilaksanakan.

Namun begitu, ianya merupakan opsyen terakhir di dalam mencapai penyelesaian. Setakat ini kerajaan tidak berhasrat untuk mengemukakan isu Laut Sulawesi kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa. Tuan Yang di-Pertua, walaupun isu di Laut Sulawesi selalu dilaporkan secara negatif dan digembar-gemburkan oleh media masa di Indonesia, kerajaan berpandangan isu ini tidak akan menjejaskan keakraban hubungan dua hala yang sedia terjalin. Kerajaan percaya masalah-masalah sebegini akan dapat diselesaikan secara aman dan ia tidak akan menjadi penghalang kepada hubungan baik dan kerjasama yang erat di antara Malaysia dan Indonesia dalam pelbagai bidang.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu perlombongan minyak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf, setakat ini tiada aktiviti perlombongan minyak yang dijalankan oleh kedua-dua pihak di kawasan yang menjadi pertikaian di Laut Sulawesi. Sekian.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengetahui melalui akhbar tidak lama dahulu bahawa kapal tentera Indonesia yang berada di kawasan Ambalat atau Lautan Sulawesi hampir menembak pasukan tentera kita. Sebelum ini pun, pasukan tentera Indonesia sudah pun masuk 13 kali kalau tidak silap saya, ke kawasan perairan Malaysia.

Pertanyaan tambahan saya ialah, bolehkah Indonesia dan negara kita *off the limit* dengan izin, dalam kawasan Lautan Sulawesi itu sebelum penyelesaian dibuat? Kedua, apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Malaysia dan Indonesia bagi menyelesaikan isu ini secara aman dan kalau Indonesia tidak patuh kepada perundingan melalui *General Board of Committee* yang telah pun dibuat oleh kedua-dua negara ini? Terima kasih.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita lihat di Ambalat, tidak berlaku pun pencerobohan dari kedua-dua pihak. Akan tetapi, pulau-pulau yang berdekatan iaitu Pulau Sebatik, Batuan Tanggan dan juga Batuan Unarah di Laut Sulawesi yang merupakan kawasan yang terletak di persempadanan antara kedua-dua negara ini yang menunjukkan ada pencerobohan sedikit. Namun begitu, kalau kita lihat persempadanan ini belum ditentukan lagi oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa.

Mahkamah Keadilan Antarabangsa hanya menentukan atau menetapkan kedaulatan dua buah pulau iaitu Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan tetapi sempadan maritim ini belum diputuskan lagi. Jadi, memang wujud keadaan menyeberang masuk ke kawasan kita atau dari kawasan kita menceroboh masuk ke kawasan sana. Memang berlaku berdekatan dengan sempadan.

■1130

Akan tetapi kalau kita lihat setakat ini Malaysia dengan Indonesia memang mempunyai hubungan yang begitu baik dan Malaysia dengan Indonesia juga telah menjalankan atau menandatangani empat perjanjian setakat ini. Iaitu pada tahun 1969, 1970, 1971, dan tahun 2005. Sejak tahun 2005, sebanyak 13 Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal telah diadakan di antara kedua-dua negara dan mesyuarat ke-14 akan diadakan pada bulan ini.

Jadi saya percaya dengan hubungan yang baik, yang akrab di antara kedua-dua buah negara Malaysia-Indonesia ini sudah pasti kita dapat menyelesaikan secara aman iaitu melalui meja rundingan. Di mana kalau kita lihat dari kedua-dua pihak juga dari Indonesia dan Malaysia, pemimpin dari kedua-dua negara juga telah berjumpa. Baru-baru ini Perdana Menteri Indonesia telah berjumpa dengan Perdana Menteri Malaysia dan mereka telah bersetuju untuk mempercepatkan lagi isu persempadanan ini supaya ia dapat diselesaikan buat selama-lamanya. Sekian.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kebetulan, saya baru-baru ini berada di Indonesia dan isu ini sangat panas. Seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, di mana akhbar di Indonesia memainkan sentimen yang kononnya Malaysia ingin merampas kepulauan ini kerana di situ terdapat banyak minyak. Saya sebagai pelawat orang Malaysia sentiasa diberikan persoalan bertubi-tubi.

Persoalannya sekarang, media ini boleh menghangatkan lagi suasana di pihak negara jiran kita di Indonesia sedangkan di Malaysia perkara ini tidaklah sepanas mana dan kita terima kasih dalam hal ini media tidak menggembar-gemburkan seperti mana isu-isu lain.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat ya.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Soalannya, jadi Kerajaan Malaysia seharusnya mencari satu alternatif bersama dengan Kerajaan Indonesia supaya media di sana mengurangkan persoalan membangkitkan masalah ini supaya ianya boleh diselesaikan secara rundingan. Terima kasih.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya memang media seharusnya lebih bertanggungjawab. Kalau kita lihat media di Indonesia, memang mempermainkan isu ini. Sebenarnya kalau kita lihat isu ini seperti yang diberitahu iaitu sebenarnya ia tidak melibatkan Pulau Ambalat. Pulau Ambalat berada lebih kurang 120 batu nautika jauhnya daripada *based line*. Jadi sebenarnya tidak wujud pun masalah Ambalat.

Kalau kita lihat kenapa isu ini dimainkan pada tahun 2005 dan kini dimainkan di Indonesia. Sebenarnya mereka sedang menghadapi pilihan raya presiden. Jadi setiap kali ada pilihan raya, sudah pasti isu ini akan dimainkan. Saya juga telah berjumpa dengan Dewan Perwakilan Rakyat *Republic of Indonesia* pada bulan lalu dan saya dah menerangkan pendirian Malaysia dan bagaimana kita boleh menyelesaikan masalah ini secara aman dan supaya tidak diperbesar-besarkan di negara Indonesia amnya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kalau media boleh menjadi lebih bertanggungjawab, sudah pasti perkara ini dapat diselesaikan dengan cara yang paling aman dan damai. Sekian.

9. Tan Sri Datuk Tee Hock Seng minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, memandangkan pelaksanaan bayaran elektronik letak kereta di kawasan komersial taman perumahan telah menimbulkan bantahan dan kesusahan di kalangan warga kota, adakah kemungkinan kementerian akan mengkaji semula atau membatalkan skim tersebut.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan utama pelaksanaan sistem tempat letak kereta elektronik ataupun lebih dikenali sebagai SLKE adalah untuk menjadikan pengurusan tempat letak kereta di Bandaraya Kuala Lumpur supaya lebih efisien dan efektif.

Sistem ini secara tidak langsung dapat mengatasi masalah monopoli tempat letak kereta, penjaga letak kereta awam, *double parking* dengan izin, dan kesesakan lalu lintas di kawasan tempat letak kereta terutamanya yang berada di kawasan-kawasan komersial di sekitar Kuala Lumpur.

Selain daripada itu pelaksanaan SLKE dapat memudahkan dan memberi ruang kepada pengunjung-pengunjung yang berhasrat untuk meletakkan kenderaan mereka bagi melakukan urusan jangka masa pendek di kawasan berkenaan. SLKE turut menyumbang dalam menambah jumlah pengunjung ke premis-premis perniagaan komersial yang berada di sekitar kawasan tersebut. Seterusnya SLKE juga menyumbang kepada pembentukan satu suasana peletakan kereta yang lebih tersusun, kemas dan teratur. Walau bagaimanapun, pelaksanaan sistem SLKE ini tidak dilaksanakan di kawasan-kawasan perumahan di sekitar Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian berpandangan bahawa pelaksanaan SLKE ini harus diteruskan memandangnya ianya banyak impak positif kepada prasarana dan perjalanan ekonomi di bandar raya Kuala Lumpur. Pada masa yang sama, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kini sedang merancang untuk melaksanakan sistem pembayaran dengan menggunakan aplikasi MEPS. Aplikasi MEPS yang terdapat di kebanyakan kad ATM merupakan salah satu alternatif kepada pengguna untuk melakukan pembayaran bagi SLKE. Ianya dapat memberi lebih pilihan kepada pengguna untuk melakukan pembayaran selain menggunakan duit syiling.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga sedang dalam proses untuk mengeluarkan pas bulanan kepada pemilik premis terutamanya di kawasan-kawasan komersial yang menjadi tumpuan orang awam meletakkan kenderaan mereka bagi tujuan bekerja. Penggunaan pas bagi SLKE dapat menyediakan satu lagi alternatif dan peluang kepada para pengguna yang bekerja di kawasan-kawasan tersebut untuk membuat bayaran tempat letak kereta secara bulanan. Terima kasih.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah kementerian sedar bahawa di tepi-tepi jalan ini kawasan perumahan ataupun kawasan bandar, meter letak kereta penggunaan duit syiling ini sudah ketinggalan zaman. Tiang-tiang tunggul yang langsung tidak menggambarkan keindahan bandar raya, meter selalu rosak dan selalu mendapat ancaman daripada vandalisme.

Di London atau kota-kota besar, kita tidak nampak tiang-tiang tunggul ini. Tidakkah kementerian bercadang untuk mengkaji penggunaan sistem ini dan menggunakan sistem yang lebih moden mengikut zaman sekarang? Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak begitu pasti sama ada Ahli Yang Berhormat Ahli Dewan Negara sedar bahawa kita telah menukar semua sistem lama. Baru-baru ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengenal pasti sistem mesin letak kereta elektronik yang terbaru.

Dengan memasang sistem letak kereta elektronik yang baru kita telah mengatasi masalah seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya, berapakah mesin bayaran elektronik letak kereta yang wujud di Wilayah Persekutuan buat masa ini. Apakah nama-nama syarikat yang telah diberi kontrak untuk mengendalikannya sekiranya boleh. Sekian, terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada maklumat-maklumatnya?

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat Puan Usha Nandhini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklum Dewan yang mulia ini, setakat ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah memasang sebanyak 224 mesin letak kereta di dalam pusat bandar dan sebanyak 1,019 mesin letak kereta di pusat luar bandar. Tujuh syarikat telah diberikan kontrak-kontrak untuk mengutip kutipan hasil daripada mesin letak kereta ini adalah seperti berikut:

- (i) Syarikat KSM Enterprise di zon satu;
- (ii) Syarikat MH Global di zon dua;
- (iii) Teras Bina di zon tiga, Oval Success di zon empat dan enam;
- (iv) Cahaya Pendang di zon lima; dan
- (v) Syarikat Juta Kristal di zon tujuh.

Kesemua zon yang lain adalah ditawarkan kepada Syarikat IUN Trading Sdn. Bhd. Sekian terima kasih.

10. Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah kementerian bercadang untuk memasukkan angkubah-angkubah (*variables*) penjagaan alam sekitar di dalam kriteria-kriteria pelaksanaan Sistem Penggredan (*Star Rating*) Pihak Berkuasa Tempatan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ingin mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap usaha penjagaan alam sekitar khususnya yang berhubung kait secara langsung dengan pelaksanaan sistem *Star Rating* Pihak Berkuasa Tempatan ataupun SSRBPT.

■1140

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang mengambil kira tentang angkubah-angkubah ataupun penjagaan alam sekitar, dalam kriteria-kriteria pelaksanaan SSR-PBT. Soalan-soalan yang terangkum dalam kriteria tersebut menyentuh peranan PBT sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung dalam penjagaan alam sekitar. Soalan-soalan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Kriteria perkhidmatan teras:
 - (a) kemapanan PBT mengikut wang ringgit Malaysia urban *indicator*, dengan izin;
 - (b) pembangunan SPH, sistem pengumpulan dan penggunaan semula air hujan;
 - (c) penjimatan tenaga melalui konsep bangunan hijau;
 - (d) penyelenggaraan landskap.
- (ii) Kriteria pengurusan pelanggan:
 - (a) tempoh masa PBT memberikan respons kepada aduan, iaitu aduan kepada pencemaran udara dan pencemaran bunyi, kerosakan kawasan sensitif dalam alam sekitar dan juga kawasan lapang. Penanda aras yang digunakan adalah respons PBT kepada aduan berkenaan dalam tempoh sekurang-kurangnya daripada tiga hari sahaja;
 - (b) peralatan yang digunakan PBT untuk mengatasi dan mengesahkan kesahihan aduan, iaitu alat mengukur bunyi, alat mengukur bau dan alat mengukur udara.
- (iii) Kriteria penyertaan komuniti dan pandangan penduduk:
 - (a) borang kajian soal selidik pandangan penduduk menerusi borang yang digunakan semasa sesi temu ramah dengan penduduk di kawasan PBT. Terdapat enam soalan berkaitan dengan penjagaan alam sekitar iaitu bahagian kebersihan, bahagian persekitaran dan juga bahagian kesihatan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa berusaha dari semasa ke semasa untuk mengemas kini dan menambah baik angkubah-angkubah penjagaan alam sekitar yang digunakan dalam kriteria-kriteria pelaksanaan SSR-PBT. Terbaru bagi lawatan penggredan SSR-PBT di negeri Sarawak dan Sabah, yang sedang berlangsung setelah dipersetujui oleh pihak berkuasa negeri berkenaan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menambah soalan tambahan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dalam kriteria perkhidmatan teras yang sedia ada.

Adalah menjadi hasrat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memastikan kriteria-kriteria yang digunakan semasa penggredan SSR-PBT mengambil kira pelbagai aspek secara holistik, termasuklah penjagaan alam sekitar.

Justeru itu kementerian sentiasa mengalu-alukan dan menyambut baik sekiranya Yang Berhormat mempunyai sebarang cadangan yang agak bersesuaian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, silakan Puan Hajah Sharifah Azizah.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan. Saya terpanggil dengan perkara ini berdasarkan kepada kawasan saya, baru-baru ini diserang nyamuk begitu banyak kerana sistem perkumbahan yang tidak baik. Soalan tambahan saya apakah petanda aras ataupun tempoh masa yang diambil untuk menyelesaikan sesuatu aduan mengenai isu alam sekitar. Sebagai contoh masalah pencemaran bau kesan daripada penternakan ayam, ataupun mengenai kerosakan kawasan sensitif alam sekitar.

Kita maklum kemajuan sesebuah negara diukur berdasarkan tahap pencapaian kualiti hidup. Alam sekitar juga adalah salah satu petunjuk yang dipilih untuk mewakili bidang dalam pengiraan indeks kualiti hidup Malaysia. Kita juga maklum banyak isu alam sekitar seperti masalah penyelenggaraan perparitan, sampah-sarap, pencemaran sungai dan banyak lagi adalah di bawah bidang kuasa kementerian ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Soalan saya, apakah petanda aras ataupun tempoh masa yang diambil untuk menyelesaikan sesuatu aduan mengenai isu alam sekitar sebagai contoh masalah pencemaran bau, kesan daripada penternakan ayam, ataupun mengenai kerosakan kawasan sensitif alam sekitar? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Pertamanya, saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya PBT ini bukanlah 100% di bawah kementerian saya, ianya adalah di bawah bidang kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, ini bergantung kepada kecekapan PBT itu sendiri. Sebab itu, kita menggalakkan semua PBT di seluruh negara kita sebanyak 146 PBT supaya mengambil *star rating* ini dengan harapan bahawa mereka dapat menangani masalah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat. Supaya pihak kementerian boleh *monitoring* dan membantu kelemahan-kelemahan yang berlaku di semua PBT.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini sebanyak 98 PBT di Semenanjung Malaysia, telah pun mengambil bahagian dalam *star rating* ini dan sepuluh PBT telah mendapat *four star*. Maknanya *four star* ini, hanya satu lagi *star* untuk mendapat *five star*. Begitu juga PBT-PBT yang lain, Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Negeri Sabah juga telah bersetuju, iaitu lima PBT telah mengambil bahagian bagi negeri Sabah dan enam bagi negeri Sarawak.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat, itulah yang sebenarnya antara kriteria yang diperlukan oleh pihak kementerian supaya semua PBT ini mengambil bahagian dalam *star rating*. Supaya kita dapat membantu *monitoring*, bukan sahaja membantu dari segi khidmat nasihat. Akan tetapi dapat juga membantu dari segi kewangan kalau sekiranya mereka bermasalah dalam soal pekerja tambahan mereka. Kita juga membantu untuk menghantar pegawai-pegawai bagi membantu mereka mengatasi masalah yang mereka hadapi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, Terima kasih. Ada wakil daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar?

11. Tuan Pau Chiong Ung minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) adakah amaran banjir atau bencana alam diperkenalkan oleh pihak kementerian benar-benar berkesan serta memberi impak kepada orang ramai; dan
- (b) adakah pihak kementerian mempunyai cara-cara tertentu seperti menganjurkan kursus-kursus kepada NGO atau badan-badan sukarela di dalam memberi peringatan awal sebelum berlakunya sesuatu bencana alam.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan,

- (a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bencana yang sering melanda negara kita adalah terletak di beberapa bidang kuasa beberapa agensi, iaitu berkaitan dengan cuaca buruk, laut bergelora, gempa bumi dan tsunami adalah di bawah Jabatan Metrologi Malaysia iaitu jabatan di bawah Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi.

Yang kedua adalah berkaitan dengan banjir dan kemarau adalah di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran ataupun JPS, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Yang ketiga jerebu adalah di bawah Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Yang keempat tanah runtuh adalah di bawah Jabatan Kerja Raya, Kementerian Kerja Raya.

Amaran awal dikeluarkan oleh agensi-agensi berkaitan di atas, walau bagaimanapun jika berlaku sesuatu bencana, penyelarasan adalah di bawah Majlis Keselamatan Negara dan Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana peringkat negeri dan Persekutuan.

Jabatan Meteorologi Malaysia bertanggungjawab mengeluarkan amaran awal berkaitan cuaca buruk, termasuklah amaran hujan lebat, ribut petir, taufan dan angin kencang. Amaran-amaran ini disebarkan pada agensi bertanggungjawab dalam pengurusan bencana seperti Majlis Keselamatan Negara peringkat persekutuan dan negeri, polis, bomba dan penyelamat serta NGO seperti MERCY Malaysia, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, dan *Crisis Relief Squad of MCA*.

Sementara pada orang awam melalui televisyen dan radio khususnya RTM dan juga media cetak. Maklumat amaran awal ini juga dipaparkan di laman web Jabatan Metrologi Malaysia. Amaran hujan lebat yang boleh menyebabkan banjir semasa monsun timur laut atau tengkujuh dapat dikeluarkan lebih awal, sekurang-kurangnya tiga hari sebelum kejadian hujan lebat tersebut, dengan ketepatan amaran di antara 80% hingga 85%.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Bagi sebarang kejadian gempa bumi, maklumat awal gempa bumi iaitu mengenai lokasi, kekuatan dan kedalaman gempa bumi boleh dikeluarkan dalam tempoh 15 minit dari masa kejadian. Sementara amaran tsunami akan dikeluarkan sebaik sahaja kemungkinan berlakunya dikesan. Amaran tsunami mengandungi maklumat mengenai masa ketibaan, anggaran ketinggian ombak tsunami dan juga tindakan yang perlu dipatuhi orang awam bagi memastikan keselamatan nyawa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan,

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, agensi-agensi dan kementerian-kementerian yang terlibat dalam pengeluaran amaran awal bencana adalah komited melaksanakan program-program kesedaran awam dan media untuk meningkatkan keupayaan rakyat dalam menghadapi bencana. Pelaksanaan program kesedaran awam ini adalah selaras dengan *Hypo Hyogo, Framework for Action, 2005 hingga 2015, "Building the Resilience of Nation and Communities to Disasters,"* di bawah *United Nations*.

■1150

Program kesedaran awam ini juga melibatkan agensi-agensi kerajaan lain yang terlibat dalam pengurusan bencana seperti Kementerian Kesihatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Bomba dan Penyelamat, NGO seperti Mercy Malaysia dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia. Program kesedaran awam yang dianjurkan bersama oleh Jabatan Meteorologi Malaysia dan MKN adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang awam dan agensi-agensi kerajaan tempatan mengenai bencana berisiko tinggi seperti cuaca melampau yang boleh membawa banjir besar, gempa bumi dan tsunami.

Program ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2007 dan sehingga tahun 2008. Sebanyak 20 program telah dilaksanakan sementara 23 program akan dilaksanakan pada tahun 2009.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung. Silakan.

Tuan Pau Chiong Ung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas ini saya mohon untuk kemukakan pertanyaan terakhir sebab masa kita sudah cukup.

Tuan Pau Chiong Ung: Ya. Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, seperti apa yang berlaku di Negeri Sarawak pada awal tahun ini, di mana bencana banjir telah berlaku dan keadaan menjadi kelam kabut. Adakah Kementerian merancang untuk mendirikan lebih banyak lagi sistem amaran awal di Sarawak untuk orang awam bagi mengelakkan kerugian yang besar. Sekian.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya kita mengakui bahawa dari segi peralatan, memang kita masih belum dapat merangkumi keseluruhan kawasan di Malaysia untuk sistem amaran awal sama ada daripada sistem stesen telemetri, sistem tolok luruh sungai, tolok banjir kawasan, sistem amaran banjir, papan amaran banjir memang belum merangkumi keseluruhan kawasan. Ini memang di dalam perancangan keseluruhan Kementerian yang terlibat untuk menambah dari masa ke semasa segala peruntukan bagi kita menyediakan peralatan-peralatan.

Namun sekarang ini yang diharapkan dengan peningkatan keupayaan kita terutamanya pemantauan daripada satelit dan sebagainya, kita diharapkan akan dapat memberi gambaran yang lebih awal mengenai ketepatan akan berlakunya hujan lebat dan sebagainya. Namun pada masa ini dari segi kebanyakan tempat lagi kita perlu mempertingkatkan dan pandangan Yang Berhormat itu kita akan ambil kira dan sememangnya dalam perancangan Kementerian yang terlibat untuk menambah baik Sistem Amaran Awal kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tali leher Yang Berhormat cantiklah.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan terakhir Yang Berhormat Dato' Azian bin Osman.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Mungkin saya boleh hadiahkan untuk Tuan Yang di-Pertua sebagai tanda peringatannya. *Insyallah SWT.*

Tuan Yang di-Pertua: Itu rasuah... [Ketawa]

12. Dato' Azian bin Osman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, setakat ini berapakah jumlah pertubuhan, kesatuan atau persatuan yang telah diharamkan oleh kerajaan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Azian yang telah mengemukakan pertanyaan. Berdasarkan kepada rekod Kementerian Dalam Negeri, sehingga kini terdapat dua buah pertubuhan yang telah diharamkan oleh kerajaan di bawah peruntukan sub seksyen 5(1) Akta Pertubuhan 1966. Dua pertubuhan yang dimaksudkan ini ialah Barisan Bertindak Hak-Hak Hindu (HINDRAF); dan Darul Arqam. Kedua-dua pertubuhan berkenaan diisytiharkan haram oleh kerajaan kerana telah terbukti menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh menggugat keselamatan dan ketenteraman awam negara.

Tuan Yang di-Pertua: Maknanya Arqam kebanyakannya berbangsa apa?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Beragama Islam. Bangsa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua: HINDRAF pula?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Kebanyakannya beragama Hindu.

Tuan Yang di-Pertua: Maknanya undang-undang tidak kira agama. Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Azian.

Dato' Azian bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, apakah status gabungan parti-parti pembangkang yang memanggil mereka Pakatan Rakyat sekarang dan pertubuhan-pertubuhan haram ini adakah mereka dibenarkan menggunakan nama-nama haram ini secara berleluasa termasuk di media-media? Tidak adakah usaha atau pun undang-undang yang boleh melarang penggunaan nama-nama haram ini di mana-mana? Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan nama-nama haram ini, badan-badan yang mana diiktiraf haram. Sepatutnya ia tidak boleh dipakai oleh media-media massa. Oleh sebab badan-badan itu telah diisytiharkan haram. Jadi pihak kementerian akan mengambil tindakan berkaitan dengan perkara ini untuk memastikan supaya nama-nama yang haram ini jangan digunakan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Masa sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PINDAAN) 2008

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.31 pg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Haji Abdul Latif bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Akta Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Datuk Dr. Haji Abdul Latif bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum mengikut Akta Latihan Khidmat Negara 2003, warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia yang berumur dalam lingkungan 16 hingga 35 tahun dikehendaki menjalani Program Latihan Khidmat Negara atau PLKN.

Kegagalan seorang warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia yang dipilih untuk mengikuti PLKN merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 18 Akta Latihan Khidmat Negara 2003 atau lebih dikenali sebagai Akta 628. Pada masa sekarang Akta Latihan Khidmat Negara 2003 memperuntukkan bahawa seorang yang disabitkan dengan kesalahan di bawah akta ini oleh mahkamah boleh didenda tidak melebihi RM3,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya. Kementerian mendapati pelaksanaan peruntukan hukuman yang sedia ada ini ke atas warganegara pada peringkat umur sedemikian akan mendatangkan lebih banyak kesan negatif terhadap masa depan mereka.

Hukuman tersebut akan meninggalkan satu titik hitam dalam sejarah hidup remaja berkenaan. Di samping itu, keadaan ini juga akan menjejaskan kehidupan keluarga sekiranya mereka ini merupakan satu-satunya tempat bergantung harap untuk menyara keluarga. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan meminda seksyen 2, seksyen 18, seksyen 19, seksyen 27, seksyen 28, dan seksyen 31 Akta Latihan Khidmat Negara 2003 supaya peruntukan yang sedia ada iaitu hukuman denda dan penjara digantikan dengan hukuman melaksanakan perintah khidmat masyarakat atau dengan izin *community service*.

Hukuman pelaksanaan perintah khidmat masyarakat merupakan satu hukuman pilihan baru yang telah dimasukkan ke dalam Kanun Tatacara Jenayah Akta 593 melalui Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006 dan Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2007 atau Akta A 130(4). Hukuman pelaksanaan perintah khidmat masyarakat telah diperuntukkan di bawah seksyen 293 (1)(e) Akta Kanun Tatacara Jenayah atau Akta 593 dan telahpun berkuat kuasa sejak 7 September 2007.

■1200

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan ini mahkamah boleh memerintahkan seorang pesalah untuk melaksanakan perintah khidmat masyarakat untuk satu tempoh tidak melibat 240 jam. Perintah khidmat masyarakat adalah di bawah kuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Hukuman ini menitik beratkan proses pemulihan dan kaunseling agar pesalah berkenaan menginsafi kesilapan yang dilakukan. Ia melibatkan aktiviti-aktiviti khidmat komuniti yang dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi tujuh fasal. Fasal-fasal berkenaan ialah seperti berikut:

- (i) fasal 1 dan 2 yang memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa pindaan akta yang dicadangkan dan juga mengandungi takrif khidmat masyarakat yang diambil daripada takrif yang diberikan pada istilah itu dalam Kanun Tatacara Jenayah Akta 593; dan
- (ii) fasal 3, 4, 5, 6 dan 7 mengandungi pindaan-pindaan bagi menggantikan semua peruntukan hukuman denda dan penjara yang dikenakan ke atas pelatih-pelatih PLKN dengan hukuman perintah khidmat masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kami percaya bahawa hukuman khidmat masyarakat adalah lebih berkesan sebagai satu pengajaran kepada pelatih-pelatih yang gagal mengikuti PLKN. Selain dapat mengelakkan kesan negatif dan psikologi akibat daripada menjalani hukuman penjara, pelaksanaan perintah khidmat masyarakat akan menimbulkan rasa keinsafan tanpa sebarang kesan sampingan ke atas masa depan pelatih-pelatih berkenaan.

Perintah khidmat masyarakat adalah dilihat sebagai salah satu aktiviti mulia untuk memberi sumbangan kepada masyarakat yang memerlukan pertolongan orang ramai. Cadangan pindaan ke atas akta tersebut dibuat setelah mengambil kira kesan-kesan pindaan ini ke atas keberkesanan PLKN. Kementerian yakin bahawa pindaan tersebut tidak akan menjejaskan pelaksanaan dan keberkesanan PLKN.

Ini adalah kerana setelah melaksanakan perintah khidmat masyarakat, pelatih-pelatih berkenaan tetap perlu mengikuti semula PLKN. Ini bermakna warganegara Malaysia yang terlibat akan melalui kedua-dua proses iaitu proses pemulihan dan kaunseling melalui pelaksanaan perintah khidmat masyarakat dan proses pembentukan jati diri, ketahanan fizikal, perpaduan nasional dan penerapan semangat patriotisme melalui PLKN.

Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Datuk Hamzah bin Zainuddin [Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi]: Saya pohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Latihan Khidmat Negara dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Zamri bin Haji Yusof, Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi dan kemudian Yang Berhormat Pau Chiong Ung.

12.05 tgh.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusof: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dengan memberikan ruang kepada saya untuk turut terlibat membahaskan sedikit pindaan kepada rang undang-undang yang melibatkan Akta Latihan Khidmat Negara.

Jadi Tuan Yang di-Pertua dan seluruh Ahli Dewan yang saya hormati sekalian, rang undang-undang kali ini dibentangkan kepada kita dan kita amat bersyukur kerana kerajaan khususnya Kementerian Pertahanan insaf akan kesilapan yang telah dilakukan dalam Akta Program Latihan Khidmat Negara sebelum ini dan itu juga menunjukkan sifat sebagai manusia. Terima kasih. Jadi khususnya pada hukuman yang melibatkan hukuman penjara sebelum ini yang dipenjarakan...

Tuan Yang di-Pertua: Manusia yang mahu mengaku kesilapan itu, dia mulia kah atau dia hina?

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusof: Itu yang cukup mulia kerana kita mengaku kesilapan menegakkan kebenaran.

Tuan Yang di-Pertua: Dia menjadi manusia mulialah? Terima kasih.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusof: Bukan sama *level* lah, Tuan Yang di-Pertua lebih sikit... [Ketawa] Sebab lebih *experiences*. Jadi khususnya tentang pindaan melibatkan daripada penjara yang walaupun saya anggap ini satu kes yang sangat sentimental mungkin melibatkan di antaranya adalah apa yang melibatkan seorang remaja dari negeri Perlis yang dibawakan datang ke penjara di Sungai Petani, saya harap itu satu daripada contoh. Akan tetapi yang lebihnya kita harus lihat dengan secara lebih luas tentang apa yang telah berlaku dalam Latihan Khidmat Negara ini untuk kita ambil iktibar yang lebih luas.

Melihat kepada tujuan asalnya saya yakini ia satu tujuan yang cukup murni iaitu Latihan Khidmat Negara diadakan untuk menyediakan golongan muda bagi menghadapi cabaran dari dalam dan juga luar negara, menangani perubahan-perubahan seperti teknologi baru dan globalisasi yang cukup luas. Latihan Khidmat Negara ini juga cuba menanam semangat kesukarelaan kepada golongan muda memandangkan terdapatnya perkaitan antara ketiadaan sikap sukarelawan dengan keadaan persatuan-persatuan yang semakin terkubur dan menyatupadukan golongan muda daripada pelbagai kaum. Jadi melihatkan kepada tujuan murni ini sebab itu kita minta dengan sedikit pindaan yang dibuat pada kali ini, Kementerian Pertahanan cuba meneliti dengan lebih kepekaan kepada beberapa hal lagi yang menjadi rungutan dan juga kerisauan kepada ibu bapa apabila anak mereka disenaraikan untuk terlibat dalam mengikuti kursus Latihan Khidmat Negara.

Jadi sebagai contohnya ingin saya bawakan satu daripada rungutan yang disebut oleh ibu bapa kerana saya juga sebahagian daripada ibu bapa tersebut. Dua daripada anak saya telah terpilih sebelum ini untuk Latihan Khidmat Negara. Jadi antaranya kita melihat kepada kejadian yang berlaku walaupun melibatkan hanya *percentage* yang cukup kecil, yang selalu disebut sebagai kes terpencil tetapi yang melibatkan sehingga 17 kematian kepada pelatih yang terlibat setakat ini. Ini saya rasakan perlu dilihat balik di mana silapnya sama ada silapnya di dalam Program Latihan Khidmat Negara atau silap ketika pemilihan itu lagi ataupun silapnya ketika kita tidak meneliti dengan lebih *detail* tentang tahap kesihatan seseorang itu sebelum kita wajibkan untuk hadir ke Latihan Khidmat Negara kerana sebelum pindaan ini tidak ada ibu bapa yang berani menentang untuk tidak menghantar anak mereka kerana melihatkan kepada proses hukuman penjara itu adalah satu perkara yang amat menakutkan.

Jadi sehinggakan ibu bapa sanggup sembunyikan fakta sebenar sehingga berlakulah 17 kes kematian semasa mengikuti Program Latihan Khidmat Negara di pelbagai tempat. Saya ada *detail* namanya tetapi itu adalah satu maklumat umum yang telah ada pada Kementerian Pertahanan.

Perkara kedua yang ingin saya sebutkan sedikit tentang perkembangan yang saya minta penjelasanlah daripada kementerian tentang maklumat yang kita juga dapat berdasarkan laporan pada 8 Jun 2009 yang memetik kata-kata Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara...

Datuk Osman bin Bungsu: Yang Berhormat, minta laluan. Yang Berhormat, saya difahamkan tadi anak Yang Berhormat ada dua orang yang telah terlibat dengan PLKN ini. Jadi apakah perubahan-perubahan tingkah laku yang telah dilihat apabila anak-anak ini, setelah anak-anak ini mengikuti PLKN ini? Terima kasih Yang Berhormat.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih dengan penjelasan yang diminta oleh Yang Berhormat Datuk baru kita, Datuk Osman kita. Jadi daripada dua yang hadir itu, dalam masa tiga bulan, itu yang kita hendak sebut dalam masa setakat tiga bulan hadir program yang penuh dengan segala aktiviti yang dibahagikan dalam pelbagai aspek itu dan melibatkan dua bulan setengahlah sebenarnya, tidaklah banyak sangat membawakan kepada perubahan kepada anak-anak ini khususnya yang kita sudah beri persiapan persediaan untuk mengelak daripada perkara-perkara yang tidak diinginkan yang berlaku di sebahagian tempat yang lain.

Tambahan pula, alhamdulillah mereka terlibat di sana dan khususnya anak saya sendiri apabila terlibat dalam beberapa program yang ada dalam PLKN itu dilantik sebagai ketua jadi dia tidak dapat hendak terima pengaruh kerana dia sendiri *lead* kawan-kawan lain. Jadi saya sebut itulah latihan yang ada. Bukan kita tolak apa yang ada dalam PLKN tetapi yang kita hendak ingatkan kementerian ini ialah beberapa hal yang berlaku perlu dikaji, jangan kita anggap sebagai perkara yang terpencil. Setiap kali berlaku, kita anggap perkara terpencil yang akhirnya kita tidak melakukan perubahan.

■1210

Jadi, yang saya hendak minta penjelasan tadi ialah kenyataan yang dibuat oleh Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara, Yang Berhormat Datuk Dr. Tiki anak Lafe menyatakan bahawa semua remaja berusia 18 tahun mesti menjalani Latihan Khidmat Negara pada tahun 2014. Jadi, kenyataan ini bagi saya menimbulkan sedikit reaksi negatif dari pelbagai pihak kerana perjalanan Latihan Khidmat Negara sekarang ini pun, apabila kita cuba lihat dan teliti, ianya berbeza apa yang berlaku pada siri pertama, siri kedua dan siri ketiga.

Saya hendak sarankan kepada Kementerian Pertahanan ialah walaupun hendak diteruskan Latihan Khidmat Latihan ini hanyalah sesuai kepada pelajar siri pertama dan siri kedua, kalau diteruskan kepada siri ketiga, *syllabus* hendaklah dibezakan. Ini kerana, pada pengamatan saya siri pertama dan siri kedua melibatkan pelajar-pelajar daripada lepasan benar-benar sekolah menengah, khususnya siri pertama hampir sebahagian besarnya adalah pelajar-pelajar yang akan ke IPTA dan IPTS, pelajar-pelajar yang memang dipilih daripada sekolah-sekolah asrama penuh atau sekolah yang *grading* baik, pencapaiannya lebih baik.

Akan tetapi, apabila *syllabus* yang sama dibawa kepada siri yang ketiga yang melibatkan pengambilan pada bulan Jun, iaitu kebanyakan daripada remaja yang tidak bersekolah, ada remaja yang telah pun berkahwin, ada remaja yang telah pun ada anak, dibawa menggunakan *syllabus* yang digunakan bulan Januari dan kenyataannya ialah kita lihat sebahagian besar daripada masalah-masalah yang berlaku dalam PLKN adalah dalam siri yang ketiga yang melibatkan anak-anak kita yang baru *fresh*, baru keluar dari sekolah menengah dan tiba-tiba dia bergabung dengan pelajar ataupun anak-anak remaja yang tidak bersekolah, yang kita pergi kutip merata kerana umurnya 18 tahun, kita pergi cari, kita bawa masuk kursus bersama dengan anak-anak yang daripada sekolah yang baru *fresh* tamat Tingkatan 5, banyak menimbulkan masalah ketika ini.

Jadi, saya minta, saya mohon kepada Kementerian Pertahanan supaya mengkaji Latihan Khidmat Negara ini sebaiknya tidak diadakan bagi siri yang ketiga ini kerana fokus kepada anak-anak yang tidak bersekolah ini lain daripada fokus yang kita berikan kepada anak-anak yang baru lepasan SPM dan Tingkatan 5. Sekiranya Kementerian Pertahanan masih juga hendak meneruskan, harus dikajilah *syllabus* yang lebih sesuai dengan tahap umur, keterbukaan, pengalaman mereka yang jauh berbeza dengan anak-anak kita yang baru keluar daripada pengajian sekolah menengah, anak-anak inilah banyak dipengaruhi oleh remaja-remaja yang bukan daripada sekolah Tingkatan 5.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang ingin saya sebutkan ialah isu yang disebutkan tadi tentang kenyataan oleh Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara ini yang menyebut akan diwajibkan kepada semua, sedangkan yang kita lihat satu percanggahan juga dalam maklumat yang kita ada, kerana beberapa pusat Latihan Khidmat Negara juga sudah ditutup sejak ia dimulakan tahun 2004. Beberapa pusat Latihan Khidmat Negara telah pun ditutup kerana kekurangan peralatan dan juga berdasarkan semakan yang dibuat oleh kementerian tidak menepati syarat untuk diteruskan. Jadi, saya mohonlah penjelasan dalam isu ini supaya kementerian dapat mengkaji, apakah benar semua akan diwajibkan mulai 2014 ataupun kenyataan itu adalah satu kenyataan berdasarkan lontaran untuk melihat persepsi rakyat sekitar. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini, berdasarkan pindaan ini kita rasa bersyukur dengan pindaan yang dibuat ini.

Walaupun begitu, beberapa teguran yang saya sebutkan tadi, saya minta dan saya mohon supaya Kementerian Pertahanan mengkaji dan meneliti kerana inilah generasi masa depan, remaja yang hendak kita bina untuk mewarisi Malaysia pada masa hadapan. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Mumtaz binti Md Nawi.

Puan Hajah Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk bersama membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Latihan Khidmat Negara 2003. Saya ingin mengutarakan beberapa persoalan kepada pihak Kementerian Pertahanan secara khususnya berkenaan dengan secara ringkasnya perbezaan antara definisi Program Latihan Khidmat Negara dengan Program Kerahan Tenaga yang dibuat di negara-negara lain, dan adakah setakat ini pihak kementerian pernah melaporkan prestasi peserta yang telah dibuat daripada 2003 sehingga 2009 khususnya kepada ibu bapa dan juga kepada masyarakat? Untuk masyarakat menilai secara objektif, apakah prestasi yang telah dicapai oleh anak-anak kita yang menjadi peserta PLKN? Jadi, kalau SPM kita boleh tengok *grading* dia, untuk PLKN adakah mereka juga akan mendapat satu laporan akhlak ataupun adab yang dikemukakan oleh Kementerian Pertahanan.

Kedua, difahamkan daripada hujahan yang dikemukakan oleh Menteri tadi berkenaan dengan seseorang yang menjadi tunggak keluarga tiba-tiba terpaksa menjadi peserta PLKN. Jadi, ini antara alasan kenapa dibuat pindaan kepada akta ini. Pada fahaman saya, adalah tidak munasabah untuk mana-mana hakim atau majistret meletakkan hukuman penjara ataupun denda kepada pelajar yang menjadi tunggak kepada keluarga. Adakah apabila pelajar ini menjadi tunggak kepada keluarga, mereka akan secara automatik diberikan pengecualian daripada menjadi peserta kepada PLKN?

Ini kerana perkara ini, kalau ini merupakan khidmat negara, berkhidmat kepada keluarga merupakan fardu ain kepada peserta terbabit. Jadi, adakah munasabah kita menarik perkara fardu ain untuk memberi fardu kifayah kepada peserta tadi?

Ketiga, bila khidmat masyarakat yang dipinda pada hari ini akan diberikan di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, bagaimanakah *link* yang akan dibuat oleh Kementerian Pertahanan khususnya dari segi tempoh masa? Kita bimbang antara penghakiman yang dibuat di bawah akta ini untuk diteruskan kepada kementerian lain akan memakan masa. Kemungkinan pelajar yang terlibat mungkin berumur 18 tahun, kemungkinan khidmat masyarakat mereka terpaksa buat setelah mereka mencapai usia 25 tahun. Jadi, kita mahu tempoh masa yang spesifik daripada tarikh mereka diberikan hukuman, dan mereka menjalani latihan di bawah kementerian kerana ini merupakan dua kementerian yang berbeza.

Bagaimanakah bentuk khidmat masyarakat yang akan diperkenalkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini khususnya untuk peserta-peserta yang telah dihukum? Ini kerana, khidmat masyarakat ini sangat umum, kita melihat seolah-olah yang kita faham adalah mencuci kubur ataupun menjaga orang tua. Jadi, perkara ini untuk kes-kes lain okey, tetapi untuk kes di bawah PLKN, adakah mereka juga akan mengalami proses yang sama? Adakah sekiranya proses yang sama ini diteruskan ia akan bersifat *deterrent* untuk mengajar ataupun mengelak pelajar-pelajar lain atau peserta-peserta lain daripada tidak menyertai PLKN? Jadi, bagaimanakah bentuk yang akan diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pertahanan?

Seterusnya, berkenaan dengan kos. Setakat ini, berapakah kos yang telah dibelanjakan oleh Kementerian Pertahanan untuk satu individu yang menjadi peserta kepada PLKN dan kos secara keseluruhan yang telah dibelanjakan dari 2003 hingga 2009 oleh Kerajaan Malaysia kepada peserta-peserta PLKN?

Apabila perkara ini diletakkan, kalau kita pinda, saya difahamkan tadi dari pindaan itu, hukuman denda atau hukuman penjara tidak akan lagi dikenakan kepada peserta, hanya dikenakan hukuman khidmat masyarakat. Bagaimana pula kita hendak menyuburkan semangat bahawa apabila orang ini kena khidmat masyarakat, dia bukanlah orang yang didenda. Kita bimbang kalau kita kata orang yang bersalah, mereka akan dikenakan khidmat masyarakat, maknanya, orang yang tidak bersalah mereka tidak ada semangat untuk melakukan khidmat masyarakat. Ini perkara yang perlu kita elakkan supaya stigma orang yang melakukan khidmat masyarakat ini adalah orang yang bersalah mesti kita elakkan. Jadi, perkara ini mesti kita pantau objektifnya supaya pelajar-pelajar yang tidak memberi kesalahan mereka juga semangat ataupun lebih bersemangat untuk menyertai khidmat masyarakat seperti ini. Saya rasa perkara yang sama juga boleh diteruskan oleh Kementerian Pertahanan untuk memastikan khidmat masyarakat seperti ini diteruskan oleh peserta-peserta dan khususnya remaja-remaja kita.

Saya juga ingin tahu, bagaimana jumlah kos insurans yang telah pun dibelanjakan oleh PLKN kerana setakat ini yang saya maklum dalam akhbar, jumlah kematian telah pun mencecah 17 orang. Jadi, kalau jumlah kematian 17 orang, bagaimana pula jumlah kecederaan iaitu dari segi premium insurans yang telah dibelanjakan oleh pihak Kementerian Pertahanan? Adakah berlaku peningkatan akibat berlaku kematian yang secara berturutan ini kepada pihak PLKN?

■1220

Saya juga ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pertahanan berkenaan dengan apakah silibus ataupun skim tentang penjagaan kesihatan dan keselamatan yang telah diperkenalkan kepada peserta-peserta ini sepanjang tiga bulan, kerana kita melihat kalau sebelum ini insurans hanyalah melindungi peserta-peserta dalam masa latihan, tetapi setelah berlaku kematian yang begini ramai kita melihat bahawa pihak kementerian meminta supaya dilanjutkan lebih kurang dalam tempoh dua minggu selepas mereka tamat daripada menjadi peserta PLKN.

Jadi kita hendak tahu apakah silibus ataupun modul-modul kesihatan ataupun penjagaan keselamatan yang telah diperkenalkan kepada peserta, sebab sepanjang pengetahuan kita, untuk menjadi anggota masyarakat yang baik ataupun memberikan khidmat yang baik kepada negara mereka mestilah selamat dan sihat.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian tentang senarai tempat khidmat masyarakat yang akan dibekalkan kepada negeri-negeri ataupun pusat. Jadi kalau kita ada 100 tempat yang boleh kita berikan khidmat masyarakat, apakah prioriti ataupun keutamaan yang akan diberikan oleh pihak kementerian dalam menentukan pesalah-pesalah. Contohnya, untuk kesalahan kali pertama, kali kedua atau kali kedua, di manakah mereka akan diberikan keutamaan, sama ada di hospital, di rumah orang-orang tua? Apakah bentuk khidmat masyarakat yang dibenarkan? Adakah *region based*, *community based* dengan izin, ataupun *economy based*? Apakah...

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Minta Laluan Ahli Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat tadi berkenaan dengan kematian yang berlaku sebanyak 17 orang itu, apa pandangan Yang Berhormat?

Bukankah ini ketentuan Allah SWT, sekiranya dia masuk atau tidak masuk ke dalam PLKN, bila sampai masa dan ketikanya, dia akan dipanggil. Apakah oleh sebab mereka ini ada menjalani latihan PLKN, maka kementerian yang menjalankan PLKN ini perlu dipersalahkan bila berlaku kematian ini? Apakah Yang Berhormat tidak percaya kepada qada dan qadar Allah SWT? Terima kasih.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih kepada Senator yang bertanya. Percaya kepada qada dan qadar merupakan satu daripada rukun iman yang kelima di dalam Islam. Jadi kita percaya bila berlaku kematian, ia adalah tahap atau masa yang patut dia meninggal dunia. Akan tetapi dalam kes ini, bila kita bercakap soal insurans, kita perlu *cover* kematian ataupun kita perlu bayar kepada orang yang melanggar anak kita ataupun orang yang melanggar anak kita itu perlu bayar kepada anak ataupun kepada keluarga mangsa.

Jadi soalnya, kita bukanlah marah kepada orang yang melanggar tetapi bila ada insurans, insuranslah yang kena bayar. Persoalan saya kemukakan tadi ialah berkaitan dengan kos yang terpaksa ditanggung oleh PLKN akibat daripada peningkatan premium yang diminta oleh pihak operator Takaful kerana berlaku kematian yang secara berturut-turut. Ini perkara yang berbeza dan teknikal dari sudut apabila berlaku kematian itu ia akan meningkatkan premium yang akan ditanggung oleh pihak PLKN. Jadi bukan masalah kita mempertikaikan kenapa dia perlu mati? Akan tetapi dalam kes ini, bila berlaku kematian mesti ada satu *compensation*, dari sudut insurans yang telah pun kita bayar kepada operator Takaful. Saya rasa perkara ini jelas.

Ini dua perkara yang berbeza. Bukannya persoalannya kita katakan bila dihantar kepada PLKN, anak ini mati kalau tidak dihantar anak ini tidak mati, bukan masalah itu. Akan tetapi dalam masalah bagaimana kerajaan menangani masalah premium insurans yang akan ditanggung akibat daripada kematian yang berlaku semasa di bawah jagaan PLKN. Itulah masalah yang saya kemukakan.

Berkaitan dengan senarai, saya pohon seperti tadi diberikan senarai yang agak jelas supaya bilamana senarai ini diwartakan, pihak yang akan membuat hukuman, adakah dari segi tempat untuk mereka ini menjalani hukuman ataupun untuk menjalani latihan khidmat masyarakat tadi, mereka akan diberi penghukuman itu akan diputuskan oleh majistret yang memerintahkan ataupun boleh dipilih oleh peserta di mana tempat yang beliau ataupun mereka kehendaki. Iaitu sama ada mereka pilih tempat ataupun perkara ini akan terus dimasukkan ke dalam penghakiman yang akan dikeluarkan oleh mana-mana majistret.

Saya juga ingin bertanya tentang adakah pihak kementerian mempunyai bank data peserta PLKN dan juga rekod-rekod sekiranya pihak ataupun majikan ingin mengesahkan ataupun mendapat pekerja-pekerja daripada peserta PLKN.

Yang terakhirnya, saya ada mendengar cadangan daripada pihak masyarakat agar orang-orang yang menjadi mat rempit ataupun orang yang selalu berlumba haram ini dijadikan ataupun ditempatkan di mana-mana PLKN khas kerana kita percaya yang melatih di tempat PLKN ini semuanya bekas-bekas pesara tentera. Jadi adakah pihak kementerian akan mengkaji secara serius untuk memastikan budak-budak ataupun yang menjadi mat rempit yang juga usia mereka di antara 18 tahun hingga 25 tahun ini diberikan peluang yang sama rata.

Jadi kalau kita hendak selamatkan pelajar-pelajar lepasan SPM dan berikan mereka satu semangat yang baru, kita juga bertanggungjawab yang sama untuk memberikan perkara yang sama kepada orang yang kita katakan sebagai mat rempit. Jadi saya rasa kementerian yang paling sesuai untuk melaksanakan perkara ini adalah Kementerian Pertahanan dan saya minta respons. Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Pau.

12.25 tgh.

Tuan Pau Chiong Ung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini bagi menyentuh perkara berkaitan dengan Latihan Khidmat Negara. Semenjak pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara pada tahun 2003, lima tahun sudah berlalu. Adalah masanya kita mengimbas kembali maklumat dan objektif tulen program ini dilaksanakan pada asalnya. Menurut maklumat yang saya dapati, program ini mempunyai empat objektif utama seperti di bawah:

- (i) menanam semangat patriotisme dan cintakan negara di kalangan generasi atau remaja Malaysia;
- (ii) mempertingkatkan perpaduan kaum serta integrasi nasional;
- (iii) membentuk perwatakan positif melalui penerapan nilai-nilai murni; dan
- (iv) menanam semangat kesukarelaan di kalangan remaja.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya sekarang bukan sahaja di kalangan wakil rakyat, malah juga tertanya-tanya oleh semua lapisan masyarakat. Adakah PLKN telah mencapai objektif-objektif yang diharapkan selepas program ini dilaksanakan selama lima tahun?

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini sebahagian kem PLKN yang diguna pakai masih bersifat sementara sahaja. Mutu kem-kem PLKN yang bersifat sementara ini sememangnya telah menimbulkan kerisauan dan kebimbangan di kalangan peserta-peserta dan ibu bapa dari pelbagai segi.

Sekiranya pihak kerajaan berhasrat untuk melaksanakan PLKN secara berterusan, adalah penting bagi kerajaan membina kem-kem latihan yang mematuhi spesifikasi-spesifikasi dari berbagai-bagai segi termasuklah keselamatan, kebersihan, kedudukan yang strategik dan dilengkapi dengan pelbagai *facility* latihan bermutu. Dengan adanya kem-kem tetap yang bertaraf tinggi dan bermutu tersebut, barulah latihan-latihan PLKN dapat dilaksanakan dengan berkesan serta memenuhi kepercayaan ibu bapa.

Di samping itu, jangka masa latihan pendek PLKN selama tiga bulan telah menimbulkan keadaan tidak tentu hala kepada rancangan pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi. Maka, adakah pihak kementerian mempertimbangkan untuk memanjangkan jangka masa latihan PLKN kepada enam bulan ataupun setahun? Dengan memanjangkan jangka masa latihan PLKN, peserta-peserta dapat menumpukan perhatian dalam latihan mereka sepanjang masa dan tidak merasa risau pasal akademik atau hal-hal kemasukan IPTA atau IPTS.

Pada masa kini, ramai peserta PLKN telah terlepas dari pengambilan di IPTA atau IPTS selepas tamat latihan dan terpaksa menunggu tarikh pengambilan yang kedua. Keadaan sedemikian menyebabkan masa menunggu selalunya terbazir begitu sahaja dan amat sayang sekali.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu adakah Kementerian merancang untuk mewajibkan semua pelajar yang cukup umur untuk menyertai PLKN? Jika ya, adalah dicadangkan agar bilangan kem-kem PLKN harus ditambahkan untuk menampung keperluan yang semakin meningkat. Pada masa kini, peserta PLKN dipilih melalui undi menyebabkan sebahagian remaja terpilih manakala sebahagian yang lain terlepas.

■1230

Keadaan ini menimbulkan perasaan tidak adil di kalangan ibu bapa yang kurang setuju dengan PLKN. Manakala, ibu bapa yang setuju dengan PLKN pula, kadangkala anak mereka tidak terpilih menyebabkan mereka rasa tidak seronok juga. Maka, sekiranya semua pelajar yang cukup umur diwajibkan masuk ke dalam PLKN, tidak perlulah pelajar-pelajar dan ibu bapa fikir bukan-bukan dan tidak tentu hala.

Tuan Yang di-Pertua, PLKN mempunyai objektif untuk memupuk integrasi nasional di kalangan remaja, namun hanya sebahagian pemuda-pemudi yang terpilih untuk mengikuti PLKN. Sekiranya, PLKN memang berjaya memupuk nilai integrasi nasional ke dalam peserta-peserta PLKN, soalnya, bagaimanakah dengan remaja yang tidak terpilih untuk menyertai PLKN? Adakah golongan yang tidak terpilih tersebut, tidak perlu diserapkan nilai-nilai integrasi nasional? Jika bukan semua remaja diserapkan nilai-nilai integrasi nasional, kesan usaha PLKN sebenarnya, adalah amat terhad sekiranya dipandang dari konteks keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menjayakan PLKN, pelatih-pelatih PLKN memainkan peranan yang penting sekali. Pelatih-pelatih yang handal dan bagus hanya dapat berjaya dilahirkan daripada kumpulan pelatih yang berkualiti, profesional, dan beretika tinggi. Mengikut maklumat yang diperolehi, daripada seramai 2,898 orang pelatih PLKN yang bertugas buat masa ini, 40 orang pelatih kaum Cina dan 24 orang pelatih kaum India. Saya percaya bahawa warna kulit pelatih bukan faktor penting yang menentukan kualiti kursus latihan.

Faktor yang betul-betul penting dan perlu diambil kira adalah, semua pelatih PLKN benar-benar menghayati makna sebenar 1Malaysia dan menjalankan tugas seiring dengan usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membina sebuah negara maju yang berkonsepkan 1Malaysia. Pelatih-pelatih mestilah bersikap saksama terhadap semua peserta-peserta PLKN. Barulah usaha PLKN untuk memupuk integrasi nasional dapat dicapai secara praktikalnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, masalah-masalah disiplin di dalam kem PLKN, seperti pergaduhan, pengasuhan, dan pencabulan, sering kedengaran dari masa ke masa. Masalah sedemikian menimbulkan kebimbangan dan kerisauan di kalangan ibu bapa dan masyarakat sekali lagi. Dalam usaha menyelesaikan masalah ini, peranan pelatih adalah mustahak sekali. Oleh sedemikian, pelatih-pelatih PLKN yang bertugas haruslah dipilih secara sistematik dan mereka sendiri perlu melalui latihan profesional sebelum menjalankan tugas. Maka, dengan ini, banyak masalah dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu lagi ialah, peserta-peserta PLKN yang meminta penangguhan atas alasan melanjutkan pelajaran mungkin akan dipanggil masuk semula ke dalam PLKN sebelum umur 35 tahun. Polisi ini telah menimbulkan kerisauan yang di kalangan remaja dan ibu bapa. Kerisauan tersebut adalah, kerana sekiranya mereka tiba-tiba dipanggil masuk ke PLKN, mereka kemungkinan besar akan menghadapi pelbagai masalah seperti, kesusahan menjaga keluarga semasa dalam latihan, tidak mampu membayar pinjaman ansuran rumah dan kereta, dan mungkin menganggur selepas tamat latihan kerana terpaksa meninggalkan jawatan kerja untuk menyertai PLKN. Oleh sedemikian, adakah Kementerian akan mempertimbangkan untuk melepaskan mereka daripada tugas PLKN selepas penangguhan.

Tuan Yang di-Pertua, setiap pelaksanaan PLKN, polisi PLKN untuk mendenda peserta-peserta yang gagal melaporkan, sememangnya telah pun ditetapkan. Akan tetapi, apakah status pelaksanaan polisi berkenaan? Menurut maklumat daripada jawapan Menteri di sesi persidangan Dewan Negara pada bulan April yang lalu, cuma peserta yang gagal melaporkan diri adalah seramai 8,000 orang.

Namun, sehingga kini hanya tiga orang sahaja yang dikenakan tindakan. Bagaimanakah dengan yang lain? Adakah kementerian akan mengenakan denda Khidmat Masyarakat selepas rang undang-undang berkenaan ini diluluskan? Dengan kata-kata ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawab dan gulung perbincangan.

12.34 tgh.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Zamri, Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz, dan Yang Berhormat Senator Pau kerana memberikan hujah-hujah yang bernas serta memberikan beberapa data daripada Jabatan Latihan Khidmat Negara. Saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih. Rata-rata daripada apa yang saya faham, Yang Berhormat Zamri, Yang Berhormat Senator Mumtaz, semuanya bersetuju tentang hasrat murni kementerian bagi mengubah semua perkataan-perkataan, denda tidak melebihi RM3,000 dan penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya sekali kepada Khidmat Masyarakat.

Majoriti daripada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat ini, mengatakan persetujuan mereka mengenai program tersebut memang patut kita buat dan kita teruskan bagi memastikan keempat-empat maksud atau tujuan, kenapa PLKN ini diwujudkan, iaitu bagi memupuk, membaja perasaan cinta kepada negara. Kedua, ada elemen-elemen atau platform bagi memastikan ada integrasi kaum, pembentukan peribadi mulia melalui modul-modul yang kita susun atur untuk membentuk, dengan izin, *character building* pada wira dan wirawati di PLKN, dan akhir sekali memupuk semangat kesukarelaan.

Roh dan semangat kenapa kita ubah ini, bukan bermakna...Kita akui sebenarnya bukan kesilapan. Kalau kita ingat, mengapa kita tubuhkan Akta Latihan Khidmat Negara, ekoran daripada satu kongres Patriotisme Negara yang dianjurkan di Bangi pada bulan Oktober tahun 2002. Dihadiri oleh pelbagai golongan masyarakat yang melahirkan rasa kebimbangan mereka tentang soal cintakan kepada negara, sama ada rakyat kita yang terdiri daripada pelbagai kaum, pelbagai agama dan latar belakang ini, mempunyai daya tahan dan kuat, untuk mempertahankan negara dari pelbagai serangan cabaran dalaman, dan mahupun cabaran luaran.

■ 1240

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat lagi saya pun hadir dalam kongres tersebut. Lontaran idea bagi memastikan ada satu khidmat wajib bukan kerahan tenaga seperti yang dibimbangi oleh Yang Berhormat Senator Hajah Puan Mumtaz binti Md. Nawi, kerahan tenaga dengan khidmat negara. Kerahan tenaga ini adalah satu bentuk latihan yang berasaskan kepada *military* seperti negara jiran selatan kita.

Dia wajib sama dengan khidmat negara kita wajib tetapi oleh kerana ia adalah kerahan tenaga maka ia diwajibkan untuk menerima kursus ala tentera selama dua tahun. Kita mengikut akta kita. Khidmat Negara kita adalah berasaskan kepada tujuan empat tadi bahawa kita bersetuju ekoran daripada perbincangan satu Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada ketika itu beliau adalah Menteri Pertahanan.

Jangka waktu yang sesuai adalah tidak lebih daripada 90 hari dan ini sebenarnya *debatable* Tuan Yang di-Pertua kerana saya dapat tahu semasa darurat Parti Komunis Malaya, dia hanya adakan kursus induk. Dua minggu sudah jadi komunis, boleh masuk hutan. Kita kuat berpendapat bahawa pandangan-pandangan pakar mengatakan bahawa 90 hari adalah waktu yang sesuai untuk kita terapkan nilai-nilai ini dan kita semua tahu bahawa nilai-nilai ini adalah satu proses yang berpanjangan.

Ia bukan nilai cintakan negara, pembentukan keperibadian, integrasi nasional di antara etnik. Ia bukan perkara yang tiba-tiba kita tonjolkan di PLKN malah ia adalah satu proses daripada kecil lagi, di sekolah, pra sekolah, dan sekolah menengah.

Kita semua tahu bahawa negara kita sahaja yang berkembang dan membangun mengikut sunah dan mengikut fitrah. Maksud saya kita hendak etnik Cina jadi orang Cina, etnik India jadi India dan etnik Melayu jadi Melayu.

Kita tidak mahu apa yang dilihat di negara-negara lain rupanya mungkin macam Cina tetapi tidak boleh nama Cina atau dia tidak boleh bertutur dalam bahasa Mandarin. Atas asas itu kita benarkan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina atau Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di negara kita. Ada banyak negara yang berbilang kaum tetapi tidak ada negara macam kita yang membenarkan dapat bantuan macam-macam daripada kerajaan untuk membajai bahawa dia itu terus kekal sebagai satu etnik yang kaya dengan budaya masing-masing.

Ekoran daripada itu sudah tentu kita akan berhadapan dengan bermacam-macam masalah tetapi Kerajaan Barisan Nasional tidak melihat itu sebagai satu masalah. Kita melihat itu sebagai satu peluang. Sebab itu apabila Yang Berhormat Senator Zamri kata pasal kematian, mengikut statistik antara umur 16 hingga 35 kadar kematian dia adalah 0.0014%.

Betul, kita akui ada 17 kes kematian di PLKN tetapi kalau kita ambil kira hadirnya semua pelatih wira dan wirawati di PLKN berbanding dengan kes kematian. Ia sebenarnya lebih rendah daripada apa yang berlaku dalam kes kematian di PLKN atau Tuan Yang di-Pertua hendak mudah cakap kalau masuk PLKN peluang hendak mati itu lebih kurang daripada kalau dia tidak masuk PLKN mengikut kalau kita belajar statistik.

Tuan Yang di-Pertua dahulu semasa menjadi bomoh pun belajar statistik, dia ada dan juga signifikan. Cuma yang menjadi kebimbangan kita di PLKN adalah bagaimana kita hendak mengurangkan apa yang kita katakan...

Tuan Yang di-Pertua: Tiga bulan dia berada di PLKN dia tidak naik motosikal, dia tidak jadi mat rempit. Jadi risiko mati itu lebih kurangnya.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Belum dibuktikan lagi. Belum ada kajian. Apa yang saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua bahawa apa yang kita hendak tekankan di sini adalah *preventable death*, itu yang kita hendak tekankan umpamanya baru-baru ini saya pergi ke Perlis, Allahyarham Abdul Malek bin Ishak di Kampung Generi, dalam betul kebumi malam.

Arwah memang sihat, memang betul ada asma tetapi penyakit asma tidak tergolong dalam 32 penyakit yang diiktiraf oleh dalam *regulation* dan diiktiraf oleh pakar-pakar perubatan yang boleh mengecualikan beliau atau mana-mana wirawati tidak perlu mengikuti Program Khidmat Negara ini tetapi saya sempat berbual dengan Pak Sahak dan saya dapati bahawa sudah sampai waktu walhal keesokan harinya adalah waktu untuk dia melakukan *medical check-up* sebab kita tidak buat *medical check-up*. Wajib cuma dia kena isi borang deklarasi. Maknanya kita mengajar wira dan wirawati kita bercakap benar, memperakui apa yang patut ada dan selepas itu barulah kita buat saringan siapa yang perlu buat *medical check-up*. Sudah sampai umurlah.

Saya hendak tekankan di sini adalah *preventable death*. Itu yang kita hendak pastikan supaya apa juga penyakit-penyakit yang berlaku kita sekarang sudah tempatkan dua orang jururawat dan seorang pembantu perubatan dengan kerjasama daripada Kementerian Kesihatan ditempatkan di semua 80 kem dan jika ada demam atau apa juga perkara-perkara yang melibatkan keselamatan dan kesihatan wira dan wirawati, cepat-cepat beritahu kita untuk kita ambil tindakan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawawi: Saya mohon mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Menteri juga adalah seorang doktor, saya ingin bertanya daripada 17 orang yang mati itu, berapakah yang melibatkan *preventable death* yang dimaksudkan tadi. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Saya mohon notis Yang Berhormat. Saya juga tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat Senator Zamri mengatakan bahawa siri ketiga ini siri yang memang latar belakang mereka berbeza.

■1250

Akan tetapi, kami di PLKN menganggap bahawa tidak boleh mansuhkan pelatih-pelatih yang kita sudah pilih. Kita tidak boleh bezakan di antara pelatih 1 atau pelatih 2 kerana mereka bersekolah maka kita perlukan ada satu *syllabus* lain.

Kita hendak terapkan semua sekali *syllabus* yang sama, pembentukan dan cara yang sama. Pada kami memang betul apa yang Yang Berhormat katakan tadi, pelatih siri ketiga ini memang mencabar kami dan ia sebenarnya menguatkan kami lagi untuk memperkukuh apa juga jenis latihan serta modul bagi memastikan empat faktor yang kita nyatakan tadi dapat kita capai.

Jadi kita tidak akan mansuhkan atau buang siri ketiga ini kerana mereka terdiri daripada mereka yang tidak bersekolah dan data kita ini bukan daripada data sekolah, data kita adalah daripada JPN. Hanya selepas kita buat saringan, dan saringan kita pastikan 60% bumiputera dan Melayu, 28% etnik Cina, 10% etnik India, 2% lagi lain-lain bagi memenuhi semua sekali objektif *part* yang saya nyatakan tadi.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Mohon sedikit penjelasan. Okey, terima kasih kepada Timbalan Menteri. Yang saya maksudkan tadi ialah mungkin bukan kita, mana bukan kita merombak *syllabus* sehingga kita hilang *part* tujuan PLKN. Akan tetapi, bagi saya adalah satu pendekatan yang kita kena ada sedikit perbezaan kerana memang sebelum dia datang ke PLKN, memang perwatakan yang dibawa oleh sebahagian daripada yang kita pilih dalam siri ketiga memang berbeza.

Yang kita sayang adalah apabila dia bercampur dengan sebahagian daripada remaja-remaja yang memang *fresh* daripada sekolah dan masih sedang dalam sistem pendidikan yang masih berterusan berbanding dengan golongan yang telah tertinggal daripada sistem pendidikan untuk tempoh dua sehingga tiga tahun yang lepas ini. Pendekatannya saya rasa kita perlu semak serta sesuaikan dan juga pergantungan semata-mata kepada Jabatan Pendaftaran Negara itulah menyebabkan kita tidak dapat mengenal pasti bakal-bakal pelatih yang ada.

Saya syorkan yang kita juga semak senarai-senarai yang lain bukan sahaja dari Jabatan Pendaftaran Negara, mungkin juga kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang kita boleh kenal pasti remaja yang telah menjadi ketua keluarga, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan juga jabatan-jabatan lain yang juga ada data bank yang boleh kita semak untuk kita kenal pasti sebelum mereka datang kerana biarlah.

Akhirnya bilangan yang tidak hadir itu semakin rendah, sekarang ini berada pada tahap di antara 16% sehingga 23%, satu kadar ketidakhadiran yang tinggi, yang akhirnya kerajaan menanggung kos akibat ketidakhadiran mereka dan kita masih perlu bayar kos yang kita tempah daripada awal untuk pelatih-pelatih ini. Mohon penjelasan.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Boleh. Cadangan itu cadangan yang baik dan kita akan ambil maklum.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingin mengingatkan Yang Berhormat ada lagi 6 minit.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Saya hendak habiskan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Jadi...

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi kalau Yang Berhormat hendak sambung lagi tiga jam, saya tidak ada masalah. Boleh sambung pada petang hari.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana rang undang-undang ini ditonjolkan kerana kita berpendapat masa dan ketika telah sampai di mana apabila Akta Kanun Tatacara Jenayah sudah dipinda pada bulan..., ia pun telahpun dikuatkuasakan.

Maka jabatan yang mengurus setia segala bentuk hukuman yang dikenakan oleh mahkamah sudah ada, jabatan sudah tersusun, dan pesalah-pesalah sudah ada menjalankan bukan daripada PLKN, maksudnya daripada pesalah-pesalah lain. Maka kita kuat berpendapat bahawa wajar dan sudah tiba waktunya untuk kita bertukar agar hukuman denda dan penjara atau kedua-duanya sekali ditukar kepada khidmat masyarakat. Yang Berhormat tidak perlu takut kerana saya difahamkan oleh Yang Berhormat Menteri dan Jabatan Kebajikan Masyarakat memang mereka ada keupayaan dan bentuk khidmat masyarakat adalah seperti saya nyatakan tadi iaitu ia adalah *punitive* tetapi *educative*, maknanya ada elemen-elemen kerana ia adalah dasar, PLKN ini adalah wajib.

Kalau kita tidak mengadakan hukuman-hukuman tertentu maka orang akan senang lari. Akan tetapi pada waktu yang sama mereka yang sudah menjalani macam Yang Berhormat Pau kata tadi iaitu tiga orang yang dikenakan tindakan serta sudah pun menjalani Latihan Khidmat Negara dan juga sudah pun membayar denda. Jadi dia sudah membayar dan kemudian mengikuti Latihan Perkhidmatan Negara dan tiada masalah.

Yang Berhormat Pau menyatakan adakah wajib. Sebenarnya PLKN wajib dan kita pilih berdasarkan kepada satu sistem Monte Carlo dia panggil. Daripada situ 60% kita ambil daripada etnik Melayu, 28% daripada etnik Cina dan 10% daripada etnik India.

Penangguhan setakat ini memang ada kuasa Menteri di bawah seksyen 20 yang boleh menangguhkan. Setakat ini tiada masalah secara prosedurnya, mereka hanya... Contohnya apabila ada anak masuk universiti atau masih bersekolah termasuk dalam kriteria-kriteria yang membolehkan penangguhan dibuat, mereka perlu tulis surat dalam masa sepuluh hari. Kemudian, dalam masa 30 selepas tarikh patut dibuat boleh dihantar lagi rayuan, jadi tiada masalah Tuan Yang di-Pertua.

Jadi sekali lagi saya ucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam Rang Undang-undang Pindaan Akta Latihan Khidmat Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan dipersetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (PINDAAN) 2008

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua saya memohon untuk membentangkan Rang Undang-undang Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menjalankan peranan dan fungsinya, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia selepas ini dirujuk sebagai LHDNM berpandu kepada peruntukan prosiding lembaga seperti mana yang terkandung di dalam Jadual Pertama Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Akta 533). Sebagai langkah penambahbaikan dan juga bagi mempermudah lagi perjalanan prosiding LHDNM, beberapa pindaan adalah dicadangkan khususnya yang berkaitan dengan tatacara mesyuarat lembaga.

Peruntukan sekarang bagi subperenggan 1(1) Jadual Pertama Akta 533 menghendaki mesyuarat lembaga LHDNM diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan. Adalah dicadangkan bahawa mesyuarat lembaga LHDNM diadakan dalam tempoh sekali dalam tiap-tiap dua bulan. Ini adalah kerana ahli lembaga LHDNM seperti diperuntukkan dalam subseksyen 6(1) Akta 533 tersebut yang mewakili pelbagai sektor terikat dengan bertanggungjawab dan komitmen di jabatan atau pun organisasi masing-masing. Tuan Yang di-Pertua, mereka adalah terdiri daripada:

- (i) Ketua Setiausaha Perbendaharaan sebagai Pengerusi Lembaga;
- (ii) Peguam Negara atau wakilnya;
- (iii) Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam ataupun wakilnya;
- (iv) tidak lebih daripada dua orang lain selaku wakil kerajaan yang hendaklah dilantik oleh Menteri dan tidak lebih dua orang lain yang hendaklah dilantik oleh Menteri.

Adalah diharapkan dengan pindaan ini, ketidakhadiran mana-mana pihak ataupun ahli-ahli lembaga LHDNM dapat dielakkan dan mesyuarat lembaga LHDNM tidak tertangguh. Selain itu, suatu peruntukan baru iaitu perenggan 4A diperkenalkan dalam Jadual Pertama Akta 533 untuk membolehkan ahli lembaga LHDNM meluluskan sesuatu ketetapan tanpa bermesyuarat.

Seterusnya pindaan kepada perenggan lima Jadual Pertama Akta 533 dibuat mengenai kesahan prosiding lembaga yang mana adalah merupakan penambahbaikan kepada peruntukan yang sedia ada pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini mengandungi dua fasal sahaja secara terperinci. Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008 memperuntukkan seperti berikut:

- (i) fasal 1 memperuntukkan tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh kuat kuasa peruntukan dalam Rang Undang-undang melalui warta;

- (ii) fasal 2 mengandungi pindaan yang dicadangkan kepada Jadual Pertama, pindaan kepada subperenggan 1(1) bertujuan untuk membenarkan lembaga bermesyuarat sekali dalam tiap-tiap dua bulan berbanding dengan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan sebagaimana yang dikehendaki oleh peruntukan yang sedia ada. Perenggan baru 4A bertujuan untuk membolehkan lembaga meluluskan ketetapan tanpa bermesyuarat manakala pindaan kepada perenggan lima bertujuan untuk menambah baik peruntukan mengenai kesahan prosiding lembaga.

Saya dengan ini memohon supaya Rang Undang-undang Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008 seperti yang dijelaskan sebentar tadi diluluskan oleh Dewan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri 1995 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Ya, Datuk Akbar bin Ali.

2.37 ptg.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengucapkan terima kasih di atas penjelasan ringkas yang telah diberikan berkenaan pindaan akta ini.

Pertama sekali, saya memang mengharapkanlah dalam akta ini di belakang sekali berkenaan dengan huraian ringkas itu diberikan penjelasan terutama sekali justifikasi mengapa pindaan ini dibuat. Jadi, kalaulah justifikasi itu memang tidak diberikan, kita pula mengharapkan justifikasi diberikan, dibentangkan dalam Dewan ini supaya kita *fully understand* kenapa pindaan ini dibuat. Dengan itu lebih mudah kita nak menyokong sebarang pindaan. Saya lihat bukan sahaja yang ini Tuan Yang di-Pertua, akta-akta yang lain juga yang dipinda atau dibentangkan, rasionalnya, justifikasinya amat miskin sekali. Jadi kita harap lain kali kalau bolehlah pegawai yang berkenaan tolonglah bantu kita supaya kita lebih faham.

Sebelum saya pergi lebih jauh tentang akta ini, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri di atas prestasi yang baik yang telah ditunjukkan beberapa tahun kebelakangan ini. Kalau tidak dalam semua bidang, sekurang-kurangnya dalam beberapa ciri yang saya lihat penting dirakamkan penghargaan. Pertama sekali, kalau kita lihat *the longitudinal historical perspective* dengan izin, penyumbang pendapatan hasil Kerajaan Persekutuan dalam tahun 60-an ke 70-an ialah Jabatan Kastam Diraja. Selepas itu barulah diambil alih oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri dan sekarang Lembaga Hasil Dalam Negeri yang menjadi penyumbang utama kepada hasil Kerajaan Persekutuan.

Of course ini adalah disebabkan banyak faktor terutama sekali di atas kejayaan Kerajaan Barisan Nasional dalam merencanakan pertumbuhan ekonomi, pendapatan individu meningkat, pendapatan syarikat meningkat maka sumbangan cukai juga meningkat.

•1440

Di samping itu, kecekapan yang ditunjukkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dan kali terakhirnya termasuklah e-Filing. Dalam pada itu pula, kita tidak boleh terus menyalahkan apatah lagi kondem jabatan lain seperti Kastam kerana menurunnya ataupun tidak menunjukkan prestasi, mengekalkan prestasi sebagai nombor satu. Banyak faktor lain seperti penghapusan duti import, duti eksport dan sebagainya terutamanya dalam konteks AFTA. Sebagai contoh, pada tahun 2008 pendapatan cukai yang dikutip oleh LHDN adalah sekitar RM90 bilion. Tiga kali ganda berbanding dengan kutipan cukai yang dihasilkan oleh Jabatan Kastam seperti yang terdapat dalam laporan ekonomi yang dibentangkan pada bulan Disember lalu. Itu kalau kita bandingkan dengan Jabatan Kastam dari segi prestasinya.

Dalam konteks LHDN itu sendiri, pada tahun 2000 kalau saya ambil contoh kira-kira sembilan tahun, sepuluh tahun dahulu LHDN telah dapat mengutip hampir RM30 bilion, RM29 bilion *almost to be exact* dan pada tahun 2008 mengikut angka yang dipinda adalah sekitar saya katakan tadi RM90 bilion. Sekali lagi dia telah dapat menunjukkan prestasi tiga kali ganda dalam meningkatkan kutipan cukai dan seterusnya sumbangan kepada hasil Kerajaan Persekutuan. Dalam pada itu, dari segi prestasi memproses fail pengutip cukai juga saya lihat meningkat pada tahun 2001, dilaporkan ada RM4.2 juta fail yang telah diproses oleh LHDN manakala pada tahun 2008, RM7.1 juta fail pembayar cukai telah diproses termasuklah mereka yang tidak layak membayar cukai setelah diproses dan ditaksirkan dan ini menunjukkan peningkatan hampir 70% atau lebih tepat lagi sekitar 60%.

Dalam pada itu, untuk melihat produktiviti kerana kenaikan pertambahan fail yang diproses saya rasa tidak cukup, tidak melengkapkan kecemerlangan LHDN ini. Dan kalau kita lihat konteks staf yang ada pada tahun yang sama terdapat 6500 lebih staf pada tahun berkenaan dan pada tahun 2008 ada sekitar 9600. Ini menunjukkan peningkatan 46%, staf meningkat 46%, fail yang diproses meningkat 68%. Ini menunjukkan secara kasar produktiviti LHDN meningkat. Apa yang lebih cantik lagi ialah dengan izin, *this increased in marginal productivity* yang lebih *paramount*. Ini saya katakan awal tadi, saya ingin merakamkan penghargaan kepada LHDN. Dalam pada itu, dengan adanya e-Filing pemprosesan memfailkan itu cepat, membayar cukai juga diminta lebih cepat, tetapi Tuan Yang di-Pertua, bayaran balik belum begitu cepat. Kalau boleh tolonglah cepatkan juga bayaran balik kalau pada pembayaran cukai yang terlebih bayar termasuklah *onces upon a time* kepada saya.

Dalam saya memuji itu, saya juga tidak terlepas pandang bahawa ada juga yang perlu diperbaiki lagi. Sebagai contoh, dan yang ini agak membimbangkan dan di sinilah ada ruang-ruang untuk menambah baik. Kalau tadi kita lihat dari segi fail dari segi cukai yang dikutip, tetapi apa yang lebih penting juga kita kena lihat *efficiency* dari segi ringgit yang dibelanjakan. Kalau kita lihat perbelanjaan yang dibelanjakan oleh LHDN pada tahun 2000, ia sekitar RM328 juta manakala pada tahun 2008, ia meningkat lebih sedikit RM1 bilion.

Ini menunjukkan peningkatan, kalau kita lihat nisbahnya antara hasil yang dijana oleh perbelanjaan yang ditanggung ia sekitar RM89 hasil dapat dikutip berdasarkan setiap ringgit yang dibelanjakan. RM89, *1 is to 99*, manakala *revenue* pula hasil yang dikutip, pada tahun 2000 ialah sekitar RM29 bilion. Ini tahun 2000 ya, minta maaf. Saya pergi kepada 2008 pula, saya kena betulkan angka saya supaya *Hansard* betul ya. Pada tahun 2000, perbelanjaan adalah sekitar RM328 juta, manakala *revenue* adalah sekitar RM29.1 bilion pada tahun 2000. Pada tahun 2008, perbelanjaan adalah RM1.1 bilion. Manakala *revenue* adalah RM90.8 bilion.

Ini bermakna pada tahun 2000 setiap seringgit yang dibelanja macam yang saya katakan tadi, dia menjana RM88 ataupun RM89 dari segi hasil. Manakala pada tahun 2008, dia turun kepada nisbah RM1 *is to* RM733. Jadi daripada RM89 hasil yang dijana oleh RM1 perbelanjaan menurun kepada RM72 bagi setiap hasil yang dijana bagi setiap ringgit yang dibelanjakan pada tahun 2008.

So, dari segi *efficiency*, berhubung perbelanjaan yang *expended*, dengan izin, dan hasil yang dikutip menurun, *so*, *efficiency* inilah yang perlu ditingkatkan kalau boleh Tuan Yang di-Pertua supaya kita lebih seiring dengan tentang fail yang diproses dan juga bilangan staf yang dilantik. Seterusnya, saya ingin mengetengahkan juga bahawa kita lihat komposisi cukai yang dikutip oleh LHDN sumbangan yang terbesar datangnya daripada dua sumber, iaitu cukai korporat dan cukai petroleum.

Sekitar 35 bilion pada tahun lepas kalau berdasarkan buku laporan ekonomi ini. Dan bagi dua tahun berturut-turut, dia macam dah *plateau*, ya. Di sinilah kita harap LHDN dapat mencari ruang baru supaya cukai daripada kedua-dua sumber ini dapat ditingkatkan, kerana cukai dari sumber lain contohnya cukai individual *income tax* adalah lebih *stagnant* lagi atau *plateau* lagi.

Jadi sehubungan dengan cukai petroleum ini oleh sebab anggaran dibuat pada tahun lepas dan suasana ekonomi yang gawat, di mana *the first half* harga petroleum meningkat sampai RM147 setong dan selepas itu ia menurun sehinggalah kepada April tahun ini sekitar USD30 lebih se tong.

Jadi kemungkinan anggaran cukai ini berubah. Jadi di sini ruang yang ada pula ialah untuk pergi kepada *corporate tax*, tetapi syarikat-syarikat juga mengalami masalah ekoran daripada impak kemelesetan ekonomi dunia ini. Jadi di sinilah terletaknya kebijaksanaan dan *efficiency* LHDN dalam mengutip cukai supaya hasil ini masih lagi dapat dikekalkan terutama *against the background* dalam senario di mana defisit kerajaan meningkat kerana dua sebab.

Satu kerana perbelanjaan yang bertambah manakala hasil pula menurun. Jadi di sini saya ingin sarankan supaya kerajaan melalui LHDN lebih menumpukan kepada syarikat-syarikat besar yang kita difahamkan cuba mengelak, cuba *evade*, cuba lari daripada membayar cukai supaya ketirisan ini dapat diatasi. Dengan yang demikian kita akan dapat meningkatkan hasil kutipan cukai oleh LHDN. Dengan sekali gus, kita cuba memamatkan atau menafikan buruk sangka yang wujud di kalangan setengah-setengah pihak bahawa berlakunya *corruptions* di kalangan pegawai LHDN berhubung kutipan ini, kerana ada cara di mana *invention* boleh dibuat ada cara bagaimana bayaran cukai yang lebih rendah boleh dilakukan. Apa yang dikatakan dalam bahasa Inggeris dengan izin, "*hand in glove*". Jadi bagi mengelakkan prejudis seperti ini berterusan LHDN hendaklah menunjukkan kewibawaan integritinya terutama dalam memantau dan mengutip cukai daripada ikan-ikan yang besar ini.

■1450

Dalam pada itu untuk menambahkan cukai ini saya ingin menyarankan juga LHDN lebih memberikan perhatian kepada *informal sector*. Sebab di sini juga sumber baru yang belum begitu kita beri perhatian untuk mendapatkan bayaran cukai yang berpadanan daripada kumpulan ini kerana kita tahu mereka mungkin nampak sahaja peniaga kecil tetapi mempunyai banyak rumah sewa, banyak kedai dan banyak kereta tetapi belum tentu ramai isteri.

Sehubungan dengan ini saya ingin menarik perhatian dan merakamkan setinggi penghargaan kepada Allahyarham Dato' Hassan Ibrahim. Beliau pernah menjadi Ketua Pengarah LHDN dan pada masa beliaulah perubahan struktur dan perubahan memberi perhatian kepada kutipan cukai ini dibuat secara drastik. Saya memang faham bahawa masa itulah beliau mengubah *staffing* di mana lebih ramai staf ditumpukan kepada sektor swasta berbanding kepada tumpuan kepada sektor kerajaan yang mana satu sen pun duit gaji tidak boleh elak daripada kita membayar cukai dan kebijaksanaan beliau itu saya ingin merakamkan sekali lagi setinggi penghargaan.

Dalam pada saya mengatakan kita mesti menumpukan perhatian kepada kedua-dua pihak tadi iaitu sektor korporat dan *informal sector* saya ingin juga *caution* supaya dalam keadaan ekonomi yang gawat ini kita pula jangan dilihat terlalu ganas mengutip cukai. Dalam usaha itu mestilah banyak perikemanusiaan. Dalam keadaan yang gawat ini juga kalaulah kita boleh runding cukai yang belum dibayar, tertunggak kalau boleh dirunding supaya dalam keadaan yang senang hati mereka membayar balik cukai itu, itu adalah lebih baik dan sudah pasti mendatangkan *political dividend* kepada kerajaan.

Sekarang memang ada rungutan. Dalam keadaan seperti inilah pula ramai pegawai LHDN dikatakan kononnya *running after them*, mengejar mereka dan ini sudah tentu menimbulkan kemarahan termasuklah pihak-pihak PBT. Pada masa ini ramai di tepi jalan yang menjual nasi lemak, menjual buah-buahan dan sebagainya kerana mereka berhenti kerja. Pada masa itu jugalah mereka kejar supaya jangan menjual di tepi jalan sedangkan keadaan ekonomi mendesak mereka berbuat demikian. Jadi kita berharaplah sama ada LHDN atau pihak PBT tingkatkanlah lagi rasa perikemanusiaan itu kerana keadaan ekonomi sekarang begitu perit.

Pada masa yang sama walaupun saya mengatakan kita mesti beri perhatian kepada sektor korporat tadi dalam mengutip hasil saya mencadangkan kepada LHDN dan juga bahagian cukai *Treasury* supaya kita memastikan kadar cukai *corporate tax* ini agar kompetitif dalam jajaran yang hampir sama dengan jiran-jiran kita supaya kita dapat menarik syarikat-syarikat asing datang melabur di sini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada pindaan ini Sabah dan Sarawak sendiri kurang jelas. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan saya rasional mengapa perkara 5 yang tidak begitu saya faham dan begitu juga mengapa mesyuarat yang dikatakan dibuat dua kali sebulan sekarang hanya sekurang-kurangnya sekali dalam masa dua bulan. Adakah ahli lembaga itu terlalu sibuk? Kalau dia sibuk ramai Senator dalam ini termasuk saya yang tidak ada kerja lain hanya jadi Senator menawarkan diri untuk jadi ahli lembaga pengarah LHDN ini... [Tepuk]

Kalau dahulu sekurang-kurangnya dua kali sebulan dan sekarang sekali dua bulan adakah gaji mereka dikurangkan 50% kerana produktiviti menurun, produktiviti dari segi mesyuarat supaya kita faham. Ini semua saya timbulkan kerana saya kurang faham justifikasi kenapa pindaan ini dibuat.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Minta laluan Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Ya, terima kasih.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali. Saya pun dalam keadaan yang sama keliru di mana Dewan yang mulia hari ini dibentangkan dengan satu bil yang memerlukan kelulusan untuk kita meminda yang pertama sekali daripada dok mesyuarat sebulan sekali hendak bagi jadi dua bulan sekali. Yang kedua, dengan perkara 5 yang ditambah iaitu peruntukan-peruntukan yang tidak boleh dipertikaikan apabila diputuskan sesuatu tanpa perlu mesyuarat lembaga.

Saya mengajak sahabat-sahabat dalam Dewan negara kalaulah begini caranya bil dibentangkan kepada kita supaya mari sekali kita mengatakan tidak apabila kita dipertanyakan bersetuju atau tidak. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat. Sebab soalan itu Yang Berhormat tanya kepada saya. Saya sendiri pun bertanya soalan yang sama. Saya fikir Yang Berhormat Timbalan Menteri sedang menyediakan jawapannya dan saya yakin beliau memang tahu inilah antara *bullet* yang akan dilepaskan dan itu sebab saya rasa dia simpan jawapan itu.

Tentang perenggan lima itu saya memang bukan kata tidak senang tapi saya kata secara lembut memang tidak faham rasionalnya. Saya boleh faham rasional 4(A) sebab syarikat memang boleh meluluskan keputusan melalui resolusi selain daripada lembaga bermesyuarat tetapi rasional para lima ini saya memang tidak faham dan saya setuju dengan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof walaupun kita berlainan ideologi tetapi pada isu yang sama kita bersetuju.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Setuju untuk katakan tidak?

Datuk Akbar bin Ali: Bukan... [Ketawa] Saya bersetuju supaya justifikasi diberikan. Seterusnya saya ingin menarik kepada perkara *efficiency productivity* yang saya sebut awal tadi tetapi sebelum itu saya rasa saya sudah tersilap saya kata dua kali sebulan. Sebenarnya sekurang-kurangnya sekali sebulan. *I stand to be corrected.*

Now, saya sudah tunjukkan di mana telah berlaku *efficiency* peningkatan aktiviti Tuan Yang di-Pertua dan saya juga telah tunjukkan di mana adanya penurunan *productivity efficiency*. Sehubungan dengan perkara ini saya ingin mencadangkan antara perkara yang paling berkesan sekali dalam jentera kerajaan untuk meningkatkan produktiviti dan *efficiency* kita kena berbalik kepada teras lima misi nasional iaitu meningkatkan sistem penyampaian.

Untuk meningkatkan sistem penyampaian ini dan untuk melaksanakan teras lima ini ada satu perkara yang saya fikir patut kita laksanakan sungguh-sungguh terutama oleh *central agency*, agensi pusat iaitu *empowerment* dan dalam konteks *empowerment* dengan izin, ia mesti selari dengan proses *decentralization*, dengan izin. Jadi salah satu usaha meningkatkan daya upaya tadi *empowerment* melalui proses *decentralization* pihak-pihak yang mempunyai kuasa di pusat seperti JPA, seperti Kementerian Kewangan hendaklah menurunkan kuasanya kepada LHDN.

Ini supaya LHDN ini benar-benar menjadi badan korporat yang boleh membuat keputusan, merancang dan melaksanakan dengan izin, seperti *stand alone* kerana pada masa ini LHDN banyak bergantung kepada kedua-dua agensi pusat tadi. Kalau hendak menambah staf, hendak mengubah struktur organisasi, hendak mendapatkan peruntukan semuanya kena pergi ke pusat dan ada masa tidak diluluskan.

▪ 1500

Ini pernah berlaku juga kalau saya ambil contoh yang lain yang baru berlaku dan hangat diperkatakan dan menjadi sungutan rakyat ialah apa yang berlaku pada sistem komputer JPJ. Ini kerana *treasurer* mengambil masa yang cukup lama untuk meluluskan *upgrading* sistem komputer kerana baru sudah terhantuk baru hendak tengadah nasi hampir menjadi bubur. Supaya ini tidak berulang kepada LHDN dan supaya LHDN dapat meningkatkan lagi prestasi dalam urusan mengutip cukai itu, saya mencadangkan supaya proses *decentralization* dilakukan dengan *empower* dengan izin, LHDN dari segi merancang, mengubah strukturnya, memperbaiki strukturnya, pengambilan staf dan menentukan juga bajetnya. Dengan ini saya rasa LHDN akan menjadi lebih cekap dan lebih efisien dari segi fungsinya selaras dengan tuntutan dan kehendak teras lima misi nasional.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh tentang perubahan peneraju LHDN yang mungkin berlaku dalam masa setahun, dua tahun kerana nombor satu sekarang adalah *on contract*. Saya tidak kata beliau tidak cekap dan selagi beliau diperlukan kita sokong usaha Kementerian Kewangan mengekalkan beliau. Cuma saya ingin memperkatakan apabila mencari pengganti dan ini selalu berlaku dalam *close department* atau *close agency* yang mana saya pernah mengalaminya. Budaya *close agency* selalunya ada berlaku ketidakadilan. Berlaku kroni, berlaku *blue eyed boy*, *green eyed boy*, dan sebagainya. Jadi saya harap apabila pengganti beliau nanti dicari, carilah sesungguhnya berdasarkan kecekapan, integriti, dan juga keberkesanan dalam menjalankan tugas berdasarkan rekod beliau di masa yang lepas. Saya haraplah tidak timbul nanti bahawa ada andaian ada prasangka apabila subseksyen nya nanti diambil dipilih timbul kononnya ada pilih kasih, kroni dan sebagainya.

Saya haraplah kalau lah ketua pengarah yang ada sekarang ini memainkan peranan dalam membuat syor dan sudah pasti biasanya ini dibuat, saya mengharapkan integriti beliau yang seratus peratus supaya nama beliau tidak tercemar malah terus harum apabila beliau meninggalkan perkhidmatannya. Jadi saya haraplah apa yang saya sarankan ini dapat ditimbang oleh kerajaan dan saya menyokong usul ini dengan harapan mendapat justifikasi yang dapat memuaskan hati saya dan juga hati Ahli Dewan yang lain. Sekian Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ir. Wong Foon Meng]: Terima kasih Yang Berhormat. Ya Tuan Ahmad Husin.

3.04 ptg.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan satu rang undang-undang-undang suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia tahun 1995. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat perkara 2 dan juga 2A dan 2B.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak sentuh di sini ialah tentang anggota lembaga. Kita sedia maklum bahawa anggota lembaga ialah manusia biasa. Mempunyai ciri-ciri kekuatan dan kelemahan. Saya berharap mereka yang menjadi anggota lembaga, harus terdiri daripada mereka yang benar-benar bersih. Maksud saya bukan sahaja bersih bukan sahaja dia bersih tetapi dilihat bersih. Dengan izin, *clean and seen to be clean*. Kalau *clean* sahaja tidak cukup. Kalau bersih sahaja tidak cukup. Kita lihat dia benar-benar bersih. Ini hujah yang besar sebab kita membicarakan soal manusia. Sama juga dengan parti. Mana ada parti malaikat? Tidak ada. Ia benda hidup. Sama dengan manusia tadi. Saya harap pihak berwajib melihat semua sekali ahli lembaga menjunjung integriti pertanggungjawaban yang tinggi supaya *tax payer*, dengan izin pembayar cukai merasa mereka terpelihara daripada unsur-unsur yang tidak baik. Sebagaimana yang disebut oleh sahabat saya.

Kedua, walaupun kita lihat ada pindaan sekurang-kurangnya sekali sebulan diganti dengan sekali dalam tiap-tiap dua bulan, faktor ini bukan menjadi faktor utama bukan *major* tetapi manusia tadi. Manusia tadi kalau mesyuarat tiap-tiap hari kalau buruk perangnya, jiwanya, moral dia *corrupt* dengan izin. Mesyuarat macam mana sekali pun bagaimana sekalipun Tuan Yang di-Pertua, dia tetap rosak musnah harapan rakyat termasuk lah kita di sini yang membahas sampai tidak sanggup ini. Bertegang leher ini. Hendak lulus. Bukan tidak mahu tidak lulus. Itu saya sentuh dari segi lembaga itu sendiri. Saya memang memberi perhatian serius. Oleh sebab itu dalam bahas soal-soal rasuah ini penting sebab manusia ini dia *temptation* dengan izin, dia kuat, dia bukan boleh nampak *tangible goods* dia hendak ambil.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya harap ini betul-betul bagi perhatian serius. Ini Timbalan Perdana Menteri ada di sini ini, tolong sampaikan hajat Ahli Dewan ini. Kita tidak main-main lagi sudah. Supaya kita mempunyai kerajaan yang betul-betul ada integriti, bertanggungjawab, disenangi oleh seluruh rakyat. Dalam kota sampai ke desa-desa. Daripada penjual di kaki lima sampai penjual-penjual nasi lemak di dalam kampung. Baru rasa hendak bayar. Kalau sudah tengok lembaga pun teruk, kita pun tidak mahu bayar. Saya sendiri tidak mahu bayar. Ini makan tengah jalan. Ini orang utara kata. Tidak sempat sampai rumah makan tengah jalan Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, ini kes kompeni yang disebutkan oleh saudara saya tadi. *Super rich, super* ini kira kaya raya lah *super rich* ini. Jadi saya pun dengar lah kita hendak cerita pun yang *super rich* ini *rich* dalam pemikiran sekali. Pandai, segala-galanya pandai. Dia cukup macam-macam globalisasinya. Ini pandai ini.

Ini saya minta betul-betul kita macam mana kita hendak betul-betul pegawai penyiasat tadi hendak dapat satu siasatan yang boleh betul-betul memberi keyakinan pada seluruh rakyat kata memang syarikat ini membayar ikut sepatut yang patut dibayar bukan patut bayar sekian tetapi 50% *sharing* dengan izin, seperti mana yang dikatakan oleh sahabat saya. Cukai tadi 26-27% kita nampak kita dapat kutipan yang banyak. Akan tetapi kalau kita hendak rujuk, bukan peratus besar itu untuk nampak banyak. Kadang kalau sudah banyak dia tidak mahu bayar.

Macam di Hong Kong kita tengok 16%. Kalau boleh cari kaedah-kaedah negara serantau supaya kita jangan nampak sangat jelas. Kalau tidak jelas tidak apa. Kalau jelas perbezaan yang ketara kita minta kerajaan timbang semula supaya ramai lagi pelabur-pelabur di luar negara sudah 1Malaysia ini. Konsep 1Malaysia telah dilancarkan, supaya ramai lagi yang dapat, mahu dan sanggup dengan sendirinya hendak melabur dalam negara. Dapat lagi ramai orang datang, walaupun rendah dia punya *rate*, tetapi ramai orang hendak bayar, ini pun lebih menguntungkan. Yang banyak tetapi sedikit yang bayar.

■1510

Puan Hajah Mumtaz bin Haji Md. Naw: Saya mohon mencelah.

Tuan Ahmad bin Hussin: Sila.

Puan Hajah Mumtaz bin Haji Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya begitu bersemangat mendengar perbahasan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator. Jadi saya ingin tanya kalau di Lembaga Hasil Dalam Negeri mereka mempunyai satu pegawai yang dikatakan sebagai pegawai undang-undang, yang akan mencari dan mengejar semua pembayar cukai yang enggan membayar cukai dengan baik.

Jadi berdasarkan kepada apa yang telah Yang Berhormat hujahkan, adakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya Lembaga Hasil Dalam Negeri juga dalam usaha untuk menggalakkan pembayar cukai yang baik ini, mewujudkan satu lagi jawatan iaitu pegawai yang akan menghargai pembayar-pembayar cukai yang baik, yang mana mungkin perlu diwujudkan satu lagi jawatan supaya perkara ini kita lihat dari segi kalau tidak bayar, ada pegawai yang kejar, kalau bayar baik, ada pegawai yang berterima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih kepada sahabat saya juga, yang memberi pandangan yang cukup baik. "*Buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali*".

Tuan Yang di-Pertua, bermakna yang rajin bayar dan tidak liat kata orang Utara, kita bagi sedikit imbuhan. Bagi dia rasa sedikit *proud* dengan izin bahawa yang baik itu tetap baik, sentiasa menjunjung kebaikan. Satu lagi yang lewat bayar dan terpaksa dikejar ini bukanlah penalti tetapi untuk *overall*, keseluruhan dengan izin. Mengutip cukai ini macam zakat juga Tuan Yang di-Pertua.

Seperti kita menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus, tepung tidak berselerak. Saya minta Yang Berhormat Menteri nanti tolong jawab sama ada boleh atau tidak ada justifikasi atau tidak wujudkan yang rajin. Tadi yang tidak rajin. Yang ini yang rajin. Boleh ya, Yang Berhormat?... [Ketawa]

Daripada langsung kita tidak dapat apa-apa. Masalah sekarang ini, kita langsung apa pun kita tidak dapat, lebih baik kita dapat sedikit, "*tidak dapat rotan, akar pun jadilah*". Bermakna ini untuk kekuatan kerajaan supaya dapat pendapatan dan untuk pembangunan. Kita *save* kan benda ini, dengan izin, untuk menolong membangunkan masyarakat luar bandar. Inilah Kerajaan Barisan Nasional.

Satu lagi, yang ketiganya, ada kejadian yang berlaku. Orang kaya tiba-tiba jadi miskin. Tengah kaya-raya, pangkat besar, darjat kedudukan dia JUSA 'C', JUSA 'A' dan sebagainya, tiba-tiba *on the spot* jadi miskin. Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ialah kejadian yang berlaku di Bukit Antarabangsa. Saya kena sentuh sedikit sebab mereka ini kaya. Rumah dia berjuta-juta tetapi bila runtuh sahaja, *on the spot* jadi miskin. Satu, pendapatan daripada rumah dia sudah habis. Rumah hendak beli pula pun bukan senang. Sudahlah ada bayar ansuran dan sebagainya.

Saya hendak tanya kerajaan, dia orang tidak dapat apa-apakah? Pampasan atau insurans dan sebagainya. Kita hendak *highlight* supaya ianya menjadi satu benda yang rakyat hendak tahulah juga. Dalam surat khabar saya tengok, sunyi sahaja, dengan izin. Sunyi ini orang Perlis yang cakap, dengan izin. Kalau boleh kita *highlight* kan, orang kaya jatuh miskin dan rumah sudah ranap. Segala alatan dalam rumah sudah habis, tinggal sehelai sepinggang, kalau ada duit dalam bank, cerita lainlah.

Akan tetapi tidak bolehkah kita menjadualkan untuk dia bayar cukai ataupun kita tahan dahulu, hingga selesai dahulu apa yang berlaku atas diri dia. Dia pun sesak, tidak sempat hendak bernyawa. Dia pun sudah nyawa-nyawa ikan, walaupun JUSA-JUSA ini tidak bayar. Dengan kena ini... tidak boleh apa sudah, takdir Allah SWT, dengan izin.

Jadi tidak bolehkah lembutkan hati fikiran serta kemanusiaan. Kita bagilah kepada dia masa untuk buat *adjustment*, dengan izin, supaya dia pun rasa kerajaan ini prihatin. Dia sudah tidak undi orang lain. *Last* sekali kita asyik fikir yang itu, yang *last* sekali *but not least*, dengan izin, dia hendak sayangkan kerajaan. Macam mana kita hendak timbulkan perasaan sayang kepada kerajaan. Ini adalah satu cara yang terbaik.

Jangan kita ingat, "Oh, dia *bracket* tinggi, gaji *bracket* tinggi." lalah, pada masa itu. Timbalan itu, timbalan ini dan ketua pengarah tetapi pada masa itu, dia pun sudah pening. Dia sudah tidak boleh fikir. Fikiran dia sendiri sudah jadi lumpuh. Jadi kita berilah keselesaan kepada mereka yang terlibat ini supaya mereka dapat atau kita bagi rebat dan sebagainya atas kerugian yang berlaku. Apa salahnya? Ini yang kata mengambil hati nurani perasaan mereka yang dalam kesusahan. Inilah kerajaan dan ini maknanya kerajaan. *This is what we mean by government*, dengan izin. Ha, kertas pun sudah jatuh... [Ketawa] Okey, sudah hendak habis ini.

Jadi satu lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya dapati bahawa ada ramai juga manusia di Malaysia ini yang hidup mewah. Kalau tidak silap saya ada 1500 individu mewah dan yang saya dapat tahu fail telah dibuka. Ayat dia bunyi macam ini, Tuan Yang di-Pertua, "BPR, masa itu masih BPR lagi. Memantau 1,500 individu, agensi buka fail 116 langgar undang-undang rasuah." Dia orang ini kerja apa? Saya hendak tanya Kementerian Dalam Negeri, dia tahu tidak, puak-puak ini dia kerja apa? Jika seseorang pegawai kerajaan berpendapatan RM2000 sebulan tetapi mempunyai tiga kereta dan dua rumah, tentunya mereka akan disiasat. Sudah siasat kah, apa sudah jadi ini? Harta-harta dia yang banyak ini, cara betul atau tidak? Ini kerja hasil dalam negeri sebab kita tidak mahulah dia mati pun dengan keadaan yang..., susah hendak sebutlah.

Saya pun masih dalam kurungan juga. Kalau puak-puak ini, mereka ini mati, apa hendak jadi ini? Gaji RM2000, kereta tiga biji dan banglo tiga, apa cerita? Saya harap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Jabatan Hasil Dalam Negeri bersama-sama *joint force* tolong cari, tengok dan angkat, barulah rakyat rasa *confident*, yakin bahawa kerajaan ini betul-betul bertanggungjawab. Yang baik, balas baik, yang jahat kita ambil tindakan. Dengan ini saya menyokong.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Mohon sedikit penjelasan, boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon sedikit penjelasan sebab tadi, disebut tentang dua aspek tadi. Satu, ada 150 individu yang *super rich* yang perlu dicari dalam tempoh ini. Khususnya ketika kerajaan sedang mencari-cari pendapatan untuk negara. Kemudian disebut juga tentang supaya disiasat habis-habisan pegawai-pegawai yang kelihatan hidup lebih mewah daripada taraf kehidupan yang ini. Jadi kita hendak tanya sedikit *priority*. Kalau Yang Berhormat bagi prioriti, yang mana kita hendak tekankan dahulu?

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat, sahabat saya juga. Tuan Yang di-Pertua, kalau hutang ini dalam Islam, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mati, hutang tidak dan dibayar, bermakna anak cucu-cicit kita kena bayar. Kalau tidak, kita fahamlah, roh itu tidak sampai ke mana, tergantung-gantung. Tidak kacau kah? Bukan boleh beli. Jadi ini kita kena fikir. Ini hutang. Saya kena sentuh benda ini sebab ini Dewan Negara, Dewan yang besar sekali. Besar dari Dewan Rakyat lagi. Setuju tidak?...

Beberapa Ahli: Setuju!

Tuan Ahmad bin Hussin: Setuju Dewan Negara lebih besar daripada Dewan Rakyat. Sebab itu kita cakap perlu ada *point* dan kita memang tidak ada beza. PKR tanya saya, PAS tanya saya, saya relaks sahaja. Itu di sana, habis meja diangkat, komputer pun dibaling tetapi di sini tidak Tuan Yang di-Pertua. Tengok Datuk ini sebab itu naik pangkat... [Ketawa] Dua-dua itu sama. Ini saya hendak perbetulkan perkataan ini *number*, bukan 150 tetapi 1,500. 1,500 ini bukan 150. Siapa naik lagi? Jadi dua-dua itu sama saja. Dua-dua kita mesti cari jalan, kaedah yang terbaik untuk meletak *justice* di tempat yang sewajarnya. Dengan itu saya menyokong Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

■ 1540

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-ahli yang Berhormat? Ya Yang Berhormat Tuan Haji Zamri.

3.41 ptg.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dengan peluang untuk saya berkongsi sedikit sahaja maklumat beberapa perkara yang kita ingin bangkitkan khusus berkenaan rang undang-undang tentang Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri mengikut Pindaan tadi. Jadi Tuan Yang di-Pertua dan seluruh Ahli Dewan, kita melihat dan kita dengar wakil-wakil kita tadi, ya itu adalah wakil-wakil kita, walaupun hanya cuma dua tiga orang bercakap tadi yang mewakili Dewan Negara yang cuba bangkitkan tentang rasional. Mungkin seperti yang disebut Yang Berhormat Datuk Akbar Ali tadi. Mungkin belum dijelaskan. Kalau boleh dijelaskan biarlah ia dijelaskan dengan sejas-jelasnya. Ini disebabkan oleh kepada kelulusan untuk kita berikan kepada rang undang-undang ini nampak sangat tidak rasional, melainkan memang adalah penjelasan yang cukup jelas tentang kenapa kita perlu pinda Perlembagaan yang terlibat ini. Ini kerana apa saya sebut ini disebabkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah merupakan satu agensi yang cukup penting.

Fakta yang dibentangkan oleh rakan-rakan kita tadi, tentang bagaimana hasil kutipan ini merupakan hasil kutipan yang telah menjadi hasil kutipan yang cukup utama dalam perbelanjaan negara. Jadi mengikut undang-undang yang telah ada sebelum ini dan bagaimana perjalanan yang sedang dilakukan di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri ini, kita ingin peringatkan. Kita ingin mengingatkan kementerian dan juga Kerajaan Malaysia supaya lebih berhati-hati kerana kita hendak ingatkan beberapa perkara yang berlaku juga dalam keadaan kita yang semakin canggih ini. Lembaga Hasil Dalam Negeri sudah mula buat *e-Filing* dan sebagainya.

Kita pun daripada rumah sudah boleh isi borang dan kita mengaku sendiri berapa banyak nak bayar. Akhirnya kita perlukan satu keikhlasan yang cukup tinggi di kalangan rakyat Malaysia untuk melihat kutipan yang cukup baik. Akan tetapi kita perlu sebutkan jugalah, sebagai peringatan kepada yang terlibat, walaupun di bawah jabatan yang mana sekali yang ada di bawah Lembaga Hasil dalam Negeri.

Berlaku juga pada tahun ini kisah bagaimana Lembaga Hasil Dalam Negeri, minta kita pulangkan balik cek yang sudah dikeluarkan. Pada 5 Jun 2009, Lembaga Hasil minta penerima-penerima cek bayaran balik. Sebentar tadi ada kawan kita sebut cek dia tidak sampai lagi pulangannya tetapi yang sudah sampai itu diminta untuk dikembalikan balik apa yang dikeluarkan pada 27, 28 dan 29 Mei 2009.

Pada 1 hari bulan dan 2 Jun 2009 dikembalikan semula kepada LHDN berikutan masalah teknikal. Ini masalah teknikal yang kita nak sebut berlaku di bawahnya. Kita juga hendak sebut juga perkara ini telah pun dibangkitkan dan telah diberitahu kepada bank dan dibatalkan. Ini yang kita nak tanya, kita perlukan penjelasan ialah bagaimana sistem yang ada ini? Kenapa LHDN yang begitu penting boleh melakukan kesilapan yang sebegitu besar pada saat ini ketika kita dah semakin maju mengikut *e-Filing* dan begitu juga kita nak tahu berapakah perbelanjaan tambahan yang diperlukan bagi kita menangani balik kesilapan yang besar ini?

Yang keduanya saya ingin menyentuh juga tentang bagaimana besar, saya hendak sebut bagaimana pentingnya LHDN ini ialah bagaimana kita telah memungut cukai sektor petroleum 37% ataupun 36 *point* berapa bila kita *round-up* menjadi 37%. seperti yang disebut tadi dalam 2008 dan dijangka akan meningkat sehingga 46% pada tahun 2009. Inilah yang kita nak beritahu bahawa LHDN dengan satu agensi yang besar ini. Pindaan yang dicadangkan pada hari ini ialah satu pindaan yang kita rasa ia terbalik daripada sistem ketelusan yang kita hendak tengok dalam sistem pentadbiran negara.

Kalau kita tengok balik pindaan yang diminta tentang subseksyen 1(1) iaitu bertujuan untuk membenarkan Lembaga bermesyuarat sekali dalam tiap-tiap dua bulan berbanding dengan sekurang-kurangnya sekali sebulan sebagaimana yang dikehendaki peruntukan yang sedia ada. Maka kita rasa hairanlah, kita rasa hairan kerana masih berlaku perkara-perkara yang sebegini. Masih berlaku kesilapan-kesilapan begini tetapi mesyuarat hendak dikurangkan. Walaupun disebut tadi kualiti, produktiviti mungkin tidak perlu banyak mesyuarat kalau orang tu semua bagus tetapi dalam sistem yang kita ada perlu ada *check and balance*. Sebenarnya perlu ada dan perlu dipantau barulah boleh kita perjelaskan iaitu di mana betul dan dilihat betul, benar dan dilihat benar seperti yang disebut oleh rakan wakil kita tadi.

Sebab itu kita minta dan malah kita rasalah mungkin pindaan ini satu justifikasi untuk hendak *cover* balik dan hendak tutup balik kehadiran yang sangat lemah di kalangan Lembaga yang telah dilantik ini. Jadi mengikut rekod kita yang kita semak mungkin Menteri boleh perbetulkan jika ada data yang terbaru yang kita dapat adalah Laporan Kehadiran Mesyuarat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi tahun 2006 ada yang hadir hanya lima kali. Mesyuaratnya pun hanya lima kali hadirnya 5/5. Ini bagus. Akan tetapi lima kalilah walaupun dalam undang-undang yang lama, ada yang empat kali dan ada yang dua kali sahaja. Ada juga yang cuma tiga kali, ada dua kali, empat kali. Empat kali pada tahun 2006.

Pada tahun 2007 Laporan Kehadiran Mesyuarat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi tahun 2007. Tujuh kali diadakan mesyuarat dan ada juga yang hadir cuma empat kali, ada yang hadir tiga kali. Sebab itu saya rasakan saranan Datuk Akhbar Ali tadi di sini pun lebih ramai pakar-pakar yang boleh bantu ekonomi Malaysia. Mereka boleh berbincang dan boleh melantik Ahli Dewan Negara yang senior, tidak payah lantik saya sebagai orang junior. Hanya lantik yang senior ini untuk duduk dan mereka boleh hadir saya ingat lebih daripada 12 kali setahun.

Jadi dengan kehadiran ini memang sebab kita takut justifikasi kepada pindaan yang dibuat ini hanyalah semata-mata untuk *cover* balik kehadiran yang sangat rendah ini. Sedangkan sebagai satu Lembaga yang agennya cukup penting, kenapa mesyuarat tidak boleh diadakan sekurang-kurangnya sebulan sekali? Malah kita ada beberapa perkara untuk diperbetulkan dalam kesilapan yang berlaku dan lagi mengejutkan kita kuorum pertemuan ini hanyalah empat orang anggota sahaja.

Jadi kalau kuorum empat orang hendak hadir sebulan sekali pun tidak mampu, memanglah saya rasa perlu difikirkan serius saranan Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali tadi. Jadi yang keduanya saya ingin merujuk juga tentang perenggan yang dibuat pindaan kali ini, iaitu melibatkan perenggan 4A bertujuan untuk membolehkan lembaga meluluskan ketetapan tanpa mesyuarat. Jadi sekali lagi rasional kita perlukan segera kerana kita hendak tahu apakah tujuan menentukan mesyuarat serta tempoh mesyuarat jika keputusan boleh dibuat tanpa mesyuarat. Pindaan ini membolehkan kelulusan dibuat tanpa mesyuarat. Memandangkan ahli-ahli boleh terdiri daripada wakil ataupun orang yang dilantik oleh Menteri jadi siapakah yang berkuasa menandatangani persetujuan jika mesyuarat tidak perlu diadakan dalam mendapatkan kelulusan?

Ketiga saya ingin menyentuh juga pindaan yang terlibat dalam rang undang-undang ini berkenaan dengan perenggan 5, yang bertujuan untuk menambah baik. Ayat ini bagus bertujuan untuk menambah baik peruntukkan mengenai kesahan prosiding lembaga itu. Ayat yang awal itu, tetapi bila kita baca yang ke seterusnya tiada perbuatan yang dilakukan ataupun prosiding yang diambil di bawah akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa ada kekosongan dan sebagainya, maka tidak boleh dipersoalkan lagi. Jadi kita hendak tahulah apakah akan berlaku jika ada kekosongan yang menyebabkan perkara ini boleh dilakukan lebih awal keputusan dibuat di luar dan sebagainya?

Jadi sebab itu lah kita ingin merujuk dan kita hendak ingatkanlah kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri, kepada kementerian dan sebagainya dalam memastikan kita betul-betul perkemaskan lembaga kita sebagai lembaga yang utama memberikan pendapatan negara. Ini juga perlu kita ambillah iktibar daripada kegawatan ekonomi yang ada sekarang ini untuk kita pertingkatkan ketelusan, tingkatkan kutipan hasil dan sebagainya. Ini bukanlah semata-mata dengan kita mencari jalan yang lebih mudah untuk membuat kelulusan dibuat di luar mesyuarat, dikurangkan mesyuarat dan sebagainya kerana saya hendak bandingkan apa yang selalu kita hendak minta dengan rakyat.

Inilah kerajaan rakyat, kawan kita sebut tadi, kerajaan rakyat. Nasib baik tidak silap sebut Kerajaan Pakatan Rakyat. Tidak dia balik kena marah nanti... [*Ketawa*] Kita sebut kerajaan daripada rakyat, kita selalu minta supaya rakyat tingkatkan produktiviti, kita minta rakyat perbaguskan *efficiency*, kita minta rakyat kuat bekerja untuk negara. Itu yang paling kita minta.

■1530

Namun pindaan yang berlaku hari ini yang kita akan buat dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri ini, kita akan kurangkan pertemuan, kurangkan mesyuarat dan kurangkan perbincangan. Kemudian, dalam pada kurang pertemuan ini kita akan tingkatkan kelulusan melalui kaedah yang meluluskan ketetapan tanpa mesyuarat. Kemudian dalam pindaan ini juga akan melibatkan belanja yang semakin besar dengan wujudnya klausa yang menyebut, "tiada perbuatan yang diambil boleh dipersoalkan".

Jadi dengan beberapa perkara ini saya ingat rasionalnya sangat perlu diperjelaskan dan perlu diyakinkan kepada seluruh Ahli Dewan hari ini, Dewan yang selalu disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua kita *Upper House but a smaller House, smaller House but a Upper House* di sini iaitu kita sebagai Ahli Dewan Negara kita perlu mendapatkan penjelasan yang seadil-adilnya sebelum kita membuat keputusan. Sama ada kita menyokong atau pun tidak pindaan yang akan dibuat ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut sama dalam perbahasan mengenai pindaan ke atas Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008. Saya pun seperti Ahli-ahli yang telah bercakap tadi Tuan Yang di-Pertua memandang Lembaga Hasil Dalam Negeri ini satu agensi kerajaan yang sangat penting. Kita menghargai sebenarnya apa yang telah dilakukan oleh lembaga ini selama ini. Melihat kepada hasil negara kita bertambah, kutipan Lembaga Hasil Dalam Negeri ini bertambah menunjukkan bahawa sistem, cara bekerja dan pegawai-pegawai di dalam lembaga ini cukup berkualiti, sistemnya cukup bagus termasuklah mengadakan mesyuarat lembaga.

Saya seperti juga sahabat-sahabat yang bercakap dahulu tadi merasakan bahawa apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa mengemukakan pindaan ini tidak cukup jelas yang menyebabkan timbul keraguan. Bukan kerana kita tidak bersetuju untuk menyokong, semangat kita, kita bersetuju untuk menyokong tetapi birlah diberikan keterangan yang lebih mengenai keperluan pindaan ini.

Jadi yang pertama saya minta Yang Berhormat menjelaskan apakah perkara-perkara penting yang biasanya mesti memerlukan ketetapan dan persetujuan lembaga untuk perjalanan hari-hari pentadbiran. Ertinya kalau tidak mendapat ketetapan atau persetujuan pada lembaga itu maka perkara itu tidak dapat dilaksanakan. Kalau saya tidak salah dengar tadi Tuan Yang di-Pertua, Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada Peguam Negara dibolehkan untuk menghantar wakil. Namun saya nampak Ketua Setiausaha, Ketua Perbendaharaan tidak disebut sama ada boleh dihantar wakil atau pun tidak.

Jikalau keadaan ini boleh diperbaiki, ertinya pegawai-pegawai yang penting, ahli-ahli Lembaga Pengarah yang penting ini boleh dibenarkan diwakili oleh pegawai-pegawai yang memang penting dan kanan di jabatan yang berkenaan. Maka saya rasa tidak timbul tekanan yang begitu berat ke atas ahli-ahli Lembaga yang perlu menghadiri mesyuarat yang seumpama ini.

3.34 ptg.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita mengakui seperti yang saya katakan tadi bahawa ahli-ahli Lembaga Pengarah ini walaupun bilangannya tidak ramai tetapi kehadirannya penting. Jadi oleh sebab kehadirannya penting, maka kemungkinan besar mesyuarat-mesyuarat yang telah ditentukan tidak kurang daripada sebulan sekali akan gagal kalau orang yang berkenaan tidak dapat menghadirinya. Memang kita perhatikan bahawa pegawai-pegawai atau ahli Lembaga yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi memang terdiri daripada orang-orang yang cukup sibuk, penuh dengan tanggungjawab yang mustahak, perhatian mereka perlu untuk pelbagai mesyuarat untuk membuat sebarang keputusan.

Namun kita jangan lupa mesyuarat lembaga dikehendaki dalam akta dahulu, sebulan sekali. Menteri-menteri pun sibuk tetapi mesyuarat Kabinet seminggu sekali. Itu satu perkara. Perkara yang kedua, kalau mesyuarat secara biasa, secara bersemuka kita kata tidak dapat diadakan, boleh atau tidak digantikan dengan kemudahan dan teknologi yang ada sekarang iaitu dengan mengadakan apa yang disebutkan tadi *teleconferencing*...

Seorang Ahli: *Video conferencing*.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Adakah tidak boleh bahawa mereka duduk di pejabat mereka tetapi mesyuarat masih boleh diadakan. Keputusan-keputusan, ketetapan-ketetapan yang hendak dicapai dalam mesyuarat itu tidak boleh dipertikaikan. Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi sebagai *check and balance*, kita juga perlukan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri perkara-perkara seperti mana yang boleh diputuskan oleh Lembaga semasa di luar mesyuarat dan sejauh manakah keputusan-keputusan yang diambil atau yang dibuat dengan tidak bermesyuarat ini boleh diterima atau boleh dikira sah walaupun tidak dipersetujui oleh sebahagian daripada Ahli Lembaga Pengarah.

Adakah keputusan-keputusan yang biasa dibuat oleh Ahli Lembaga Pengarah ini mesti dipersetujui oleh 100% ahli? Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dengan perkara-perkara yang seumpama ini bukanlah satu perkara yang aneh atau satu perkara yang berat bagi sebahagian daripada Ahli Dewan Negara ini untuk menyetujui dengan pindaan ini. Asalkan jelas alasan-alasan untuk meyakinkan kita bahawa perkara ini perlu dibuat. Saya rasa mesyuarat sebulan sekali ini cukup munasabah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ini sentiasa menjadi penawar.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ini sentiasa jadi penawar.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Lega hati kerajaan mendengarnya. Tidaklah keberatan bagi kita meluluskan rang undang-undang ini jika sekiranya babak-babak...

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itulah tujuan saya menerangkan bahawa kalau kita diberikan penjelasan yang cukup jelas maka saya rasa kita tidak keberatan. Sebab kita percaya apa yang dicadangkan ini, apa yang hendak dipinda ini sebenarnya...

Tuan Yang di-Pertua: Teringat saya kepada... Silakan Yang Berhormat. Apabila saya bercakap, sila duduk.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Teringat saya kepada apa yang diceritakan bibit-bibit permulaan Demokrasi Berparlimen. Rupa-rupanya rakyat ini mempunyai sensitiviti mengenai perkara-perkara tertentu. Bibit-bibit permulaan Demokrasi Berparlimen hampir 1000 tahun dahulu ialah kerana protes yang digerakkan dengan slogan, "*No taxation without representation.*" Jadi mungkin perlu sensitiviti itu perlu dipelihara sedikit. Sensitiviti sahaja bukan rasionalnya. Terima kasih. Silakan.

■1540

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa dalam keadaan yang tertentu rasional itu lebih penting daripada sensitiviti. Akan tetapi mengenai orang ramai kadang-kadang sensitiviti itu merupakan perkara yang boleh menjadi satu perkara yang boleh diterima. Jadi sebab itulah kadang-kadang persepsi orang ramai walaupun tidak rasional lagi berdasarkan kepada sensitiviti, tetapi ditimbulkan begitu rupa dengan harapan berilah perhatian kepada yang ditimbulkan itu. Jadi atas semangat itu jugalah Tuan Yang di-Pertua maka saya timbulkan. Mudah-mudahan dengan keadaan yang jelas, rasionalnya cukup kuat seperti saya kata sekali lagi tadi kita tidak keberatan untuk menyokong pindaan ini. Saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: [*Bangun*]

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chor Chee Heung]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab dan gulung.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak bercakap ya? Bolehkah Yang Berhormat...

Dato' Chor Chee Heung: Boleh, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

3.42 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga turut membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri (Pindaan) 2008. Saya ingin dapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan dari segi apabila kita membincangkan soal Lembaga Hasil Dalam Negeri, kita membincangkan penerimaan duit cukai daripada rakyat kepada kerajaan. Dalam era kita mengamalkan sistem kewangan Islam dan banyak persoalan yang telah saya kemukakan kepada pihak kerajaan khususnya berhubung dengan GLC-GLC lain.

Jawapan yang saya terima adalah kesemua jabatan termasuk KWSP mempunyai akaun yang berasingan dan memastikan kesemuanya adalah syaria *compliance* dalam penerimaan wang.

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan khususnya untuk Lembaga Hasil Dalam Negeri yang menerima cukai korporat daripada syarikat-syarikat yang jelas bagi orang Islam haram dari segi pendapatannya, adakah kerajaan bersedia untuk membuat pengasingan penerimaan duit-duit yang dikira haram dari segi Islam untuk dimasukkan ke dalam akaun yang berasingan iaitu akaun wang halal dan akaun wang haram walau apa namanya pun yang akan ditetapkan oleh kerajaan. Ini bagi memberikan keselesaan kepada orang Islam yang membayar cukai, sebagai contohnya bila pegawai kerajaan menerima wang gaji. Mereka hendaklah yakin bahawa wang yang diterima adalah daripada sumber-sumber yang halal. Jadi sekiranya bercampur wang ini kita akan rasa ragu dengan duit yang kita terima dan ini akan menyebabkan kadang-kadang dari segi pendidikan anak-anak pun mungkin ada masalah. Itu yang pertama.

Kedua, apabila kita membicarakan soal Lembaga Hasil Dalam Negeri juga kita teringat perkara yang berlaku dalam negara kita, yang merupakan isu utama sekarang iaitu berkaitan dengan ah long. Bagaimana isu ah long ini menjadi begitu popular bila mana rakyat yang kesempitan wang yang terdesak, yang hanya nampak kalau tidak mendapat wang daripada ah long, mereka mungkin perlu merompak untuk hidup. Dalam keadaan ini apakah yang berlaku dalam negara yang telah menyebabkan situasi seperti ini muncul kerana sifat membantu terutama oleh pihak kerajaan mungkin tidak nampak dengan jelas oleh masyarakat, jadi mereka nampak sekiranya ingin dapatkan daripada kerajaan agak susah, tetapi pihak kerajaan akan mencari jalan yang begitu banyak untuk memastikan cukai kepada kerajaan dibayar, tetapi bila mana warga seperti ini mendapat kesusahan terutamanya di saat-saat ekonomi seperti ini mereka tidak punya banyak cara sehingga mereka sanggup untuk mendapatkan pinjaman daripada ah long.

Jadi saya hendak tahu apakah langkah-langkah proaktif yang dibuat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri demi memastikan menangani masalah ah long ini bukan hanya diletakkan kepada Kementerian Dalam Negeri, tetapi dari sudut praktikalnya bagaimana cukai-cukai yang dibayar oleh rakyat ini mampu kita salurkan kepada rakyat melalui agensi-agensinya berkaitan, kerana kita melihat banyak dalam akhbar-akhbar yang melaporkan bahawa walaupun banyak kerajaan menawarkan pinjaman-pinjaman tetapi dari segi *red tape* ataupun kualiti ataupun pinjaman yang mereka terima sebenarnya tidak banyak membantu sebab itu rakyat akan pilih untuk mendapatkan khidmat daripada ah long walaupun mungkin nyawa mereka sendiri terancam.

Jadi kita ingin mengetahui apakah langkah-langkah yang dibuat dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri? Begitu juga apakah program-program atau aktiviti yang dilaksanakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk *corporate social responsibility*? Sebab perkara ini kita tidak mendengar secara meluas tentang biasiswa atau apa sahaja yang ditawarkan Lembaga Hasil Dalam Negeri kepada anak-anak pembayar cukai. Saya juga ingin mendapatkan respons daripada pihak kerajaan berkenaan dengan *taxes bonus*. Adakah Kerajaan Malaysia membayar *taxes bonus* kepada pembayar-pembayar cukai sebagaimana yang dibuat oleh negara-negara lain. Apabila setiap tahun kita mendapat bajet, melihat bajet kita akan dapat tengok bagaimana kita akan diberikan beberapa pengecualian untuk kita bayar cukai contohnya kalau dahulu untuk buku kita boleh dapat pengecualian apabila kita *spend* RM300 kemudian tahun seterusnya dapat RM500.

Saya ingin tahu apakah rasional yang diguna pakai oleh pihak kerajaan setiap kali menukar daripada RM500 kepada RM300, daripada RM300 kepada RM800. Sebagai contohnya untuk *medical* untuk bantuan perubatan untuk ibu bapa jumlah yang dibenarkan setahun ialah RM5000. Hari ini saya difahamkan oleh pegawai yang menjaga urusan hal ehwal ubat-ubatan di USM, untuk seorang pesakit kanser, untuk mereka mendapatkan satu rawatan untuk kemoterapi, bayaran yang mereka mesti habiskan untuk satu *patient* untuk satu *treatment* adalah RM13000. Apakah nasib anak-anak yang terpaksa, yang tidak sampai hati melihat ibu bapanya menderita kesakitan kanser yang merupakan satu perkara yang meluas di negara kita. Bagaimana perkara ini boleh kita pertimbangkan sebab kalau mereka ini pegawai kerajaan ataupun pesara kerajaan, kerajaan akan bayar tetapi bagaimana mereka ini jika berkhidmat dengan sektor swasta.

Kalau kita hanya membenarkan untuk RM5000, saya ingin tahu apakah rasional dan bagaimanakah cara kita boleh meningkatkan supaya kerajaan ini akan dilihat sebagai kerajaan yang prihatin kepada rakyat, kerana masalah kanser ini bukan masalah yang baru.

Ini masalah yang lama dan sekarang perkara ini semakin meluas dan dari segi perubatan kadang-kadang ubat untuk kanser ini satu ubat sudah berharga RM300. Jadi bagaimana perkara ini boleh diperbaiki dan saya mengharapkan agar tahun ini Lembaga Hasil Dalam Negeri dari segi borang untuk dapat pengecualian cukai bukan hanya memperuntukkan pengecualian untuk perbelanjaan yang kita *spend* untuk bahan-bahan artifak, kerana saya rasa rakyat Malaysia ini walaupun dalam Dewan Negara yang ramai jarang yang menyumbang dan membeli alat-alat khususnya yang berkaitan dengan seni lukis, tetapi berkaitan dengan kesihatan ini saya rasa banyak sekali akan diperlukan oleh semua rakyat kita di semua tempat dan yang terakhir berkaitan dengan cukai petroleum.

Apabila sebut cukai petroleum, saya berasa hangat di Dewan Rakyat dibincangkan tuntutan Kerajaan Negeri Kelantan khususnya yang berkaitan dengan hasil cukai yang didapati daripada cukai petroleum. Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan sebenarnya apakah jawapan yang paling benar di antara dua Menteri. Seorang Menteri yang menyatakan Kelantan tidak berhak mendapat royalti minyak dan seorang lagi Menteri mengatakan boleh dapat, jadi saya hendak tahu yang mana benar di antara dua Menteri ini, siapakah yang benar kerana kita difahamkan Menteri Besar yang dahulu Datuk Mohd Nasir ada menandatangani satu *agreement* dengan Petronas untuk Kerajaan Negeri Kelantan berhak untuk mendapat royalti minyak dan kami memahami sekiranya terdapat kawasan pertindihan. Apa yang kami tuntutan adalah kawasan yang dimiliki atau hak yang dimiliki oleh Kerajaan Malaysia bukan hak oleh Kerajaan Thailand. Jadi saya pohon jawapan yang diberikan janganlah bertentangan antara Menteri dengan Menteri dan mohon jawapan yang rasmi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh jawab sekarang dan gulung sekarang.

3.49 ptg.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab kepada soalan-soalan yang telah pun dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sebab saya difahamkan esok adalah hari terakhir...

Tuan Yang di-Pertua: Hari ini hari terakhir.

Dato' Chor Chee Heung: Hari ini terakhir...

Tuan Yang di-Pertua: Esok jawatan kosong Yang Berhormat boleh minta.

Dato' Chor Chee Heung: Bolehkah?... [*Ketawa*] Sepanjang saya ada di Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua begitu mahir mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Dewan Senat. Saya mengucapkan selamat maju jaya lagilah dan selamat bersara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada lima orang Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai rang undang-undang berkaitan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Mereka ini terdiri daripada Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali, Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin, Yang Berhormat Tuan Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf, Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah dan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

■1550

Saya akan jawab dari segi justifikasi pindaan-pindaan yang dikemukakan, dibentangkan oleh saya. Pada *last* sekali, izinkan saya beralih kepada perkara-perkara lain dulu sebab kebanyakan yang mengambil bahagian dalam perbahasan juga sentuh tentang justifikasi pindaan yang akan diadakan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini saya percaya hampir semua rakyat termasuk juga pemimpin-pemimpin negara ini boleh mengesahkan bahawa prestasi yang ditunjukkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri selama ini adalah cukup baik sekali. Oleh sebab prestasi yang begitu baik sekali hingga rakyat pun marah, termasuk saya pun sendiri. Bila tiba masa untuk bayar cukai, saya juga seorang rakyat juga walaupun seorang Timbalan Menteri. Bila kena bayar cukai, kita pun marahlah sebab tiba-tiba kita kena cari duit untuk bayar cukai.

Ini adalah satu keadaan yang biasa, bukan sahaja di Malaysia, di mana-mana pun. Bila terdapat Lembaga Hasil Dalam Negeri begitu baik dengan prestasinya menjalankan kerja dan tanggungjawab. Dari segi pengutipan cukai memang ramai yang kena bayar itu mesti marah. Akan tetapi kita selalu lupa bahawa ini adalah satu kewajipan kita semua sebab kalau semua ini dapat untung, dapat gaji, untung dari perniagaan. Tidak bayar cukai, susahlah kerajaan hendak membangunkan negara ini kan? Ini adalah satu perkara yang saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini memang kita mengaku bahawa LHDN selama ini cukup cepat dari segi pengutipan cukai.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebentar tadi Datuk Akbar Ali pun telah memberitahu dengan betulnya pada tahun lepas, pengutipan cukai dari perseorangan mahupun syarikat-syarikat, mahupun dari sumber-sumber yang tercatat dalam senarai adalah melebihi RM90 bilion. Kita kutip jumlah ini dari 5,202,206 pembayar cukai iaitu termasuk individu, syarikat-syarikat dan badan-badan di mana LHDN patut mengutip cukai.

Dari segi *efficiency*, memang saya dah menjelaskan bahawa saya menganggap bahawa fungsi, tanggungjawab dan peranan yang dimainkan oleh LHDN adalah cukup efisien sekali.

Walaupun tadi Datuk Akbar Ali tidak sebut kata kalau kita nak banding dengan tahun 2008 berbanding tahun 2000, nampaknya *efficiency* dari segi kutipan itu adalah turun sedikit. Maksudnya kita keluarkan RM1, kita dapat pulangan RM89 pada tahun 2000. Pada tahun 2008, kita keluarkan RM1, kita hanya dapat pulangan RM73, hampir itulah. Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa kutipan kita sentiasa bertambah tetapi jangan lupa juga oleh kerana kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, yang sentiasa bertimbang rasa kepada rakyat. Kesusahan-kesusahan rakyat juga dapat dipikul oleh kerajaan.

Oleh yang demikian, kerajaan melalui LHDN sentiasa memberi pengecualian. Tadi Yang Berhormat Mumtaz telah memberitahu dah, dulu pada tahun 2000 mana ada begitu banyak kita mendapat pengecualian. Sekarang ini kita ada nak beli buku pun dapat, ubat-ubatan pun dapat, kalau ibu bapa kita bergantung pada kita, kita pun dapat pengecualian. Oleh sebab itulah, apa yang kita kutip, kita bagi balik kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi bayaran balik. Jangan kata LHDN kutip cepat, bayar balik pun cepat. Saya ingin nak memberitahu, saya petik sedikit dari Piagam Pelanggan LHDN. Bagi kes-kes *e-Filing*, bayaran balik diselesaikan dalam tempoh 30 hari dari tarikh borang yang dilengkapi dan diterima. Bagi cukai pendapatan melalui secara manual, maksudnya pembayar cukai isi borang sendiri, dia tak nak pergi ke *e-Filing*. Bila dia hantar ke LHDN, bayaran balik diselesaikan dalam tempoh 90 hari dari tarikh borang dilengkapi dan betul diterima.

Dasar bayaran balik LHDN, membayar balik lebih kredit tanpa permohonan daripada pembayar cukai. Dulu kalau ada akses, ada lebih maksudnya LHDN akan mengkreditkan akses itu kepada tahun depan tetapi tahun ini tak ada, tahun lepas pun dah tak ada dah. Kalau ada lebih, kita bayar secara terus, tak payah minta pun. Akan tetapi kalau jumlah itu kurang daripada RM25, tidak adalah, kita tak bayar, kita cuma kreditkan tahun depan tetapi kalau pembayar cukai minta juga, kita buat juga.

Kadang-kadang memang ada lewat sedikit tetapi faktor yang boleh menyebabkan kelewatan adalah kes-kes dipilih untuk audit berdasarkan kriteria tertentu ataupun borang diterima selepas tarikh ditetapkan dan taksiran formal perlu dibangkitkan oleh cawangan. Kedua-dua jenis kes di atas perlu disemak oleh pegawai audit dan kes-kes kemungkinan ada yang hutang lagi, kes-kes bagi tahun kebelakangan ini tak bayar, maka ianya tidak akan mendapat pulangan lebih yang dibayar.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, kalau pelari cukai, tadi Yang Berhormat Akbar Ali kata dan juga termasuk dengan Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin baru sebut, yang *super rich*, yang tak pernah bayar cukai. Memang LHDN mempunyai jawatankuasa, mempunyai petugas-petugas khas termasuk juga agen-agen yang tidak formal. Kalau agen-agen tidak formal dapat memberikan maklumat yang terperinci mengenai sesiapa yang tidak bayar cukai sedangkan dia mempunyai empat, lima buah kereta mewah, empat, lima orang isteri, petugas akan bertindak.

LHDN akan, orang Kedah kata, orang utaralah, "*ligan habis-habisan*" orang seumpama ini supaya mereka ini dapat bayar, bukan sahaja bayar, bila mereka bayar mereka akan dikenakan penalti-penalti lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kena terjemah tu, "*ligan*" itu apa?

Dato' Chor Chee Heung: "*Ligan*" tu kita kejar mereka sampai habis-habisanlah. Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua juga...

Dato' Yip Kum Fook: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat minta celah sedikit. Baru-baru ini saya bersama beberapa orang kenamaan pergi ke luar negeri. Salah seorang rakan saya ditahan di imigresen sebelum boleh naik kapal terbang. Kononnya beliau hutang cukai dan hari itu adalah hari minggu. Setelah beliau cuba mendapatkan salinan resit yang telah beliau bayar tiga bulan dahulu, barulah lepas tetapi gangguan itu kepada penerbangan telah terjadi. Apakah pendapat Yang Berhormat yang kita selalu sentiasa membanggakan kegiatan Lembaga Hasil Dalam Negeri yang begitu cekap tetapi lambat dalam *upgrade* situasi. Sekian, terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Ini kadang kala berlaku bukan atas masalah LHDN. Bila seseorang hutang cukai, selagi tak bayar, memang LHDN mempunyai hak untuk mengehadakan perjalanan pembayar cukai yang tidak membayar cukai. Khususnya kita juga khuatir sesetengah pembayar cukai yang hutang berjuta-juta, nanti kalau kita tak mengehadakan perjalanan dia, nanti dia melalui *airport*, dia cabut ke negara lain. Kita berhak melakukan ini dengan kita masukkan nama senarai dalam komputer.

■1600

Akan tetapi saya juga faham masalah-masalah seperti mana yang dikenakan kepada kawan Yang Berhormat itu memang benar ada sekali sekala bila nama itu tidak dimasukkan di komputer imigresen itu, akan berlaku seumpama ini. *So*, saya ingin menasihati sesiapa yang telah pun membayar walaupun nama telah pun kononnya ditaip keluar dari senarai komputer itu, bawalah juga resit untuk menunjukkan mereka ini sudah bayar. Akan tetapi ini bukan selalu berlaku dan ia jika berlaku pun bukan kerana LHDN.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini juga, pada tahun lepas 676 orang pelari cukai yang disiasat dan ditahan. Pada tahun 2005...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ini dia baik hati. Dia tak mahu sebut komputer LHDN dengan komputer imigresen tak *synchronies*... [*Dewan riuh*] [*Ketawa*]

Dato' Chor Chee Heung: Mungkin lah Tuan Yang di-Pertua. Saya sendiri tak dapat pasti di sini. Pada tahun ini 409 orang setakat bulan Mei, pembayar cukai yang dikenakan siasatan oleh sebab tidak membayar cukai ataupun membayar cukai tidak mencukupi. Dari segi kes korupsi mengenai pegawai-pegawai LHDN setakat ini tidak ada kes-kes di mana pegawai-pegawai yang terlibat di dalam kes rasuah sebab bukan senang bagi pegawai LHDN melibatkan diri dalam kes rasuah. Ini disebabkan di dalam LHDN, struktur dia bukan seorang yang dapat menetapkan berapa seorang pembayar cukai kena bayar. Dia kena pergi berlapis-lapis.

Bila maklumat diterima akan dimasukkan ke LHDN, kita ada juga pegawai-pegawai yang akan mengira sama ada tafsiran yang dikemukakan itu betul atau tidak dan akan juga dirujuk kepada berbagai-bagai lapis. Bukan senang untuk seseorang terlibat di dalam kes rasuah. Apabila siasatan dibuat, katakanlah contohnya pada suatu hari seorang pembayar cukai tiba-tiba dilawati oleh beberapa orang penyiasat dari LHDN dan mereka ini datang sekumpulan, bukan berseorangan. Memang saya bersetuju LHDN ini harus lebih rajin, harus lebih bertungkus-lumus supaya mencari lebih ramai lagi pembayar-pembayar cukai yang tidak membayar cukai.

Ini memang satu fakta yang kita harus terima, satu hakikat dan jangan bimbang Yang Berhormat LHDN setakat ini kalau mereka ini mempunyai rekod-rekod maklumat yang mencukupi, mereka ini akan mencari pembayar cukai yang berkenaan. Memang sekarang ini kita menghadapi kelembapan ekonomi dan seluruh dunia ini pun menjadi gawat oleh sebab ekonomi yang tidak kukuh dari Amerika Syarikat pun merebak ke rantau ini.

LHDN juga di bawah sebuah kerajaan yang bertanggungjawab sentiasa memberi kelonggaran dan juga sentiasa bertimbang rasa jika didapati rakyat mana ataupun pembayar cukai mana yang menghadapi masalah untuk membayar cukai, maka mereka bolehlah berhubung dengan LHDN atau cawangan di peringkat negeri dengan sepucuk surat memberitahu bahawa mempunyai masalah hendak bayar. Bolehkah ansuran dijadualkan semula? Ini sentiasa dibuat tetapi saya ingin menasihati supaya pembayar cukai haruslah mengambil inisiatif sendiri untuk berhubung dengan LHDN sama ada di pusat ataupun di peringkat negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan tidak akan mengenakan cukai jika seseorang yang mempunyai pendapatan tidak melebihi RM2,410 sebulan. Ini pun telah diambil kira dari segi pengecualian-pengecualian jikalau sesiapa yang mendapat gaji bulanan yang tidak melebihi amaun ini memang tidak dikenakan cukai langsung. Cadangan supaya korporat *tax* lebih kompetitif. Setakat ini walaupun 25% sama ada ia boleh dikurangkan ataupun tidak. Kerajaan pada setiap tahun sebelum membuat persiapan sebelum menghalusi bajet yang akan datang akan mengambil kira sama ada kadar ini masih munasabah atau tidak.

Memang kerajaan sentiasa membuat perbandingan dengan negara-negara yang lain. Akan tetapi kita harus mengambil kira semua faktor dari segi pembangunan negara, dari segi kebajikan rakyat dan lain-lain, barulah kita dapat membuat satu keputusan sama ada kadar itu munasabah atau tinggi atau terlalu rendah. Kita tidak boleh semata-mata membandingkannya dengan negara-negara lain di rantau ini. Hong Kong misalnya memang saya bersetuju 16% *personal income tax*. Akan tetapi memang Hong Kong mempunyai kelebihan yang lain yang kita masih tidak mempunyai lagi. Maka Hong Kong selepas membuat keputusan juga telah menetapkan kadar itu sebagai lingkungan 16%.

Selain daripada itu juga saya percaya Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin telah sebut mengenai perubahan peneraju LHDN. Memang kerajaan akan mencari pengganti Ketua Pengarah bila Dato' Hasmah, Ketua Pengarah sekarang ini bila dia bersara kelak dan memang kita semua ingin melihat seorang Ketua Pengarah sebagai pengganti itu adalah seorang yang mempunyai pengalaman dan juga berwibawa. Saya terima baiklah teguran yang diberikan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin juga, dia membangkitkan mengenai dua perkara iaitu Ahli Lembaga dalam LHDN ini harus merupakan orang yang *clean* dan *honest*, dengan izin.

Setakat ini saya ingin memberitahu bahawa anggota lembaga terdiri daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Peguam Negara atau wakilnya dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan empat orang lagi yang akan dilantik oleh Yang Berhormat Menteri. Setakat ini pada keseluruhannya, semua ahli lembaga telah memainkan peranan yang diharapkan kepada mereka dan setakat ini prestasi mereka agak baik. Selepas ini sebelum saya habis, saya akan beralih kepada justifikasi dari segi pelantikannya.

Memang *super rich* di negara ini harus membayar cukai seperti mana semua rakyat yang biasa. Jika mereka ini mendapat keuntungan, haruslah mereka membayar cukai sebagai seorang rakyat yang baik dan setakat ini pembayar cukai hampir semua yang baik-baik belaka termasuk semua Yang Berhormat itu. Susah untuk kita asingkan, siapakah yang baik, siapakah yang tidak baik, siapa yang baik sekali, siapa yang sederhana baik. Maka kerajaan sentiasa memuji, memberi kepujian kepada semua pembayar cukai yang membayar cukai yang diwajibkan kepada seorang rakyat.

■1610

Mengenai isu kejadian di Bukit Antarabangsa saya tidak tahu sama ada mangsa-mangsa keruntuhan rumah-rumah akibat *landslide* di Bukit Antarabangsa ini mempunyai insurans atau tidak. Ini adalah hak peribadi tetapi seperti yang saya katakan tadi LHDN sentiasa bersedia untuk bertimbang rasa jika terdapat permohonan untuk menjadualkan semula bayaran ansuran *income tax* mereka, ianya akan dilayan dengan penuh simpati.

Fail 1500 yang hidup mewah ini adalah kes siasatan oleh BPR tetapi saya ingin memberitahu iaitu petugas khas ataupun petugas yang bertanggungjawab dari segi siasatan orang yang tidak membayar cukai ini kemungkinan termasuk orang-orang ini semua. Dalam Dewan ini saya tidak berhajat untuk memberitahu sama ada 1500 orang ini adalah termasuk dalam kes siasatan LHDN. Akan tetapi jangan bimbang, LHDN seperti saya katakan tadi cukup cepat dan prestasi mereka baik hingga orang marah pada LHDN sebab prestasi terlalu baik.

Mengenai cek rosak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Zamri bin Haji Yusuf, saya hendak jawab iaitu cek itu rosak ataupun tidak lengkap yang berlaku baru-baru ini adalah disebabkan oleh masalah mekanikal dan mesin pencetak telah pun mencetak cek yang tidak ada atau jika ada pun cetakan tidak lengkap bagi maklumat seperti nama dan nombor kad pengenalan pembayar cukai. Terdapat juga cek yang tiada dinyatakan amaun dengan sempurna, amaun yang dibayar balik. Masalah cetakan dikesan sebagai masalah *ribbon* pencetak yang rosak. Bagaimana pun sistem kawalan cek berjaya mengesan dan menghentikan bayaran 17,361 cek dicetak dalam tempoh 27 Mei hingga 2 Jun 2009.

Setelah LHDN mengesan masalah itu, LHDN dengan serta-merta memberitahu kepada bank-bank ataupun institusi kewangan yang di mana ceknya di masukkan dalam akaun pembayar cukai supaya bank-bank ini dapat mengambil tindakan sewajarnya. LHDN telah pun meminta Persatuan Bank-bank Malaysia supaya meminta semua bank yang menerima cek rosak itu tidak mengenakan penalti ke atas pembayar cukai yang terlibat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga setakat ini kita dapat menangani masalah ini dengan baik. Dari segi kerugian oleh kerajaan tidak banyak, sedikit wang *overtime*, lebih masa diberikan kepada staf-staf LHDN untuk membuat kerja.

Itu sahajalah tetapi saya ingin memberi jaminan bahawa masalah seumpama ini tidak berlaku dengan begitu kerap sekali. Saya tidak pernah dengar kata ada kes seumpama ini telah pun berlaku. Ini cuma kadang-kadang bila kita terlalu canggih bergantung banyak sangat kepada *machine* ataupun komputer, ia akan menjadi satu masalah.

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid pun bertanya, apakah semasa Lembaga mengadakan mesyuarat apakah yang dibincangkan?...

Datuk Akbar bin Ali: Yang Berhormat, mohon mencelah. Terima kasih. Saya ucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat telah menjawab hampir semua persoalan yang saya timbulkan kecuali satu. Jadi saya mohon izin diberikan sedikit penjelasan berkenaan dengan syor saya supaya dilakukan *empowerment* ataupun *jurisdiction* penurunan kuasa. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kerajaan sekarang ini mempunyai sikap dan dasar yang lebih terbuka. Jika boleh kita akan mendelegasikan banyak kerja ataupun dari segi *empowerment* pun kita hendak buat. Akan tetapi kita kena tengok bukan kita semua dapat turunkan kuasa pada semua. Apa yang diturunkan kita akan turunkan, yang tidak boleh masih juga balik kepada sistem di mana ianya harus dikaji dan diputuskan oleh *central agency*, ibu pejabat.

Akan tetapi yang mana kita dapat turunkan kuasa, kita akan turunkan untuk menyenangkan rakyat dari segi urusan dengan LHDN. Ini satu perkara yang memanglah akan dibuat sedemikian. Dato Haji Abdul Rashid juga bertanya, ada apa ini. Dalam lembaga selalu bincang. Adakah mesyuarat itu penting? Untuk makluman Dewan yang mulia ini secara tidak langsung juga saya kira menjawab masalah-masalah yang dibangkit seperti justifikasi.

Dalam mesyuarat bulanan yang dahulu kertas-kertas yang dibincangkan atau dibentangkan di lembaga ini termasuk dengan cadangan guna pakai pekeliling perkhidmatan, guna pakai pekeliling perbendaharaan Laporan pungutan cukai di antara Januari hingga Februari. Perbelanjaan kedudukan kewangan LHDN hingga Februari. Dengan secara tidak langsung kita dapat meneliti bahawa bukan setiap kali Lembaga bersidang akan membincangkan mengenai masalah yang dihadapi oleh pembayar cukai. Kebanyakan kertas-kertas adalah mengenai kebajikan staf-staf LHDN.

Setakat ini kita mempunyai lebih 10,000 staf LHDN. Mengenai hal-hal pejabat, cawangan di seluruh negara. Ini membuktikan bahawa bukan setiap kali kita harus mempunyai mesyuarat lembaga sepenuhnya.

Sekarang saya masuk kepada justifikasi sebab kita hendak pinda. Kalau kita meneliti atau menghalusi rang undang-undang pindaan ini, yang pertama sekali walaupun disebut dari sebulan sekali kepada dua bulan sekali, ini tidak bermaksud bahawa mesti dua bulan sekali. Sekurang-kurangnya dua bulan sekali. Maksudnya jika mempunyai justifikasi untuk mengadakan mesyuarat lembaga maka ianya akan diadakan. Apakah sebab kita hendak pinda sebulan sekali? Kita hendak pinda sebulan sekali oleh kerana terdapat begitu ramai pegawai-pegawai ataupun ahli pengarah yang duduk dalam jawatankuasa ini adalah juga Ketua Pengarah ataupun pegawai-pegawai yang berpangkat tinggi yang mempunyai fungsi dan peranan serta tanggungjawab masing-masing di jawatan dalam kementerian kerajaan atau badan-badan berkanun.

Walaupun Yang Berhormat Menteri berhak untuk melantik orang luar untuk membantu tetapi ingin saya memberitahu bahawa Pengerusinya ialah Ketua Pengarah Perbendaharaan dan tidak kita dapat menggantinya dengan orang lain. Oleh yang demikian kita tidak hendak supaya mesyuarat sentiasa di tangguh. Jika terdapat juga perkara remeh temeh contohnya cuma hendak menerima pakai surat pekeliling perbendaharaan ataupun surat pekeliling kerajaan, ini tidak semestinya hendak panggil semua untuk bermesyuarat.

■1620

Ini boleh diadakan melalui sekular resolusi tetapi 4 dan 4A ini juga mempunyai hak-hak semua Ahli Lembaga Pengarah walaupun dalam peruntukan baru ini ianya boleh dijalankan melalui resolusi sekular di antara semua Ahli Lembaga. Katakanlah kita ada dua kertas di mana kita harus mengguna pakai surat pekeliling daripada kerajaan ataupun dari Perbendaharaan maka oleh kerana dua kertas sahaja. Ianya boleh diadakan melalui resolusi sekular tetapi jika mana-mana Ahli Lembaga yang tidak bersetuju dengan cara itu maka beliau boleh tidak bersetuju dengan cara itu dan harus diadakan melalui cara mesyuarat yang biasa. Maksudnya semua Ahli-ahli Lembaga ini mempunyai hak untuk tidak setuju dengan cara menjalankan mesyuarat dengan sekular resolusi dan ini adalah sedikit sebanyak justifikasi.

Kita tidak hendak panjangkan lagi Mesyuarat Lembaga beberapa kali lagi sebab kalau kita ada remeh temeh kita boleh selesai, kita akan selesai dengan cepat. Ini tidak akan membuang masa Ahli-ahli Lembaga.

Selain daripada itu juga pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī iaitu sama ada kita mempunyai akaun berasingan bukan hasil-hasil yang dipungut oleh LHDN sama ada harus diasingkan di antara Cukai Bukan Syariah..., dan cukai-cukai berasingan yang lain. Setakat ini kita tidak mempunyai dan satu *consolidated account*, saya tidak tahu betul atau tidak. Kita mempunyai satu *account consolidated* maksudnya semua akan dimasukkan tetapi kerajaan akan meneliti jika untuk kegunaan keagamaan, maka ianya dapat dikeluarkan dari akaun tempat yang di mana ianya Syariah *Compliant*, itu yang penting sekali...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī: [Bangun]

Dato' Chor Chee Heung: Dari segi gaji juga sama buat masa ini tetapi mungkin saya akan bawa ini balik dan tengok sama ada *justified* atau tidak. Kita mengikut cara pungutan hasil secara antarabangsa dan kita sudah pun melihat di negara-negara lain, di negara-negara Islam yang lain itu macam mana mereka ini sebab kemungkinan adalah mustahil juga kalau kita hendak asingkan setiap pungutan. Akan tetapi, walau bagaimanapun saya akan bawa balik dan dalam mesyuarat nanti saya akan bangkit juga dan kata bahawa Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī telah bangkit sama ada kita boleh berbuat demikian.

Dari segi isu *Ah long* ini, ini bukan kerja LHDN. LHDN cuma pungut cukai dan jika mangsa-mangsa *Ah long* ini tidak membayar cukailah saya percaya dan kerajaan memang mempunyai badan-badan lain untuk membantu mangsa-mangsa *Ah long* seperti pinjaman *micro credit* tetapi kita tidak hendak juga bantu orang yang salah.

Kadang-kadang mangsa *Ah long* ini oleh kerana perangai mereka ini, pasal dia orang ini tahi judi atau apakah, duit habis, pinjam pun duit habis, kita tidak hendak. Akan tetapi melalui badan-badan lain kita juga beri dan bantu mereka ini. *Corporate social responsibility* memang dan kerajaan memberi pengecualian juga yang telah pun di *approve* dan diluluskan jika syarikat-syarikat mana yang ingin memberi tabung pada tabung di bawah CSR yang diisytiharkan oleh kerajaan memang pengecualian diberi dan setakat ini kita pun sentiasa beri juga.

LHDN sentiasa memberi kepada pemohon-pemohon, katakanlah ada badan-badan ataupun kelab sukan ataupun kelab organisasi yang ingin membantu madrasah, masjid ataupun tokong-tokong ataupun pusat-pusat hemodialisis secara sukarela, mereka ini perlu buat permohonan dan jika permohonan diluluskan maka badan-badan korporat ataupun korporat mana yang ingin memberikan sumbangan itu dapat tolakan dari cukai. Ini adalah satu perkara yang sudah lama wujud dalam sistem kita.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya pohon penjelasan sedikit. Yang saya maksudkan ialah CSR yang dikeluarkan oleh LHDN sendiri bukan *company* dan yang kedua adakah pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri mempunyai...

Tuan Yang di-Pertua: Perkara baru Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Had tentang cukai-cukai yang dikemukakan? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara baru.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Maksud saya kalau CSR itu mana-mana syarikat hendak bayar, hendak berikan kepada mana-mana tempat, adakah ia mempunyai had tertentu?

Dato' Chor Chee Heung: Tidak. Memang tidak adalah. Kalau dia diberikan keputusan, LHDN telah pun beri supaya segala penderma akan mendapat pengecualian cukai maka mereka ini berhak memberi banyak mana pun.

Dari segi *tax bonus* kepada pembayar cukai, setakat ini tidak adalah. Kalau ada mungkin saya pun layak diberi pertimbangan sebab kita pun bayar. Sebelum kita diminta bayar, kita sudah bayar tetapi sama ada ini adalah cadangan yang baik, saya tidak tahu sebab masih kita tidak membuat *research*, kajian secara mendalam lagi tetapi ini satu cadangan yang baik.

Pengecualian dari segi rawatan hospital, ini kita juga perlu harus mengambil kira semua faktor-faktor sebelum satu jumlah ditetapkan. Contohnya macam beberapa tahun kebelakangan ini memang tidak sampai 5000 pun dan tahun lepas 5000 sudah. Jika ianya kemungkinan kerajaan akan memberi pertimbangan. Ini kita akan tengok dan kita akan kaji semula.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua mengenai kes minyak Kelantan yang saya disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi. Di peringkat soal jawab di Dewan Rakyat saya pernah jawab. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, buku terbitan Jabatan Statistik, saya tidak tahu sama ada ini adalah teknikal atau tidak, ia telah menyebut dalam buku itu bahawa negeri Kelantan adalah sebuah negeri yang mengeluarkan minyak. Oleh sebab itulah, begitu ramai Yang Berhormat dari kalangan PAS telah pun bangkit tidak berhenti-henti tetapi dalam Dewan Rakyat saya telah memberitahu dengan cukup jelas bahawa memang ada tetapi tidak dalam perairan negeri Kelantan dan sebenarnya sama ada dalam perairan negara Malaysia atau tidak, kita pun tidak tahu lagi.

Setakat ini kita tidak dapat mengesahkan lagi sebab terdapat tuntutan bertindih-tindih di antara dua hingga tiga negara kita dan Thailand, kita dan Vietnam. Walau bagaimanapun, mengikut peruntukan undang-undang antarabangsa maka selagi satu keputusan yang belum diputuskan oleh Mahkamah Antarabangsa ataupun yang boleh kita terima maka negara-negara jiran yang terlibat dalam tuntutan itu boleh bekerjasama untuk mencari gali segala sumber di kawasan-kawasan tertentu.

Dalam peruntukan undang-undang antarabangsa itu, jika ianya dibahagikan di antara dua hingga tiga buah negara, maka oleh kerana itu kita belum membuat kepastian sama ada ianya dalam perairan Malaysia ataupun perairan negeri Kelantan jadi segala hasil dibahagikan di antara negara-negara yang terlibat.

■1630

Buat masa ini, memang tidak wujudlah bahawa Kelantan ini dikenali sebagai sebuah negeri yang mengeluarkan sumber asli ataupun minyak. Itu yang saya dapat jawab setakat ini. Maka sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian, dan jika terdapat apa soalan yang saya tidak dapat jawab, pegawai saya yang duduk belakang dalam Dewan ini akan mencatat dan akan mengambil tindakan sewajarnya, sekian Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mengambil kesempatan bagi mengalu-alukan bagi pihak Dewan Negara, kehadiran Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon dan saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi penilaian KPI kepada Yang Berhormat dan LHDN...
[Ketawa]

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Tahniah Yang Berhormat kerana berjaya memandu rang undang-undang sehingga ke peringkat ini, terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MAKANAN HAIWAN 2008

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.36 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Makanan Haiwan 2008 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh terus huraikan.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan mesyuarat**]

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, aktiviti penternakan bertujuan menghasilkan sumber protein seperti daging, susu dan telur untuk manusia. Bahan-bahan yang digunakan sebagai makanan ternakan merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi kualiti dan tahap keselamatan makanan, produk-produk hasilan ternakan.

Pada tahun 2007, pengilang makanan ternakan menghasilkan kira-kira 4.90 juta tan metrik makanan ternakan untuk haiwan. Bahan-bahan makanan haiwan seperti jagung, bijirin, soya dan *fish meal*, kebanyakannya diimport dan digunakan oleh pengilang-pengilang tempatan untuk diadun dengan bahan tempatan, bagi mengeluarkan makanan haiwan pelbagai jenis dan kegunaan. Bagi tujuan itu, sebanyak 3.89 juta tan metrik bahan-bahan makanan bernilai RM3,762.74 juta telah diimport pada tahun 2007 dan 3.543 juta tan metrik bahan-bahan makanan bernilai RM4,426.94 juta telah diimport pada tahun 2008.

Kualiti dan keselamatan makanan haiwan serta kesannya ke atas pengeluaran makanan berasaskan ternakan bagi manusia perlu dikawal, penggunaan antibiotik yang terlarang dan bahan yang berbahaya kepada manusia seperti, beta-agonis akan memberi kesan terhadap tahap keselamatan makanan. Pembuatan makanan ternakan di Malaysia, tidak dikawal melalui undang-undang khas bagi memastikan bahan makanan haiwan mencapai kualiti piawaian keselamatan makanan yang ditetapkan. Ini menyebabkan berlakunya ketidaktentuan dengan izin, *inconstancy* dari segi penjagaan kualiti serta keselamatan semasa pengeluaran, penyimpanan, pembungkusan dan pengangkutan produk tersebut.

Sehubungan itu, undang-undang bagi menjamin makanan haiwan memenuhi keperluan dan tidak berbahaya kepada haiwan, serta memastikan hasilan ternakan selamat dimakan oleh manusia, perlu diwujudkan. Draf Rang Undang-undang Makanan Haiwan 2008 telah digubal untuk mengawal selia kualiti makanan haiwan, bagi memastikan makanan haiwan yang berkualiti bagi haiwan, supaya haiwan dan keluaran hasil haiwan, selamat bagi makanan atau kegunaan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, kawalan kualiti makanan haiwan perlu dilaksanakan bermula dari pemilihan bahan mentah, pengeluaran hinggalah ke peringkat penggunaan. Pada masa ini, pemantauan kualiti bahan-bahan mentah, sama ada yang diimport atau dari sumber tempatan, tidak dilakukan sepenuhnya dan hanya bergantung kepada pengisytiharan oleh pihak pembekal. Ini akan menyebabkan berlakunya perbezaan kualiti serta piawaian hasil makanan haiwan.

Tahap kecekapan dalam proses pengilangan, penyimpanan, pengangkutan dan pengendalian turut menyumbang kepada perbezaan kualiti makanan haiwan. Oleh itu, kepastian kualiti makanan haiwan yang dikeluarkan oleh pengilang-pengilang perlu mencapai tahap piawaian yang ditentukan supaya tidak memudaratkan haiwan dan pengguna.

■1640

Walaupun pengilang makanan secara lazimnya mengawal kualiti produk, tetapi tidak ada undang-undang khusus untuk mencegah perkara-perkara yang tidak diinginkan seperti penggunaan bahan-bahan terlarang, pemalsuan dan kualiti yang tidak mencapai seperti yang dilabelkan. Penyalahgunaan *drug* dan bahan yang dilarang penggunaannya seperti *beta-agonist*, *nitrofurans* dan *kloramfenikol* perlu dielakkan.

Pada masa ini, Kementerian Kesihatan bertanggungjawab menentukan spesifikasi serta jenis *drug* yang dibenarkan dalam memastikan tahap penggunaannya tidak memberi kesan kepada kesihatan haiwan dan manusia. Selain itu, *drug* dan bahan kimia yang dibenarkan pada tahap residu maksimum turut sentiasa dipantau bagi menjamin kualiti serta keselamatan makanan haiwan terhadap kesihatan pengguna.

Sehingga kini, hanya terdapat program seperti kepastian kualiti makanan ternakan, Analisis Mudarat Titik Kawalan Kritikal atau *Hazard Analysis Critical Control Points* dan Amalan Pengilangan Yang Baik atau *Good Manufacturing Practice* di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang diguna pakai oleh pengilang makanan haiwan sebagai panduan bagi menghasilkan makanan ternakan yang berkualiti dan selamat digunakan.

Bagaimanapun, program-program tersebut tidak berkesan memandangkan ianya bukanlah satu kemestian dan penggunaannya adalah secara sukarela.

Dengan itu, Rang Undang-undang Makanan Haiwan 2008 adalah perlu diwujudkan. Rang undang-undang tersebut mengandungi beberapa bahagian yang merangkumi 54 fasal seperti berikut:

Bahagian I, (a) mengandungi perkara permulaan, dengan izin, *preliminary matters* yang merangkumi fasal 1 dan fasal 2 berkenaan tajuk ringkas pemakaian serta takrif yang bertujuan membenarkan Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Bahagian II, (a) mengandungi peruntukan berhubung Lembaga Makanan Haiwan, dengan izin, *Feed Board* dan (b) meliputi fasal 3 hingga fasal 8, berkenaan ahli, fungsi dan kuasa Lembaga bagi membolehkan Lembaga menubuhkan jawatankuasa penasihat dalam membantu melaksanakan fungsinya.

Bahagian III, (a) merangkumi peruntukan berhubung pelesenan mengimport makanan haiwan serta bahan tambahan makanan haiwan dan (b) mempunyai fasal 9 hingga fasal 16, meliputi larangan pengimportan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan tanpa lesen dan memberi menteri kuasa untuk membuat perintah bagi melarang pengimportan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan dari mana-mana negara atau wilayah jika makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan itu mungkin membawa penyakit atau menjejaskan kesihatan haiwan atau manusia.

Bahagian IV, (a) memperkatakan tentang spesifikasi dan syarat bagi penyimpanan, penstoran, pembungkusan, pelabelan atau pengangkutan yang wajar bagi makanan haiwan, (b) mengandungi fasal 17 dan fasal 18 yang memperuntukkan peruntukan mengenai kewajipan untuk mematuhi spesifikasi makanan haiwan.

Bahagian V, (a) memperkatakan tentang kawalan antibiotik, hormon atau bahan kimia lain dalam makanan haiwan yang melarang sebarang penggunaan bahan-bahan tersebut yang boleh memberi kesan kepada haiwan dan manusia. (b) meliputi fasal 19 dan fasal 20, bertujuan melarang mana-mana orang menggunakan apa-apa antibiotik, hormon atau bahan kimia lain secara langsung atau tidak langsung kepada haiwan melainkan jika menurut cara dan pada takat yang ditetapkan.

Bahagian VI, (a) mengandungi peruntukan undang-undang terhadap penguatkuasaan yang membenarkan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani melantik pegawai yang berkuasa untuk melaksanakan aktiviti penguatkuasaan seperti menyiasat, menangkap dan menyita, di mana bahagian ini merangkumi fasal 21 hingga fasal 40 dan;

Bahagian VII, (a) mengandungi peruntukan am yang mempunyai fasal 41 hingga fasal 54 memperkatakan tentang kesalahan yang dilakukan oleh pihak-pihak terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya tiada penguatkuasaan melalui undang-undang, kualiti dan keselamatan bahan makanan serta makanan haiwan yang diimport dari luar negara tidak dapat dikawal. Selain itu, kualiti makanan ternakan haiwan yang dikeluarkan oleh pengilang tempatan juga tidak dapat dikawal. Kawalan ke atas penggunaan *drug*, hormon atau bahan-bahan kimia yang lain sama ada yang diharamkan penggunaannya atau yang boleh digunakan pada tahap *residue* yang dibenarkan juga tidak dapat dikuatkuasakan oleh pihak kerajaan.

Penggubalan undang-undang ini akan memberi kuasa yang sah kepada Lembaga Makanan Haiwan untuk mengawal dan mencegah penyalahgunaan bahan-bahan seperti *drug*, hormon dan bahan kimia ke atas haiwan. Penggubalan undang-undang ini akan mencerminkan bahawa negara begitu prihatin dan mengambil berat mengenai kualiti serta keselamatan makanan haiwan terhadap haiwan dan seterusnya ke atas penggunaan manusia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan Lembaga Makanan Haiwan, untuk mengawal selia kualiti makanan haiwan dengan mengawal pengimportan, pembuatan, penjualan dan penggunaan makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan, untuk memastikan bahawa makanan haiwan memenuhi keperluan nutrien bagi haiwan dan tidak tercemar supaya haiwan dan keluaran haiwan selamat untuk dimakan oleh manusia dan selamat untuk kegunaan lain dan bagi perkara-perkara lain yang bersampingan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Hajah Sharifah Azizah.

4.48 ptg.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya meneruskan perbincangan tentang Rang Undang-undang Makanan Haiwan 2008, izinkan saya merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Tan Sri Yang di-Pertua yang akan meninggalkan kita kerana tamat tempoh bagi penggal kedua yang akan berakhir pada 6 Julai 2009. Sesungguhnya kami amat terharu tetapi atas kehendak prinsip kerajaan, maka kami terpaksa melepaskan Yang di-Pertua Tan Sri untuk meninggalkan Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini bukan prinsip saja Yang Berhormat. Ini telah pun ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Maaf Tuan Yang di-Pertua, saya betulkan. Mengikut Perlembagaan Persekutuan. Kami juga amat terharu kerana banyak tunjuk ajar pelajaran yang telah diberikan bagi mendisiplinkan dan juga bagi mempermudah kami untuk turut serta berbahas dalam perbincangan-perbincangan yang telah pun diadakan selama Tan Sri Yang di-Pertua menjadi Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini. Harapan kami supaya jasa baik serta ilmu-ilmu yang baik itu akan dapat sentiasa bersama dengan kami semua dan insya-Allah bahawa bangunan Parlimen ini sentiasa terbuka untuk Yang di-Pertua Tan Sri untuk bersama-sama dengan kita dalam sesi-sesi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas berkaitan Rang Undang-undang Makanan Haiwan 2008. Perkara pertama yang ingin saya huraikan di sini ialah berkenaan Bahagian 1(2) yang berkaitan akta ini yang hanya akan diguna pakai di Semenanjung Malaysia dan Labuan.

■1650

Mengapa tidak boleh diseragamkan ke atas negeri Sarawak dan Sabah? Saya difahamkan, negeri Sabah dan Sarawak mempunyai akta dan Lembaga mereka sendiri tetapi saya berkeyakinan, sebagai satu konsep *1Malaysia* yang dilaung-laungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Secara dasarnya kita perlu menyeragamkan perkara-perkara atau akta-akta yang boleh diseragamkan antara kesemua negeri di Malaysia ini. Ini supaya tiada pihak yang dianaktirikan atau pihak yang mengambil kesempatan jika terdapat kelonggaran di dalam penguatkuasaan dari kedua-dua akta yang tidak diseragamkan.

Isu seperti tiadanya piawai yang standard, spesifikasi yang tidak setaraf serta penyeludupan yang mungkin berlaku kerana kesilapan teknikal atau ketidaktahuan undang-undang yang berisiko berlaku. Tuan Yang di-Pertua, bahagian VI fasal 22 yang memperuntukkan kewajipan mematuhi spesifikasi berkenaan haiwan di Malaysia. Izinkan saya memberi beberapa contoh akan hasil laut dan darat yang boleh dijadikan bahan makanan haiwan yang bermutu jika diberikan tumpuan R&D yang betul.

Malaysia terkenal kerana kaya dengan kepelbagaian biologinya dan telah tersenarai sebagai antara 12 negara di dunia yang kaya dengan kepelbagaian biologinya, flora dan fauna kita menggambarkan kepelbagaian ini. Terdapat 377 spesies alga mikroskop dan telah didokumenkan di Malaysia. Alga ini mendiami habitat seperti pantai, batu dan berpasir, terumbu karang, lumpur dan muara. Sebanyak 475 spesies briofit direkodkan di Semenanjung Malaysia, manakala 582 dan 330 spesies diketahui terdapat di Sabah dan Sarawak. Kulat merupakan satu kumpulan spesies yang tidak dikaji secara mendalam di Malaysia.

Terdapat pelbagai kumpulan kulat tetapi tiada anggaran bilangan yang tepat untuk negara kita. Kulat boleh didapati di pelbagai habitat dan ekosistem marin hingga ke tanah tinggi. Banyak spesies kulat mempunyai kepentingan perubatan patologi dan ekologi. Dianggarkan lebih 2,500 spesies kulat bakau direkodkan di Semenanjung Malaysia. Yang terbesar adalah spesies daripada subbahagian eskomikota dianggarkan sekurang-kurangnya 70% kulat di Malaysia masih belum ditemui.

Tuan Yang di-Pertua, jelas di sini Malaysia sangat kaya dengan flora dan dianggarkan mengandungi kira-kira 12,500 spesies tumbuhan berbunga dan lebih daripada 1,100 spesies paku pakis dan kumpulan paku pakis. Banyak paku pakis ini adalah antara unik dan tidak ditemui di mana-mana tempat lain di dunia. Malaysia berada di tempat kelima dari segi kepelbagaian tumbuhan di rantau Asia-Australia.

Saya ini tidak berapa khusyuk Tuan Yang di-Pertua, kerana mikrofon ini macam tidak berapa sesuai dengan saya...

Timbalan Yang di-Pertua: Sebab apa?

Puah Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Dia tinggi sangatkah ataupun saya terasa macam suara saya tidak berapa lantang.

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah dapat didengar dengan jelas, Yang Berhormat.

Puah Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Okey. Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya mengemukakan data ini ialah untuk menunjukkan betapa Malaysia sendiri mempunyai cukup bahan asli serta biodiversiti untuk diperkenalkan sebagai sumber makanan haiwan tanpa perlu bergantung kepada sumber dari negara luar. Semua hasil laut dan darat seperti alga dan kulat berpotensi untuk dijadikan sumber makanan haiwan jika diberikan penumpuan *R&D* yang berteknologi tinggi dan tepat. Saya sarankan di sini, kita perlu meneroka lebih pasaran *R&D* yang kita boleh belajar dari negara-negara maju dan untuk tujuan memanipulasikan hasil laut dan darat seperti contoh yang saya berikan di atas. Untuk menjadikan bidang memproses bahan mentah dan terbiar bagi dijadikan hasil makanan haiwan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III, fasal 10 yang menyentuh kuasa Lembaga untuk mengeluarkan lesen bagi tujuan mengimport makanan haiwan atau bahan makanan tambahan haiwan. Saya berpendirian, insentif serta galakan pelaburan perlu diberi oleh pihak kerajaan melalui lembaga ini untuk menggalakkan syarikat-syarikat berpotensi menceburi bidang pengimportan makanan ini. Saya cadangkan beberapa insentif yang boleh diketengahkan seperti berikut:

- (i) taraf prinsip syarikat yang diberi taraf perintis menikmati potongan cukai bergantung kepada jenis-jenis keluaran, aktiviti digalakkan seperti berikut:
 - (a) potongan cukai insentif. Syarikat yang terlibat dengan keluaran aktiviti digalakkan diberikan potongan cukai. Jumlah potongan cukai serta tempoh masa ini boleh ditentukan kemudian.
- (i) keluaran aktiviti digalakkan untuk syarikat berteknologi tinggi. Syarikat diberikan pengecualian yang tinggi jika terlibat di dalam *R&D* untuk memerlukan kos yang tinggi; dan
- (ii) elaun cukai pelaburan. Sebagai alternatif kepada taraf perintis, syarikat-syarikat yang terlibat dalam aktiviti pengeluar bahan makanan haiwan digalakkan boleh memohon untuk memperoleh elaun cukai pelaburan atau ECP. ECP diadakan untuk projek-projek yang mempunyai modal yang besar dan mengambil masa yang panjang. Bagaimanapun, syarikat-syarikat yang diberi ECP menikmati potongan tertentu bergantung kepada jenis aktiviti keluaran yang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan satu bentuk contoh yang boleh dikongsi bersama di sini. Untuk makluman, Lembaga Getah Malaysia atau LGM telah menghasilkan protein susu getah yang boleh digunakan sebagai komponen makanan haiwan ternakan yang akan dikomersialkan dalam tempoh tiga hingga lima tahun. Pengkomersialan itu bergantung kepada permintaan pasaran.

Menurut kata-kata Timbalan Ketua Pengarah LGM, Dr. Mohd. Akhbar Mohd. Said dalam satu temu bual dengan Bernama, protein tersebut terbentuk dari serum yang terhasil semasa berlakunya proses pertukaran susu getah kepada susu pekat, kepada getah pekat katanya... [Ketawa]

Beliau berkata, penghasilan produk baru ini adalah seiring dengan usaha kerajaan untuk mengurangkan nilai import makanan haiwan ternakan yang terkini berjumlah RM2 bilion setahun. Di sini saya memberikan satu contoh bagaimana syarikat atau usaha pihak tempatan untuk menghasilkan produk makanan haiwan yang boleh diguna pakai bagi tujuan mengurangkan nilai serta hasil import dari luar negara. Maka, suatu bentuk insentif serta potongan cukai jika bantuan dari segi R&D perlu dihulurkan bagi menjayakan misi ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VI, fasal 23, 24, 25, 26, dan 28 yang memperuntukkan kuasa pegawai diberi kuasa untuk menangkap tanpa waran dalam suatu hal tertentu. Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju pegawai diberi kuasa sedemikian. Akan tetapi, penangkapan tanpa waran boleh disalahgunakan oleh pegawai yang rendah moralnya. Kita tidak mahu berlakunya salah guna kuasa yang memungkinkkan gejala rasuah atau korupsi di kalangan pegawai penguatkuasaan.

Di sini saya sarankan, serbuan atau tangkapan perlu disertai oleh agensi penguat kuasa yang lain seperti polis serta agensi-agensi yang berkaitan. Tuan Yang di-Pertua, fasal 38, Bahagian VI menyebut akan perihal memperkatakan perakuan analisis yang memberi kuasa dan *privilege* untuk penganalisis menganalisa apa-apa makanan haiwan atau bahan tambahan. Di sini, apa yang menjadi persoalannya ialah kriterianya, penganalisis yang bakal memikul tanggungjawab tersebut. Saya berharap agar lembaga dapat memilih serta melantik golongan yang betul-betul berkelayakan, pakar dan berpengalaman dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian yang ketiga menyentuh berkenaan peruntukan dan pengawal lesen yang diberikan. Kita harus berhati-hati di dalam mengimport makanan haiwan dari luar. Pelbagai isu dan perkara penting perlu diberi perhatian. Isu seperti makanan haiwan yang halal, contohnya perut babi bagi kegunaan ikan keli yang menjadi isu besar sedikit masa lalu perlu dielakkan.

■1700

Pelbagai lagi bentuk dan sampel yang tidak halal atau tidak mendapat pengiktirafan JAKIM bagi kelulusan digunakan sebagai makanan haiwan di negara kita. Saya cadangkan penglibatan badan atau agensi yang berkaitan hal ehwal keagamaan perlu dilibatkan di dalam hal ini bagi memantau perkara-perkara sensitif berkaitan isu halal dan haram. Maka dalam hal ini di bawah Bahagian II, Penubuhan Lembaga Makanan Haiwan saya harap pihak berkenaan dapat menerima cadangan saya ini agar pegawai berkaitan agama dapat dilibatkan serta bertindak sebagai penasihat.

Tuan Yang di-Pertua, faktor kesihatan juga perlu diterapkan. Contohnya wabak yang dikenali dengan nama wabak lembu gila yang melanda Amerika Syarikat baru-baru ini telah menyebabkan banyak negara di seluruh dunia termasuk Malaysia telah mengharamkan import daging lembu dari negara itu. Penyakit lembu gila itu sememangnya adalah penyakit saraf yang disebabkan oleh sejenis protein yang dikenali sebagai *scrapie prion protein*. Ini saya nak sebut pun susah sebab bukan bahasa saya yang berubah sifat menjadi tidak normal.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini penyakit ini mula dikesan pada lembu di United Kingdom pada tahun 1985. Penyakit ini merebak dan populasi lembu di negara tersebut melalui kitar semula tisu bovit untuk dijadikan makanan haiwan. Mengikut kajian BSE berpunca daripada penggunaan tisu lembu yang tercemar dan diproses semula untuk dijadikan makanan haiwan.

Apa yang boleh dijadikan teladan di sini ialah kita perlu benar-benar memastikan bahawa sebarang *livestock* juga makanan haiwan perlu diberikan penelitian khusus untuk memastikan ianya benar-benar bersih, suci, halal dan selamat untuk digunakan.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Makanan Haiwan 2008. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang bercadang untuk mengambil bahagian? Kalau tak ada saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

5.04 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain yang saya rasa telah membuat banyak penyelidikan, *research* mengenai betapa pentingnya rang undang-undang ini khasnya di mana kita merasakan bahawa segala Yang Berhormat telah katakan tadi itulah sebabnya kita hendak mengadakan rang undang-undang ini secepat mungkin. Sebenarnya ada juga yang telah memaklumkan kepada kami Tuan Yang di-Pertua bahawa kenapa sekarang. Kenapa lama-lama dahulu tidak buat?

Jadi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua usaha kita hendak menggubal rang undang-undang makanan haiwan ini telah bermula sejak 40 tahun dahulu lagi tetapi memandangkan ramai pemain dalam industri ini iaitu penternak, pembuat makanan dan sebagainya, jadi kita rasakan ini juga adalah masa yang terbaik supaya apa-apa yang mengenai makanan haiwan iaitu melalui pengawalan pengimportan bahan makanan, pemrosesan, penjualan dan penggunaannya semua terkandung di dalam rang undang-undang yang *insya-Allah* akan diluluskan sebentar lagi.

Teguran Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah tadi yang pertama iaitu konsep *1Malaysia*. Kenapa untuk Sabah dan Sarawak tidak dimasukkan dalam rang undang-undang ini?

Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita juga melihat juga kepada faktor *1Malaysia* tetapi rang undang-undang ini memang ada beberapa rasionalnya kenapa ianya hanya terpakai di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja. Pertama, mengikut Perlembagaan Persekutuan semua perkhidmatan yang berkaitan dengan haiwan atau penternakan di Sabah dan di Sarawak terletak di bawah senarai bersama atau *concurrent list*. Ini bermakna negeri masing-masing mempunyai undang-undang tersendiri dan menetapkan pelaksanaannya menerusi peraturan atau kaedah yang dibentuk berasaskan akta induk negeri berkenaan.

Untuk makluman, Sarawak mempunyai peruntukan mengawal selia makanan haiwan di bawah Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999 dan Sabah pula sedang menggubal peraturan di bawah Ordinan Binatang 1962 Sabah bagi mengawal selia makanan haiwan. Akan tetapi walau bagaimanapun kalau diperhatikan di dalam rang undang-undang ini memang di dalam Lembaga Makanan Haiwan termasuk wakil daripada Sabah dan Sarawak dan di mana sebenarnya kita mengalu-alukan supaya Sabah dan Sarawak juga boleh menerima pakai rang undang-undang ini supaya diselaraskan bersama seperti dikatakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah tadi dari segi piawaiannya, dari segi pemanjangan penggunaannya nampak kita selaras dan ini bersamaan dengan konsep *1Malaysia*.

Kedua Yang Berhormat, yang disebut tadi dengan panjang lebar Yang Berhormat kami memang mengalu-alukan penggunaan atau hendak membuat makanan haiwan ini menggunakan bahan makanan tempatan tetapi tadi saya telah menggariskan bahawa walaupun tempatan, kita mesti pastikan bahawa segala *contain*, dengan izin, kandungan bahan makanan tadi adalah dari bahan-bahan yang dibenarkan dan ianya juga suci atau halal seperti yang disebutkan tadi dan Yang Berhormat memang satu daripada *player* yang paling penting bagi kami adalah mereka di dalam jabatan agama yang akan kita *coop* untuk memastikan bahawa segala *contain* barang makanan ini kesuciannya adalah tidak diragukan dan pada masa yang sama bahawa segala kandungannya adalah bukan bahan-bahan yang terlarang.

Satu lagi Yang Berhormat terima kasih dari segi insentif kita hendak menggalakkan satu yang tadi katakan bahan tempatan dan kedua kalau kita mengeksport diberi beberapa insentif. Memang ini sangat kami alu-alukan dan sebenarnya memang ini terkandung di dalam kementerian-kementerian yang lain supaya dengan R&D kita yang baik kita juga dapat menghasilkan sebenarnya makanan untuk haiwan yang boleh kita eksport tetapi sebagai *word of caution*, dengan izin, yang diimport Yang Berhormat juga menjadi satu perhatian khusus kami sebab sekarang ini juga dalam masa kita membentangkan rang undang-undang ini sudah kedapatan bahawa ada beberapa syarikat yang mengimport bahan-bahan makanan haiwan ini membawa masuk bahan-bahan yang memang dilarang, terlarang, dan tadi Yang Berhormat memang betul.

Saya pun memang susah lidah hendak menyebut bahan ini Yang Berhormat di mana kita memang sentiasa hendak memastikan bahawa bahan-bahan ini adalah selamat untuk makanan haiwan kita dan suci sebab ini juga akan menjadi bahan makanan kepada manusia.

Jadi, sememangnya Yang Berhormat tadi sebut mengenai penyakit lembu gila. Kita sering kali dikejutkan dengan pelbagai peristiwa dalam industri haiwan ini yang dikaitkan dengan penggunaan bahan kimia dan organik dalam makanan haiwan yang memudaratkan penggunaannya. Terima kasihlah saya akan *repeat* apa Yang Berhormat katakan tadi. Contohnya di UK pada tahun 1984 pencemaran makanan ternakan berunsur haiwan iaitu penyakit lembu gila saya ringkaskan hendak menyebutnya Yang Berhormat BSE. Kesan dari penyakit ini telah mendatangkan kerugian berbilion *Pound Sterling* kepada Britain dan Kesatuan Eropah. Seterusnya di EU pada tahun 1999 dunia dikejutkan lagi dengan peristiwa pencemaran *dioxin* yang mengakibatkan penyakit barah.

Pada tahun 2008 di negeri China penggunaan melamin dalam makanan haiwan kesayangan pula menyebabkan kematian yang banyak pada kucing dan anjing dan di Malaysia baru-baru ini kita dikejutkan dengan laporan penggunaan bangkai haiwan iaitu seperti khinzir dan ayam sebagai makanan ikan. Amalan ini bukan sahaja mengkompromikan kualiti produk yang dihasilkan tetapi yang paling penting ialah kesejahteraan dari sudut kesucian produk kepada para pengguna

■1710

Pencemaran bahan makanan haiwan seperti ini tidak akan berkesudahan selagi pengusaha tamak dan tidak bertanggungjawab, yang hanya mementingkan keuntungan semata-mata. Sebab itu Yang Berhormat, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih. Tadi, berkenaan susu getah itu, Yang Berhormat, yang boleh dijadikan bahan makanan haiwan. Insya-Allah pakar-pakar saya juga di belakang ini, mereka akan *take note*, di mana ini adalah sesuatu yang boleh kita kongsi bersama. Daripada semua yang disebut Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah juga, menjadi kebimbangan bersama dan saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan *insya-Allah...*

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Minta laluan sekejap Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Okey.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Saya rasa bingung dengar apa Yang Berhormat bercakap tadi, berkenaan dengan bangkai khinzir dengan binatang lain dijadikan makanan kepada ikan. Saya rasa ini adalah ikan ternakan Yang Berhormat ya? Yang diternak oleh pihak-pihak nelayan. Untuk renungan bersama Yang Berhormat, tidakkah ada penguatkuasaan daripada kementerian Yang Berhormat sendiri kepada penternak-penternak ini.

Agar benda-benda pelik ini tidak dijadikan bahan makanan kepada ikan, oleh kerana ikan akan menjadi makanan sama ada untuk orang Islam atau pun orang kafir, tidak menjadi ukuran di situ. Akan tetapi, apabila kita dengar bangkai-bangkai ini diberi makan kepada benda-benda ini saya rasa perlu ada penguatkuasaan daripada pihak kementerian kalau sekarang ini tidak ada. Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Memang Yang Berhormat, setakat ini seperti yang saya katakan tadi.

Setakat ini kita berpandu mungkin *complaint* atau kita baca juga dalam surat khabar dan sebagainya. Akan tetapi, undang-undang khusus ini belum ada. Sebab itulah, kita kalau dapat hendak mempercepatkan kelulusan rang undang-undang ini supaya tindakan-tindakan seperti saya baca dari permulaan tadi dapat kita jalankan.

Memang setakat ini Yang Berhormat, adalah dikatakan di bawah Akta Makanan, mungkin Akta Racun dan sebagainya tetapi kadang-kadang dia tidak berapa khusus atas nama Rang Undang-undang Makanan Haiwan. Jadi, oleh yang demikian Yang Berhormat inilah juga menjadi kebimbangan kita selama ini dan seperti yang saya katakan ada yang sudah tegur. Kenapa baru sekarang dan sebagainya, tetapi itulah Yang Berhormat, kita sama-sama mempunyai satu tanggungjawab yang begitu besar dan itulah tadi saya katakan kita berhentikan segala tindakan yang tidak bertanggungjawab ini.

Yang betulnya Yang Berhormat, memang kita dengar ada *complaint* mengatakan diberi bangkai. Macam-macam bangkai, bangkai khinzir kadang-kadang, bangkai kucing, anjing dan sebagainya diberi makan dan ini mungkin fakta betul atau mungkin fakta fitnah pun boleh. Akan tetapi, dengan adanya rang undang-undang ini, *insya-Allah* segala langkah-langkah itu boleh diambil dan kita boleh masuk ke premis. Kita boleh ambil langkah-langkah penguatkuasaan dan memang caution yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Senator Hajah Sharifah Azizah. Janganlah takut ada penyelewengan dan sebagainya.

Kita ambil maklum dan Yang Berhormat memang badan-badan yang ada sekarang macam polis, SPRM dan sebagainya juga boleh memainkan peranan. Jika ada penyelewengan pegawai-pegawai ini, maklumlah ini adalah manusia. Mungkin terpengaruh sebab banyak kuasa. Akan tetapi, badan-badan ini harus juga menjalankan tugas, dari segi memastikan bahawa jangan ada segala penyelewengan. Dari segi kita hendak menguatkuasakan rang undang-undang ini, yang begitu penting sekali.

Sebab ini sebenarnya menjurus kepada semua kita Yang Berhormat, sebab ini adalah menjadi bahan makanan kita semua. Jadi, dengan kata-kata demikian, sekali lagi saya ingin ucapkan jutaan terima kasih kerana telah menyokong rang undang-undang ini. Berkat daripada sokongan ini *insya-Allah*, kita berharap segala yang disebut, ditegurkan tadi *insya-Allah* tidak akan berlaku demi untuk bukan sahaja kita tetapi juga masa depan anak cucu cicit rakyat Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 dan 54 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 2008

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.19 ptg

Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon mencadangkan iaitu satu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987, dibacakan kali kedua sekarang.

Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu merujuk kepada Akta 333 ini, telah berkuat kuasa sejak tahun 1987 dan telah beberapa kali dipinda bagi disesuaikan dengan keadaan dan perkembangan semasa. Kali terakhir akta ini dipinda adalah pada tahun 2007.

■1720

Cadangan untuk meminda Akta 333 Akta Pengangkutan Jalan 1987 kali ini adalah untuk memastikan akta ini konsisten dengan Akta 536 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 khusus berkaitan dengan pemberian kuasa kepada pegawai Perbadanan Putrajaya yang dipertanggungjawabkan menjalankan tugas penguatkuasaan beberapa kesalahan lalu lintas yang tertentu di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Adalah dimaklumkan bahawa Perbadanan Putrajaya adalah merupakan pihak berkuasa tempatan kepada Wilayah Persekutuan Putrajaya dan bertanggungjawab melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas beberapa kesalahan lalu lintas tertentu di wilayah tersebut.

Selama ini tindakan mereka amat terbatas kepada peruntukan kuasa di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan Akta 133, tahun 1975 yang nampaknya kurang berkesan.

Oleh itu, dengan pindaan ini mereka akan diberikan kuasa undang-undang yang lebih berkesan melalui Akta 333, Akta Pengangkutan Jalan 1987 untuk menjalankan penguatkuasaan undang-undang terhadap beberapa kesalahan lalu lintas tertentu di Wilayah Persekutuan Putrajaya seperti mana juga telah diberikan kepada pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur terhadap beberapa kesalahan lalu lintas tertentu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Seperti mana yang kita sedia maklum, pada tahun 2001, Putrajaya telah diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan Putrajaya seperti mana yang terkandung dalam Akta Perlembagaan (Pindaan) 2001 dan perwujudan Akta Perbadanan Putrajaya 1995 iaitu Akta 536 yang telah pun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Sebelum ini Putrajaya adalah sebahagian daripada negeri Selangor seperti mana yang terkandung dalam seksyen 13, Kanun Tanah Negara 1965.

Selain daripada itu, pindaan yang perlu dibuat terhadap beberapa seksyen dan sub seksyen tertentu Akta 333 Akta Pengangkutan Jalan 1987 ini iaitu seksyen 2 tafsiran iaitu menggantikan takrif kawasan Perbadanan Putrajaya kepada Wilayah Persekutuan Putrajaya selaras dengan Akta Perbadanan Putrajaya 1995. Seksyen 2, ini juga turut memasukkan takrif baru iaitu "Presiden" yang membawa erti "Presiden Perbadanan Putrajaya."

Manakala seksyen 4, sub seksyen 65(7), sub seksyen 67(e) dan sub seksyen 113(2) dipinda bagi menggantikan perkataan, "kawasan Perbadanan Putrajaya" kepada "Wilayah Persekutuan Putrajaya", selaras dengan status Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan melalui kewujudan Akta Perlembagaan (Pindaan) 2001. Kesemua pindaan di atas adalah penting bagi menjadikan akta ini konsisten dengan kedudukan Putrajaya yang telah menjadi Wilayah Persekutuan.

Seterusnya pindaan Akta 333, Akta Pengangkutan Jalan 1987 juga perlu dibuat terhadap sub seksyen 120(1)(cc) bagi memberi kuasa kepada Presiden Perbadanan Putrajaya atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Presiden untuk mengkompaun beberapa kesalahan-kesalahan lalu lintas tertentu di bawah Akta 333 Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Ini adalah kerana pada masa ini kuasa mengkompaun berada di bawah kuasa Ahli Lembaga Perbadanan Putrajaya iaitu Pihak Berkuasa Tempatan Putrajaya dan didapati kuasa ini sukar dan *rigid* dilaksanakan kerana Ahli Lembaga Perbadanan Putrajaya terpaksa bersidang untuk melaksanakan tanggungjawab mengkompaun pesalah trafik. Dengan kuasa yang diberikan kepada presiden dan wakil-wakilnya, maka tugas penguatkuasaan akan menjadi lebih praktikal, efektif dan efisien.

Pindaan selanjutnya ialah menggantikan kandungan peruntukan dalam seksyen 120(3) Akta 333 Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan menggantikannya dengan kandungan peruntukan baru iaitu pihak berkuasa berkenaan ialah membawa maksud pihak berkuasa Wilayah Persekutuan Putrajaya. Pindaan ini selaras dengan sub seksyen 67(e), tafsiran terhadap pihak berkuasa yang berkenaan yang juga dipinda daripada, "kawasan Perbadanan Putrajaya", kepada "Pihak Berkuasa Wilayah Persekutuan Putrajaya."

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi adalah perkara-perkara yang perlu dipinda dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi maksud penyelarasan akta ini dan Akta Perbadanan Putrajaya 1995 dan dengan pindaan-pindaan ini diharap akan membolehkan penguatkuasaan ke atas kesalahan lalu lintas tertentu oleh pegawai penguat kuasa Perbadanan Putrajaya dilaksanakan dengan lebih berkesan di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan bebanan kerja polis lalu lintas PDRM dan Penguat Kuasa JPJ dapat dimanfaatkan untuk tugas-tugas penguatkuasaan di tempat yang lain. Saya juga ingin memaklumkan bahawa pindaan rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Tuan Wee Jeck Seng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis adalah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya Dato' Yip.

Sebelum pada itu, saya akan tangguhkan Dewan pada pukul 5.30 petang untuk membolehkan Usul Ucapan Penangguhan diadakan selepas itu. Silakan Yang Berhormat.

5.26 ptg.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana izinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan. Saya cuma ada sedikit teguran sahaja iaitu dari segi penguatkuasaan. Setelah pihak berkuasa diberi kuasa untuk menjalankan kerja-kerja seperti kompaun dan sebagainya, saya di sini ingin merayu supaya semua pegawai penguatkuasaan diberi taklimat dan latihan yang sepenuhnya sebelum mereka menjalankan kerja-kerja mengkompaun atau menjaga kawasan tersebut.

Ini adalah kerana dari pengalaman yang kita alami di semua pihak berkuasa tempatan termasuklah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan banyak lagi majlis-majlis perbandaran, terdapat banyak kepincangan dari segi pelaksanaan apabila mereka diberi kuasa untuk menyelenggarakan kerja-kerja yang baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ingin saya memberi teguran di sini iaitu supaya khidmat perkhidmatan tarik kereta jangan diadakan di pusat pentadbiran yang baru ini.

Dengan kata-kata demikian, saya suka menyokong pindaan suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ya Dato' Ikhwan.

5.29 ptg.

Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Tuan Yang di-Pertua, saya pun ingin mengambil kesempatan ini untuk berbahas. Dalam sesi lepas Tuan Yang di-Pertua, saya ada bangkitkan isu masalah untuk mendapat tempat meletak kereta di kawasan Putrajaya. Jadi saya hanya nak bangkitkan kalaulah isu-isu ini berlaku di sebuah kawasan yang mungkin termoden di negara kita ini, bagaimanakah kalau pihak yang dimaksudkan ini akan mengambil tindakan kerana kalau kita ke sana pun buat masa ini memang agak sukar untuk menepati janji dari segi masa kadang-kadang kerana hendak dapat tempat letak kereta agak sukar. Walaupun dalam sesi lepas ada dikatakan akan

■1730

Saya juga ada keluarkan satu ketika dulu tentang masalah tunjuk arah. Jadi kali ini pun masih ada lagi satu soalan saya bertanyakan kerana dikatakan dahulu kononnya oleh kerana ada satu dasar baru untuk tunjuk arah, tetapi pada masa sekarang saya nampak masih lagi masalah tunjuk arah ini belum dapat diselesaikan. Jadi saya rasa semua ini sebenarnya adalah satu perkara-perkara yang membabitkan kita sebagai pengurus kawasan dan sebagainya...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat ada lagi perkara-perkara yang hendak dibangkitkan berkaitan dengan rang undang-undang ini, Yang Berhormat boleh sambung ya.

Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Saya ingat saya boleh habiskan. Saya hanya...

Timbalan Yang di-Pertua: Sebab saya hendak tangguhkan sekarang untuk membolehkan Menteri mengemukakan usul penangguhan. Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh sambung perbahasan pada pagi esok. Sila.

USUL**MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAPERATURAN MESYUARAT 15(3)**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**Mengehadkan Subjek SPM****5.32 ptg.**

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: *Bismillahi Rahman Rahim*. Sebelum saya membacakan ucapan penangguhan saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua yang akan bersara pada hari ini atas segala sumbangan dan jasa-jasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Atas jasa-jasa yang telahpun diberikan kepada semua Ahli Dewan khususnya pada diri saya sendiri dan kepada semua kawan-kawan di Dewan Negara ini. Semoga Allah Ta'ala akan membalas segala budi baik dan tunjuk ajar yang telah diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua kepada kami sebelum ini, saya akan mulakan.

Pada tahun 2006, Nur Amalina Che Bakri telah melakar sejarah dengan mendapat 17A1 dalam Sijil Pelajaran Malaysia. Ini mendorong pelajar cemerlang lain seperti Azali Azlan mendapat 21A, Siti Fatimah Mukhtar 19A dan terkini Nik Nor Madihah Nik Kamal yang mendapat 20A dalam SPM 2008. Namun keputusan cemerlang yang tidak seragam ekoran pelbagai aliran sekolah seperti 10A, 14A, 15A dan 19A, dikatakan menimbulkan pelbagai isu termasuklah kesukaran untuk memberikan biasiswa.

Menteri Pelajaran pada 28 Mei 2009 telah mengumumkan keputusan untuk mengehadkan calon SPM mengambil maksimum sepuluh mata pelajaran. Antara asas keputusan adalah bagi membolehkan guru memberikan tumpuan kepada subjek teras dalam menangani kemelut kekurangan guru bagi setengah mata pelajaran. Masalah kelas tuisyen berikutan waktu pelajaran subjek tambahan di sekolah tidak mencukupi dapat dielakkan. Ini juga dikatakan memberikan pelajar mengimbangi pelajaran dengan ko-kurikulum dan sahsiah diri.

Tahun lalu kira-kira 48,000 pelajar atau 10% daripada 500,000 calon SPM mengambil lebih sepuluh subjek. Cadangan kerajaan mengehadkan sepuluh subjek ini mendapat bantahan khususnya daripada sekolah aliran agama dan jenis kebangsaan yang mengambil 15 mata pelajaran yang menggabungkan subjek teras, agama dan sains. Antara alasannya termasuklah:

- (i) polisi pensijilan terbuka yang diumumkan oleh kerajaan belum lagi ditarik balik atau dikaji semula;
- (ii) pelajar sekolah agama dan jenis kebangsaan belajar lebih banyak mata pelajaran. Jadi adalah wajar pelajar diberikan peluang untuk mengambil lebih banyak mata pelajaran untuk SPM;
- (iii) negara lain tidak mengehadkan bilangan mata pelajaran untuk peperiksaan peringkat menengah;
- (iv) daya intelektual dan potensi masing-masing berbeza. Oleh itu kebebasan perlu diberikan kepada setiap individu untuk mengambil bilangan subjek mengikut kemampuan mereka;
- (v) ini akan menyekat hasrat pelajar yang cemerlang memberi komitmen dan persaingan yang sihat;
- (vi) ini juga bertentangan dengan sokongan semangat dan kewangan serta penggunaan "*Malaysia Boleh*". Adakah, *Malaysia Boleh* ini hanya terhad untuk rekreasi dan ekspedisi, tetapi tidak untuk ilmu;
- (vii) masalah dalam mekanisme pengagihan biasiswa yang adil memerlukan kajian yang menyeluruh. Ia tidak selesai dengan had subjek;
- (viii) tiada bukti konkrit pelajar yang mengambil banyak mata pelajaran, melebihi sepuluh mata pelajaran tidak aktif dalam ko-kurikulum. Bagaimana dengan Siti Fatimah Mukhtar dan Nur Amalina, yang juga mencipta banyak kejayaan dalam bidang ko-kurikulum; dan

- (ix) selagi subjek ko-kurikulum tersebut diluluskan oleh kementerian ia adalah bermanfaat, walaupun secara langsung tidak berkaitan dengan kerjaya. Ini sepatutnya dijadikan panduan terhadap cabang ilmu yang lain dan memberikan alternatif yang lebih luas kepada mereka di universiti, memandangkan kebanyakan pelajar kita masih tidak memutuskan bidang apa yang mahu mereka ceburi di peringkat SPM.

Pada masa ini calon SPM wajib mengambil enam mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik, Sejarah dan Pendidikan Islam ataupun Moral. Oleh itu calon wajar diberikan peluang untuk mengambil subjek tanpa mengorbankan subjek pengkhususan mereka dan kerajaan tidak seharusnya mengubah polisi teras yang akan mengakibatkan ketidaktentuan dan menyekat potensi rakyat Malaysia. Ianya juga mengorbankan minat dan masa pelajar mengikut peralihan polisi yang diperkenalkan. Satu kajian menyeluruh dalam tempoh waktu wajar dihebahkan kepada rakyat yang akan menentukan hak asasi mereka dalam pendidikan. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat silakan.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pelajaran saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua yang akan bersara pada hari ini di atas khidmat cemerlang yang telah ditunjukkan sepanjang enam tahun Tuan Yang di-Pertua berkhidmat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia amat menghargai keprihatinan Ahli Yang Berhormat terhadap isu-isu pendidikan yang khusus dan berkaitan dengan sistem pentaksiran pendidikan. Tuan Yang di-Pertua, mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Jun 2009, tahun ini telah membuat keputusan bahawa mulai 2010 calon yang menduduki peperiksaan SPM dihadkan mengambil maksimum sepuluh mata pelajaran. Murid-murid agama aliran sains masih boleh mengambil sebelas mata pelajaran pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, pada tahun 2011 semua murid di semua aliran hanya dibenarkan mengambil maksimum sepuluh mata pelajaran.

Sememangnya terdapat pelbagai pandangan yang disuarakan oleh pelbagai pihak berkepentingan termasuklah daripada pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), berhubung dengan pelaksanaan had sepuluh mata pelajaran SPM ini. Namun begitu, pihak Kementerian Pelajaran berpandangan jumlah sepuluh mata pelajaran adalah memadai bagi calon SPM mengikuti pelbagai aliran supaya fokus dapat diberikan dalam pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu murid dan guru juga akan mempunyai masa yang mencukupi untuk melaksanakan aktiviti pembinaan modal insan yang lain terutamanya ko-kurikulum yang mampu membangunkan potensi akal, jasmani, rohani dan emosi murid secara seimbang selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, melalui penetapan jumlah mata pelajaran yang boleh diambil mengikut aliran tertentu, pembangunan potensi murid dalam jurusan yang dipilih dapat dibangunkan secara intensif dan komprehensif. Hal ini berbeza dengan pandangan Yang Berhormat seperti berikut:

- (i) pelaksanaan mengehendkan sepuluh mata pelajaran sebenarnya telah mengambil kira aspek pensijilan terbuka dengan memperkemas kaedah pemilihan mata pelajaran elektif secara lebih berfokus. Penambahbaikan dilakukan kepada pemilihan elektif mata pelajaran diperluaskan kepada semua aliran sekolah dengan menjadikannya lebih seimbang dan dinamik ke arah pembinaan modal insan. Sehubungan itu konsep pensijilan terbuka yang sedia ada lebih terancang dan tersusun tanpa memerlukan dasar sedia ada ditarik balik;

- (ii) penambahbaikan secara mengkhusus juga dilakukan kepada murid-murid aliran agama dengan menyediakan elektif mata pelajaran yang lebih berfokus dan tersusun tanpa mengikis asas aliran agama yang mereka ikuti. Hal ini kerana semua murid lebih bersedia untuk memilih aliran yang sesuai seperti aliran Agama Sains, aliran Agama Teknikal dan aliran Agama Sastera atau Kemanusiaan;
- (iii) dalam konteks perbandingan dengan negara lain, sebenarnya tidak menunjukkan terdapatnya *trend* yang menggalakkan murid-murid mengambil lebih banyak mata pelajaran dalam peperiksaan. Sebagai contoh, di beberapa negara maju seperti di Australia, New Zealand dan United Kingdom calon hanya mengambil kurang daripada sepuluh mata pelajaran dalam peperiksaan yang ditawarkan;

■1740

- (iv) sebenarnya menghadkan sepuluh mata pelajaran SPM dapat memberikan makna sebenar penaksiran yang telah disalah anggap sebagai pertandingan atau perlumbaan dengan izin, *rat race*. Proses pembelajaran sebenarnya adalah untuk membolehkan murid mendapatkan maklumat dan ilmu tentang sejauh mana mereka menguasai apa yang mereka telah pelajari dan seterusnya maklumat tersebut boleh digunakan bagi memperbaiki pembelajaran. Manakala bagi tujuan mendapatkan ilmu pula, penaksiran boleh dilakukan tanpa melalui peperiksaan dan lebih menjurus kepada pembelajaran sendiri yang boleh dilakukan pada bila-bila tanpa had masa;
- (v) selain itu bagi tujuan penganugerahan biasiswa dan mekanisme pemilihannya pula, kerajaan mempunyai kaedah dan prosedur pemilihannya yang khusus yang meliputi pelbagai kriteria termasuklah pencapaian akademik, sahsiah, keperibadian, penyertaan aktiviti kokurikulum dan merit lain yang dimiliki oleh pemohon;
 Di samping itu kaedah pemilihan akan menjadi lebih mudah kerana semua murid mengambil jumlah mata pelajaran yang sama bilangannya. Melalui pengumuman terbaru kerajaan juga telah mengumumkan pemberian biasiswa nasional yang akan memberikan peluang kepada semua murid pelbagai kaum untuk memohon dengan pelaksanaan secara sistem merit; dan
- (vi) untuk makluman, berdasarkan syarat kemasukan ke Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, adalah memadai dengan mengambil mata pelajaran elektif sains yang disediakan untuk membuat jurusan ke bidang khusus. Contohnya, untuk bidang perubatan adalah memadai dengan mengambil mata pelajaran elektif sains iaitu Kimia, Biologi dan Matematik Tambahan. Manakala calon yang ingin mengikuti jurusan kejuruteraan, mereka bolehlah menggugurkan Biologi dan mengambil mata pelajaran elektif Fizik, Kimia dan Matematik Tambahan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, KPM telah memperhalus implikasi penetapan jumlah maksimum mata pelajaran terhadap pilihan kerjaya dan pembangunan potensi murid secara *holistic* dengan turut mengambil kira pandangan ibu bapa, guru dan masyarakat umum mengenai hal ini.

Dalam usaha memastikan murid memahami pelaksanaan had sepuluh mata pelajaran SPM ini, maka pihak pengurusan sekolah yang terdiri daripada pengetua, kaunselor dan guru tingkatan akan memberikan bimbingan yang secukupnya kepada semua murid agar mereka dapat membuat pemilihan yang bijak, sesuai dengan minat, kemampuan dan keperluan modal insan negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Gejala Sosial Belia dan Remaja

5.43 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua selama Tuan Yang di-Pertua memberikan perkhidmatan di Dewan Negara ini. Memberikan perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang dan saya doakan supaya Tuan Yang di-Pertua diberikan kesihatan yang baik, panjang umur dan murah rezeki.

Tuan Yang di-Pertua, kestabilan politik dinikmati di negara ini sejak merdeka menjadi faktor utama rakyat dapat hidup selesa tanpa wujudnya perasaan benci-membenci dan permusuhan antara satu sama lain dalam masyarakat yang berbilang kaum hasil kestabilan politik yang dinikmati negara sejak sekian lama, menyebabkan kerajaan dapat menyusun program-program pembangunan yang berfaedah demi meningkatkan taraf hidup rakyat.

Dari semasa ke semasa negara terus mendapat perhatian dunia kerana cekap menguruskan ekonomi dan politik negara menerusi sistem pentadbiran kakitangan kerajaan yang bersih, cekap dan amanah serta pemimpin negara yang mesra rakyat. Dengan itu negara terus menikmati kemakmuran, kemajuan dan kehidupan yang aman damai walaupun negara sedang menghadapi ketidakstabilan ekonomi global yang mungkin memberi kesan terhadap pembangunan ekonomi negara.

Serangan yang tidak berasas dan datang bertubi-tubi dan tidak pernah jemu oleh pihak-pihak tertentu. Daripada kalangan kita juga fikirannya berjerebu serta terpukau dengan kuasa luar dan lebih berminat untuk menerima pujian daripada mereka dengan mencaci bangsa dan negara sendiri. Mereka terpengaruh dengan menjatuhkan pemimpin-pemimpin negara melalui cara yang tidak demokratik. Namun demikian kepayahan ini kita mampu meneruskan dasar-dasar fleksibel, memulihkan daya maju perkembangan ekonomi terhadap sedia kala.

Kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi adalah prasyarat bagi kejayaan sesebuah negara. Namun kejayaan yang dinikmati ini tidak mampu berpanjangan sekiranya generasi muda yang ada pada hari ini lupa akan tanggungjawab bagi meneruskan kecemerlangan ini. Apatah lagi saban hari kita melihat pelbagai gejala sosial yang dicetuskan oleh golongan remaja dan belia. Antaranya ialah kes ragut, kes mat rempit, kes minah rempit dan pelbagai permasalahan sosial.

Dalam soal ini, apakah kita perlu menuding jari kepada mereka semata-mata atau kita melihat apa yang berlaku ini sebahagian daripada proses kematangan remaja dan belia. Jikalau begini tanggapan kita, maka generasi yang bakal menguasai negara adalah generasi yang kita tidak boleh harapkan untuk meneruskan kecemerlangan yang kita bina hari ini. Namun apakah kita hanya harus mendiamkan diri dan melihat apa yang berlaku atau mendesak pihak berkuasa melalui penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat terhadap kesalahan yang dilakukan?

Hari ini kita dengar pelbagai pihak mendesak undang-undang yang lebih ketat dikenakan bagi membendung gejala tersebut. Hukuman bukanlah penyelesaian satu permasalahan.

Proses tindakan penguatkuasaan undang-undang hanya sebahagian daripada langkah-langkah pencegahan tetapi masih belum terbukti ia dapat memberi permasalahan ini. Apakah kita tidak pernah ditonton dengan tindakan hukuman yang cukup berat bagi penyalahgunaan dadah? Namun statistik tersebut tidak pernah menurun malahan saban tahun terus meningkat.

Sebab itulah saya nyatakan bahawa pencegahan hanyalah sebahagian daripada proses penyelesaian sementara. Sebagai langkah terbaik ke arah membendung masalah sosial dan remaja, saya suka mendengar supaya kerajaan melaksanakan kajian secara menyeluruh terhadap permasalahan sosial dan penyediaan cadangan penyelesaian secara konstruktif dan kolektif.

Maksudnya pertimbangan terhadap kegiatan-kegiatan tertentu sebagai contoh gejala mat-mat rempit atau pun akibat daripada minat bermotosikal dan berkumpul, alternatifnya mewujudkan kelab-kelab motosikal harus digerakkan oleh agensi-agensi kerajaan dan NGO serta menyediakan tempat berlumba yang lebih selamat dan terkawal. Di samping itu, kegiatan-kegiatan remaja dan belia lebih tersusun dan menepati cita rasa remaja. Belia perlu dikenal pasti dan sedia ada oleh pihak kerajaan melalui penglibatan secara langsung dan bersungguh-sungguh daripada kakitangan agensi kerajaan.

Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan khususnya memperbanyakkan kegiatan belia dan remaja melalui kelab-kelab belia sedia ada. Dengan mengambil kira pelbagai kelompok sasaran pelaksanaan. Aktiviti yang dilaksanakan bukan sahaja untuk syok sendiri. Perbelanjaan kewangan yang melampau tetapi akhirnya kesan kepada matlamat asal tidak dapat dicapai. Apa yang saya kemukakan dan saran itu bukanlah bermaksud kita tidak pernah bersyukur dengan apa yang kita kecapai. Namun hanya sumbangan dan pandangan sahaja. Ini melihat generasi pewaris mencapai kejayaan yang lebih cemerlang.

Sebenarnya kita mempunyai banyak sebab untuk lebih bersyukur kepada Allah SWT kerana melimpahkan rahmatnya. Sewajarnya, rakyat khususnya golongan remaja dan belia haruslah berterima kasih kepada kerajaan yang sentiasa memberikan sokongan yang padu dan jitu untuk menjadikan golongan remaja dan belia mencapai kecemerlangan yang kita bina kecuali sikap kita harus dan sentiasa prihatin kepada permasalahan masyarakat.

Kepada seluruh warga Dewan, marilah kita bersama-sama memupuk sikap bertanggungjawab dan akauntabiliti bagi menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat untuk meneruskan agenda pembangunan masyarakat, menolak kefahaman sempit dan bercelaru dan kabur dengan cabaran yang bakal mendatang. Meskipun dibenarkan di kalangan kita berbeza pendapat dan pandangan tetapi biarlah perbezaan ini menjurus kepada kebaikan sejagat. Bukan hanya perbezaan yang membawa kepada perpecahan dan permusuhan umat, dan bangsa sendiri. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.49 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Tuan Wee Jeck Seng]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan mengucapkan terima kasih di atas cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator bagi mengatasi permasalahan sosial belia dan remaja pada masa kini. Kementerian mengakui bahawa permasalahan sosial belia dan remaja pada masa kini semakin meningkat dan perkara ini juga diakui oleh agensi-agensi penguatkuasaan terlibat. Mengikut statistik Jabatan Perangkaan Negara pada tahun 2000, populasi belia negara yang berusia antara 15 tahun hingga 39 tahun adalah 9.85 juta orang.

■1750

Angka ini telah meningkat pada tahun 2008 kepada 11.3 juta orang dan dijangkakan menjelang tahun 2010 terdapat hampir 12 juta orang warga belia di Malaysia. Oleh yang demikian kadar peningkatan penglibatan belia di dalam permasalahan sosial secara totalnya kemungkinan bertambah.

Sememangnya kementerian amat bersetuju dengan pandangan bahawa hukuman bukanlah penyelesaian kepada segala permasalahan. Kementerian juga menyambut baik cadangan daripada Yang Berhormat Senator supaya pihak kerajaan menjalankan kajian secara menyeluruh terhadap permasalahan sosial negara agar penyelesaian yang lebih konstruktif dan kolektif dapat dilakukan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia atau IPPBM akan mengadakan satu persidangan meja bulat pada awal Ogos 2009 bagi membincangkan ini secara menyeluruh sebagai mana yang disarankan.

Ahli-ahli akademik, pihak berkuasa, agensi kerajaan, NGO dan individu-individu yang terlibat dengan sebarang kajian berkaitan dengan gejala sosial akan dilibatkan untuk sama-sama mencari formula bagi mengatasi masalah gejala sosial ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya bagi menyelami permasalahan sebenar mengenai gejala mat rempit, maka kementerian dengan kerjasama Unit Perancangan Ekonomi atau EPU, Jabatan Perdana Menteri akan mengadakan satu kajian khusus yang akan melibatkan seramai 5,000 belia bermotor atau mat rempit. Kajian ini dijangka akan bermula pada bulan ini. Kajian tersebut diharapkan dapat menghasilkan gerak kerja preventif atau pencegahan melalui program-program yang bersesuaian.

Pada masa ini juga, kementerian telah mengambil inisiatif dengan merancang dan melaksanakan beberapa program kursus untuk menarik minat golongan mat rempit. Antaranya melalui program stantus dan kursus *advanced driving* atau *safety riding* yang diadakan di peringkat negeri. Kementerian juga sedang dalam perancangan untuk membangunkan kawasan-kawasan khas berbentuk litar sementara dan *intergrated circuit* di setiap ibu negeri seluruh negara. Ia bertujuan untuk menyediakan kemudahan khas bagi golongan bermotosikal mengadakan sebarang aktiviti dengan lebih selamat dan terkawal.

Sehingga kini sebanyak 52 buah persatuan atau kelab-kelab berkaitan motosikal telah berdaftar dengan pejabat Suruhanjaya Sukan. Kementerian bersama-sama dengan NGO akan berusaha untuk mewujudkan lebih banyak lagi persatuan atau kelab motosikal dalam masa akan datang. Promosi yang meluas akan dirancang bagi mencapai maksud tersebut sekali gus diharapkan dapat mengurangkan atau mengatasi masalah mat rempit. Perhatian serius daripada pihak berkuasa dan masyarakat adalah elemen penting yang mampu mengurangkan gejala ini daripada terus berleluasa. Ini juga akan menjadi satu wadah kepada kerajaan dalam usaha menangani masalah penagih dadah dan lumba haram di kalangan belia.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah menyediakan platform kepada golongan belia melontarkan idea dan cadangan atau resolusi menerusi Majlis Perundingan Belia Negara. Hasil daripada rundingan yang diadakan, kementerian telah dapat merangka program belia dengan lebih tersusun dan menepati cita rasa remaja dan belia. Di samping itu kementerian menyediakan latihan, bimbingan dan bantuan bagi mengupayakan pertumbuhan-pertumbuhan belia agar dapat memainkan peranan dengan lebih berkesan. Oleh itu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada belia di luar di sana menjadi pertumbuhan-pertumbuhan belia yang berdaftar. Kepada seluruh warga Dewan, bagi membendung permasalahan sosial belia dan remaja pada masa kini, sokongan daripada segenap lapisan masyarakat amatlah dialu-alukan. Oleh itu kementerian dengan pendekatan "Satu Belia, Satu Malaysia" akan terus berusaha untuk memastikan generasi pewaris adalah satu generasi yang akan membawa negara kita ke mercu kegemilangan. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan Majlis ialah satu masalah, iaitu Majlis Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, pada detik-detik ini saya ingin mengucapkan terima kasih khususnya saya telah dapat dengar penilaian mahupun penghargaan terhadap pencapaian yang saya telah dapat kecapai dalam mengendalikan urusan Dewan ini. Namun saya terimanya dengan semangat, tanpa Yang Berhormat-Yang Berhormat cunghil yang ada sebaik-baiknya dalam diri saya, tidak mungkin saya dapat capai tahap dan prestasi tersebut. Saya ucapkan terima kasih. Perasaan yang menguasai diri saya ketika ini ialah tidak lain, tidak bukan, melainkan rasa syukur dan terima kasih.

Keduanya Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya minat untuk mengingatkan sekali lagi supaya sama-samalah Yang Berhormat memperjuangkan agar Dewan yang mulia ini senantiasa peka dan *assertive* dalam mendukung peranannya, memberi sumbangan kepada negara melalui dokongan prinsip *check and balance*. Selamat berjuang, terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.56 petang.